

ANALISIS SEMANTIK KATA PINJAMAN BAHASA
INGGERIS DALAM BUKU TEKS BAHASA JEPUN

ROSLINDA BINTI MOHAMAD RADZI

FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

2020

**ANALISIS SEMANTIK KATA PINJAMAN BAHASA
INGGERIS DALAM BUKU TEKS BAHASA JEPUN**

ROSLINDA BINTI MOHAMAD RADZI

**DISERTASI DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA KEPERLUAN BAGI
IJAZAH SARJANA LINGUISTIK**

**FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2020

UNIVERSITI MALAYA
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: Roslinda binti Mohamad Radzi

No. Matrik: TGC140005

Nama Ijazah: Sarjana Linguistik

Tajuk Kertas ~~Projek/Laporan Penyelidikan~~/Disertasi/Tesis (“Hasil Kerja ini”):

**Analisis Semantik Kata Pinjaman Bahasa Inggeris
dalam Buku Teks Bahasa Jepun**

Bidang Penyelidikan: Semantik

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh: 07/05/2020

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh: 07/05/2020

Nama:

Jawatan

ANALISIS SEMANTIK KATA PINJAMAN BAHASA INGGERIS DALAM BUKU TEKS BAHASA JEPUN

ABSTRAK

Kata pinjaman daripada bahasa lain merupakan fenomena yang kebiasaannya dijumpai dalam banyak bahasa di dunia. Menurut Payne (2006), kata pinjaman membawa maksud penutur dalam sesuatu bahasa menganggap perkataan, morfem atau pembentukan daripada bahasa lain sebagai leksikal dalam bahasa sendiri. Kata pinjaman bahasa Inggeris yang digunakan dalam bahasa Jepun juga turut disesuaikan dalam bentuk penulisan. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi melihat jenis-jenis pinjaman dan juga aspek perubahan semantik kata pinjaman dalam bahasa Inggeris yang digunakan dalam bahasa Jepun dalam buku teks *Bahasa Jepun Tingkatan 5*, Kementerian Pendidikan Malaysia. Pendekatan Myers-Scotton (2006) dan Horikawa (2013) digunakan bagi melihat jenis-jenis pinjaman dan Analisis Komponen Makna oleh Nida (1975) pula digunakan bagi mengkaji perubahan semantik dalam kata pinjaman ini. Kajian ini adalah berbentuk deskriptif dan dibincangkan dalam bentuk carta pai, carta bar dan jadual. Hasil analisis menunjukkan bahawa terdapat empat jenis pinjaman yang digunakan dalam bahasa Jepun iaitu pinjaman teras, pinjaman budaya, pinjaman teras/Barat dan pinjaman teras/budaya. Pinjaman teras merupakan pinjaman yang paling banyak digunakan dalam buku teks bahasa Jepun. Kata pinjaman juga turut mengalami perubahan semantik iaitu melalui pengurangan makna, pemilikan makna baru dan peluasan makna.

SEMANTIC ANALYSIS OF ENGLISH LOANWORDS IN JAPANESE

TEXTBOOK

ABSTRACT

Loanwords taking from other languages are a usual phenomenon that is exhibited in many languages around the world. According to Payne (2006), loanwords happen when a speaker of one's language thinks that words, morphemes or constructions from other languages as lexicons of his/ her own language. As for Japanese language, this language also has adopted loanwords from English language and the English loanwords have been adapted according to writing. This study aimed to identify the types of borrowing and their frequencies as well as the English to Japanese language semantic changes by using the Ministry of Education Malaysia's *Japanese Language Form Five* textbook. It adopted approaches by Myers-Scotton (2006) and Horikawa (2013) to determine the types of borrowing of the English loanwords. Apart from that, the Componential Analysis Theory by Nida (1975) was used as well in analyzing the semantic changes that occurred within the loanwords. This research had been carried out descriptively and the discussion was illustrated in the forms of pie charts, bar charts and tables. The results showed that there were four types of borrowing which were core borrowing, cultural borrowing, core/Western borrowing and core/cultural borrowing with the dominant type of borrowing found was the core borrowing. Semantic changes also occurred in the loanwords in the forms of semantic reductions, new meaning gains and semantic broadenings.

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang maha pemurah lagi maha mengasihani. Syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan limpah rahmat-Nya, saya diberikan kudrat dan kekuatan minda serta dipermudah segala urusan bagi menyiapkan disertasi ini.

Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Bahagian Tajaan, Kementerian Pendidikan Malaysia kerana memberi peluang dan kepercayaan kepada saya untuk menyambung pengajian dan membiayai pengajian saya. Setinggi-tinggi penghargaan juga diucapkan kepada penyelia-penyelia saya iaitu Dr. Woo Wai Sheng dan Dr. Sakina Sahuri binti Suffian Sahuri kerana banyak memberi tunjuk ajar dan bimbingan sepanjang saya menghasilkan disertasi ini. Tanpa bimbingan dan tunjuk ajar mereka yang tidak pernah mengenal jemu tentulah mustahil bagi saya untuk menyiapkan disertasi ini.

Terima kasih yang tidak terhingga juga kepada ibu bapa serta adik-adik saya yang sentiasa memberi sokongan moral dan kiriman doa untuk saya meneruskan perjuangan ini. Sesungguhnya sokongan anda semua amat bermakna sehingga saya dapat mengecap kejayaan manis ini. Tidak lupa juga kepada semua kakitangan FBL, pustakawan FBL dan juga rakan-rakan sepengajian yang banyak memberi sumbangan idea dan kata-kata semangat sehingga saya dapat menyempurnakan disertasi ini dengan jayanya.

Terima kasih.

ISI KANDUNGAN

Perakuan Keaslian Penulisan.....	ii
Abstrak.....	iii
<i>Abstract</i>	iv
Penghargaan.....	v
Isi Kandungan.....	vi
Senarai Jadual.....	x
Senarai Rajah.....	xiii
Senarai Singkatan Kata.....	xiv
Senarai Lampiran.....	xv
BAB 1: PENGENALAN.....	1
1.0 Pengenalan.....	1
1.1 Pernyataan Masalah.....	4
1.2 Objektif Kajian.....	7
1.3 Persoalan Kajian.....	7
1.4 Kepentingan Kajian.....	8
1.5 Batasan Kajian.....	9
1.6 Perkembangan Kata Pinjaman Bahasa Inggeris dalam Bahasa Jepun.....	10
1.7 Buku Teks Bahasa Jepun.....	12
1.8 Definisi Istilah.....	14
1.8.1 <i>Gairaigo</i>	14
1.8.2 <i>Kanji</i>	14
1.8.3 <i>Hiragana</i>	15
1.8.4 <i>Katakana</i>	15
1.8.5 <i>Rōmaji</i>	15

1.9	Kesimpulan.....	15
BAB 2: SOROTAN KAJIAN BERKAITAN.....		17
2.0	Pendahuluan.....	17
2.1	Definisi Kata Pinjaman.....	17
2.2	Kata Pinjaman Bahasa Inggeris.....	18
2.3	Transkripsi Kata Pinjaman Bahasa Inggeris.....	18
2.4	Adaptasi Kata Pinjaman Bahasa Inggeris.....	20
2.4.1	Perubahan Fonologi.....	21
2.4.2	Perubahan Ortografi.....	22
2.4.3	Perubahan Morfologi.....	23
2.4.4	Perubahan Sintaksis.....	24
2.4.5	Perubahan Semantik.....	24
2.5	Faktor-faktor Penggunaan Kata Pinjaman.....	26
2.5.1	Keperluan Persekitaran dan Bahasa Inggeris.....	27
2.5.2	Motif.....	27
2.6	Fungsi Kata Pinjaman daripada Bahasa Inggeris.....	30
2.6.1	Mengisi Jurang Leksikal.....	31
2.6.2	Alternatif bagi Bahasa Natif.....	33
2.6.3	Eufemisme.....	34
2.7	Kerangka Teori.....	35
2.7.1	Taksonomi Pinjaman Linguistik.....	36
2.7.2	Analisis Komponen Makna.....	39
2.8	Kajian Berkaitan Kata Pinjaman Bahasa Inggeris dalam Bahasa Jepun.....	43
2.9	Kesimpulan.....	48

BAB 3: METODOLOGI KAJIAN.....	50
3.0	Pendahuluan.....50
3.1	Data.....50
3.1.1	Latar Belakang Data Kajian.....51
3.1.2	Sinopsis Buku Teks Bahasa Jepun Tingkatan 5.....52
3.2	Bahan Rujukan.....54
3.3	Semakan Analisis Data.....55
3.4	Reka Bentuk Kajian.....56
3.5	Prosedur Kajian.....57
3.6	Proses Penganalisan Data.....60
3.6.1	Analisis Kuantitatif Deskriptif.....60
3.6.2	Analisis Kualitatif.....61
3.6.3	Kaedah Analisis Komponen Makna.....62
3.7	Kesimpulan.....64
BAB 4: ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN.....	65
4.0	Pendahuluan.....65
4.1	Asal Usul Kata Pinjaman.....66
4.2	Golongan Kata dalam Kata Pinjaman.....67
4.3	Jenis-Jenis Pinjaman.....68
4.4	Analisis Jenis-Jenis Pinjaman.....69
4.4.1	Pinjaman Teras.....69
4.4.2	Pinjaman Budaya.....70
4.4.3	Pinjaman Teras/Barat.....71
4.4.4	Pinjaman Teras/Budaya.....72
4.5	Analisis Komponen Makna.....74

4.5.1	Pengurangan Makna	74
4.5.2	Pemilikan Makna Baru.....	93
4.5.3	Peluasan Makna.....	109
4.5.4	Perubahan-Perubahan Lain.....	110
4.6	Perubahan Makna dalam Kata Kerja.....	112
4.7	Perubahan Makna dalam Kata Adjektif.....	113
4.8	Pemendekan Kata.....	114
4.9	Kesimpulan.....	114
BAB 5: RUMUSAN DAN CADANGAN.....		116
5.0	Pendahuluan.....	116
5.1	Kesimpulan dan Perbincangan Dapatan Kajian.....	116
5.1.1	Persoalan Kajian 1.....	118
5.1.2	Persoalan Kajian 2.....	120
5.2	Impak Kajian.....	125
5.3	Cadangan.....	125
Bibliografi.....		127
Lampiran.....		134

SENARAI JADUAL

Jadual 2.1: Contoh Kata Majmuk Monolingual dan Hibrid oleh Irwin (2005)	20
Jadual 2.2: Komponen Bersama dan Komponen Diagnostik untuk Perkataan Lelaki, Wanita, Budak Lelaki dan Budak Perempuan	41
Jadual 2.3: Jadual Matrik Analisis Istilah Kekeluargaan (<i>Kinship</i>) (Jackson,1996)	43
Jadual 3.1: Pengklasifikasian Jenis-Jenis Pinjaman daripada Myers-Scotton (2006) dan Horikawa (2013)	61
Jadual 3.2: Contoh Jadual Analisis Komponen Makna.....	64
Jadual 4.1: Analisis Data 1.....	75
Jadual 4.2: Analisis Data 2.....	75
Jadual 4.3: Analisis Data 3.....	76
Jadual 4.4: Analisis Data 4.....	76
Jadual 4.5: Analisis Data 5.....	77
Jadual 4.6: Analisis Data 6.....	77
Jadual 4.7: Analisis Data 7.....	78
Jadual 4.8: Analisis Data 8.....	78
Jadual 4.9: Analisis Data 9.....	79
Jadual 4.10: Analisis Data 10.....	80
Jadual 4.11: Analisis Data 11.....	80
Jadual 4.12: Analisis Data 12.....	81
Jadual 4.13: Analisis Data 13.....	81
Jadual 4.14: Analisis Data 14.....	82
Jadual 4.15: Analisis Data 15.....	82
Jadual 4.16: Analisis Data 16.....	83

Jadual 4.17: Analisis Data 17.....	83
Jadual 4.18: Analisis Data 18.....	84
Jadual 4.19: Analisis Data 19.....	84
Jadual 4.20: Analisis Data 20.....	85
Jadual 4.21: Analisis Data 21.....	86
Jadual 4.22: Analisis Data 22.....	86
Jadual 4.23: Analisis Data 23.....	87
Jadual 4.24: Analisis Data 24.....	87
Jadual 4.25: Analisis Data 25.....	88
Jadual 4.26: Analisis Data 26.....	89
Jadual 4.27: Analisis Data 27.....	89
Jadual 4.28: Analisis Data 28.....	90
Jadual 4.29: Analisis Data 29.....	90
Jadual 4.30: Analisis Data 30.....	91
Jadual 4.31: Analisis Data 31.....	91
Jadual 4.32: Analisis Data 32.....	92
Jadual 4.33: Analisis Data 33.....	93
Jadual 4.34: Analisis Data 34.....	94
Jadual 4.35: Analisis Data 35.....	94
Jadual 4.36: Analisis Data 36.....	95
Jadual 4.37: Analisis Data 37.....	96
Jadual 4.38: Analisis Data 38.....	96
Jadual 4.39: Analisis Data 39.....	97
Jadual 4.40: Analisis Data 40.....	98
Jadual 4.41: Analisis Data 41.....	98
Jadual 4.42: Analisis Data 42.....	99

Jadual 4.43: Analisis Data 43.....	100
Jadual 4.44: Analisis Data 44.....	101
Jadual 4.45: Analisis Data 45.....	101
Jadual 4.46: Analisis Data 46.....	102
Jadual 4.47: Analisis Data 47.....	102
Jadual 4.48: Analisis Data 48.....	103
Jadual 4.49: Analisis Data 49.....	104
Jadual 4.50: Analisis Data 50.....	104
Jadual 4.51: Analisis Data 51.....	105
Jadual 4.52: Analisis Data 52.....	106
Jadual 4.53: Analisis Data 53.....	106
Jadual 4.54: Analisis Data 54.....	107
Jadual 4.55: Analisis Data 55.....	108
Jadual 4.56: Analisis Data 56.....	108
Jadual 4.57: Analisis Data 57.....	109
Jadual 4.58: Analisis Data 58.....	109
Jadual 4.59: Analisis Data 59.....	110
Jadual 4.60: Analisis Data 60.....	111
Jadual 4.61: Analisis Data 61.....	111
Jadual 4.62: Analisis Data 62.....	112
Jadual 5.1: Jenis-Jenis Pinjaman dan Perubahan Makna.....	118
Jadual 5.2: Bilangan Kata Pinjaman dengan Perubahan Semantik.....	120

SENARAI RAJAH

Rajah 3.1: Carta Alir Prosedur Kajian.....	59
Rajah 4.1: Asal Usul Kata Pinjaman.....	66
Rajah 4.2: Golongan Kata dalam Kata Pinjaman Bahasa Inggeris.....	67
Rajah 4.3: Jenis-Jenis Pinjaman.....	68

University of Malaya

SENARAI SINGKATAN KATA

KN	Kata Nama
KK	Kata Kerja
KA	Kata Adjektif
B	Bab
Ms	Muka Surat

University of Malaya

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran 1: Golongan Kata dan Jenis-Jenis Pinjaman.....	134
Lampiran 2: Kata Pinjaman yang Tidak Mengalami Perubahan Makna.....	146
Lampiran 3: Kata Pinjaman yang Mengalami Perubahan Makna.....	148
Lampiran 4: Jadual Analisis Semantik Kata Pinjaman dalam Buku Teks Bahasa Jepun Tingkatan 5.....	150
Lampiran 5: Isi Kandungan Buku Teks Bahasa Jepun Tingkatan 5.....	202
Lampiran 6: Latar Belakang Perujuk.....	203

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pengenalan

Kata pinjaman daripada bahasa lain merupakan fenomena yang kebiasaannya dijumpai dalam banyak bahasa di dunia. Payne (2006) menyatakan bahawa kata pinjaman membawa makna penutur dalam sesuatu bahasa menganggap perkataan, morfem atau pembentukan kata daripada bahasa lain sebagai leksikal dalam bahasa sendiri. Holmes (2001) pula menyatakan bahawa manusia boleh meminjam perkataan daripada bahasa lain untuk menyatakan konsep atau menerangkan sesuatu objek kerana ketiadaan perkataan yang sesuai dalam bahasa yang digunakan. Miura (1979) pula menyatakan bahawa kata pinjaman ialah perkataan yang dipinjam daripada bahasa lain. Bahasa Jepun juga tidak terkecuali dan telah meminjam banyak perkataan daripada bahasa-bahasa lain. Antaranya adalah daripada bahasa Cina, bahasa Inggeris, bahasa Belanda, bahasa Portugis, bahasa German, bahasa Perancis, bahasa Itali dan bahasa Rusia (Irwin, 2011).

Bahasa Jepun telah berkembang selaras dengan peredaran zaman melalui pertembungan bahasa dan penyerapan kosa kata daripada bahasa-bahasa asing. Sebelum pertembungan dengan negara Barat, pengaruh yang paling besar datangnya dari China dengan tulisan ideografik *kanji* (aksara Cina) telah diadaptasi ke dalam Bahasa Jepun. Bahasa Jepun menggunakan dua sistem tulisan iaitu *hiragana* and *katakana*, bergabung dengan *kanji* untuk membentuk sistem tulisan bahasa Jepun. Sejak abad ke-19, masyarakat dan budaya Jepun itu sendiri telah membuka pintunya kepada pengaruh Barat. Perkara ini terbukti berdasarkan kajian Loveday (1996) yang menyatakan bahawa 10% daripada leksikal Jepun didapati dalam bidang kosmetik, fesyen, makanan, teknologi audio, sukan, perumahan, pengurusan perniagaan dan kejuruteraan merupakan *gairaigo*. Hal ini

terbukti apabila sejumlah besar perkataan datang daripada sumber-sumber luar terutamanya daripada bahasa Inggeris. Shoji (2013) menyatakan bahawa selepas Perang Dunia Kedua, lambakan kata pinjaman atau *gairaigo* dalam bahasa Jepun datang daripada bahasa Inggeris. Fenomena ini disebabkan oleh pengaruh budaya Amerika ke Jepun (Snoeijers, 2015). Fasa pinjaman daripada bahasa lain juga turut menunjukkan peningkatan yang mendadak.

Pada masa ini, bahasa Inggeris merupakan sumber terpenting bagi kata pinjaman dalam bahasa Jepun. Stanlaw (2004) menyatakan bahawa 95% daripada kata pinjaman *gairaigo* diperolehi daripada bahasa Inggeris dengan anggaran 5 hingga 10% daripada leksikal bahasa Jepun adalah berasal daripada bahasa Inggeris. Jumlah kata pinjaman dalam bahasa Jepun juga telah turut bertambah. Menurut Rebuck (2002), *Senseido's Concise Dictionary of Foreign Words* edisi 1991 mengandungi sekitar 33,500 kata pinjaman. Bagi edisi 2010 pula, terdapat 56,300 perkataan bahasa asing dalam Bahasa Jepun dengan pertambahan lebih daripada 20,000 perkataan yang kebanyakannya kata pinjaman daripada bahasa Inggeris.

Kemunculan kata pinjaman menunjukkan trend peningkatan dari hari ke hari walaupun kata pinjaman ini mewakili peratusan kecil dalam kamus bahasa Jepun (Kuang, 2009). Penggunaan kata pinjaman ini banyak digunakan dalam komunikasi dan penulisan seharian. Peluasan kata pinjaman menyebabkan kesukaran untuk mengenal pasti kemunculan kosa kata yang baru kerana terdapat sesetengah kata pinjaman yang digunakan di dalam teks tidak terdapat di dalam kamus bahasa Jepun-bahasa Inggeris dan hanya boleh didapati di dalam kamus penutur jati bahasa Jepun.

Selain itu, banyak istilah daripada bahasa Inggeris yang dipinjam menjadi popular walaupun terdapat istilah bahasa Jepun yang sesuai untuk konsep tersebut. Banyak juga kata pinjaman yang telah mula menggantikan perkataan asal dalam bahasa Jepun. Chipps (2014) menyatakan bahawa perkataan tradisional Jepun seperti 暦 *koyomi* 匙 *saji* dan 厠 *kawaya* amat jarang digunakan dalam perbualan seharian. Beliau juga menyatakan bahawa kata pinjaman カレンダー *karendā* (kalendar), スプーン *supūn* (sudu) dan トイレ *toire* (tandas) digunakan walaupun perkataan ini lebih panjang dan sukar disebut berbanding kata asal. Namun demikian, perkataan yang dipinjam daripada bahasa Inggeris yang cenderung untuk berlaku pertambahan makna juga berpotensi menjadi popular atau kurang popular lebih pantas daripada bahasa Jepun (Shibatani, 1990). Perkataan yang dipinjam dan digunakan dalam keadaan semasa juga boleh menjadi ketinggalan dan tidak lagi digunakan dalam tempoh beberapa tahun. Keadaan ini telah menyukarkan pelajar asing untuk belajar bahasa Jepun. Sebagai contoh, Shibatani (1990) bahawa kata pinjaman seperti slanga mudah digunakan dan disisihkan. Oleh itu, hanya perkataan yang kukuh sahaja akan tercatat di dalam kamus.

Sesetengah daripada perkataan adalah mudah untuk difahami kerana mempunyai makna yang sama dalam bahasa Inggeris. Namun dalam kebanyakan keadaan, kata pinjaman bahasa Jepun hanya meminjam satu makna yang kadang kala mempunyai banyak makna dalam bahasa asalnya iaitu bahasa Inggeris. Hara (2011) memberikan contoh perkataan アイロン *airon* (seterika) membawa makna alat yang digunakan untuk menggosok pakaian dan juga alat untuk menghasilkan fesyen rambut. Manakala dalam bahasa Jepun perkataan アイロン *airon* (seterika) bermakna sejenis logam. Sejumlah besar perkataan yang dipinjam daripada bahasa Inggeris akan menjadi sebahagian daripada kosa kata oleh rakyat Jepun.

Kajian tentang kata pinjaman dapat dilihat dalam surat khabar, majalah, iklan, laman web, manga, bahan bacaan ilmiah dan lain-lain lagi. Namun, kajian ini dijalankan bagi melihat penggunaan yang lebih tepat kata pinjaman dalam buku teks Tingkatan Lima khususnya untuk pelajar Malaysia yang belajar bahasa Jepun di tanah air sendiri. Pelajar-pelajar sekolah menengah ini merupakan pelajar yang mengikuti kelas bahasa Jepun selama dua jam seminggu ataupun bersamaan dengan 64 jam setahun. Selain itu, kajian ini juga dijalankan untuk melihat dengan lebih mendalam aspek kosa kata yang dipinjam daripada bahasa Inggeris ke bahasa Jepun dan juga daripada aspek perubahan semantik yang terdapat dalam kata pinjaman bahasa Inggeris dalam bahasa Jepun. Pengetahuan tentang makna kata pinjaman adalah penting supaya kata pinjaman tersebut dapat digunakan dalam konteks bahasa Jepun yang betul.

1.1 Pernyataan Masalah

Bahasa Jepun menggunakan sistem tulisan *katakana* bagi membezakan kata pinjaman dan sistem tulisan ini merupakan satu fenomena yang unik di dunia. Bahasa Jepun mempunyai tiga jenis sistem tulisan yang utama dan penggunaannya adalah seperti berikut iaitu *kanji* di antara 25% hingga 35%, *hiragana* 65% dan 4% terdiri daripada *katakana* (Taylor, 1981). Kadang kala huruf dan nombor dalam bentuk rumi dapat dilihat. Penggunaan *katakana* telah menyebabkan kata pinjaman dari negara luar mudah dipinjam ke dalam bahasa Jepun dan menyebabkan kata pinjaman mudah dibaca. Kata pinjaman selalunya digunakan dalam frasa ayat sama ada dalam bentuk percakapan atau penulisan. Daulton (2009) bahawa kebanyakan kata pinjaman digunakan untuk mengisi jurang leksikal. Sebagai contoh, dalam perkataan *terabaito* (*terabyte*) yang merupakan istilah baharu dalam bidang pengkomputeran. Walau bagaimanapun, tujuan sebenar penggunaan kata pinjaman adalah lebih menjurus kepada tujuan hiasan.

Kata pinjaman juga dapat dilihat dengan jelas dalam pelbagai sumber dan genre. Penggunaan drastik kata pinjaman dapat dilihat terutamanya dalam majalah (Irwin, 2011). NINJAL (2005) menyatakan bahawa 21% daripada kata pinjaman yang digunakan dalam majalah adalah daripada bidang pengiklanan yang menunjukkan penggunaan *gairaigo* yang tertinggi berbanding sumber bertulis yang lain seperti surat khabar, buku teks sekolah, lirik lagu pop, buku kanak-kanak, bahasa percakapan dan tulisan generasi muda. Hal ini jelas menunjukkan bahawa buku teks merupakan antara sumber yang menjadi pilihan bagi kajian kata pinjaman Jepun. Walau bagaimanapun, sehingga hari ini tiada kajian tentang penggunaan kata pinjaman bahasa Inggeris dalam buku teks bahasa Jepun di Malaysia khususnya daripada sudut pemahaman dan penggunaan kata pinjaman ini dalam kalangan pelajar Malaysia yang belajar bahasa Jepun di tanah air sendiri.

Di Malaysia, buku teks bahasa Jepun iaitu *Bahasa Jepun Tingkatan 5* merupakan teks utama untuk pelajar mempelajari bahasa Jepun. Kekeliruan penggunaan kosa kata yang terdiri daripada kata asal bahasa Jepun dan kata pinjaman daripada bahasa Inggeris menimbulkan kesukaran dalam memahami penggunaan kosa kata tersebut dengan tepat. Daulton (2009) menyatakan bahawa kebanjiran pinjaman perkataan dari luar telah menyebabkan banyak *gairaigo* digunakan berbanding perkataan asal dalam bahasa Jepun. Hal ini disebabkan terdapat kata pinjaman yang sinonim untuk menyampaikan sesuatu situasi yang tidak dapat dinyatakan dengan mudah dalam bahasa Jepun. Sebagai contoh, perkataan asal 指導員 *shidōin* membawa makna jurulatih di bidang olahraga, masakan dan juga fotografi. Perkataan コーチ *kōchi* (jurulatih) yang dipinjamkan ke dalam bahasa Jepun lebih membawa makna jurulatih pasukan di bidang olahraga atau sukan.

Terdapat juga kata pinjaman yang bertindih yang mempunyai makna yang sama, sebagai contoh perkataan ライス *raisu* dan ごはん *gohan*. Champ (2014) menyatakan bahawa *rice* dalam bahasa Inggeris merupakan istilah umum. Namun, dalam bahasa Jepun ライス *raisu* merupakan beras yang dimasak dan dihidangkan secara Barat (di atas pinggan). Berbeza dengan perkataan ごはん *gohan* (*rice*) yang membawa maksud nasi yang dihidang di dalam mangkuk. Selain itu, terdapat juga kata pinjaman yang sering digunakan berbanding perkataan asal dalam bahasa Jepun. Sebagai contoh, Miura (1979) menyatakan bahawa perkataan pinjaman daripada bahasa Inggeris iaitu キス *kisu* (ciuman) lebih banyak digunakan dalam perbualan harian walaupun terdapat perkataan kata asal bahasa Jepun 接吻 *seppun* yang merujuk kepada perkara yang sama.

Irwin (2011) menyatakan bahawa perubahan semantik boleh berlaku dalam proses peminjaman. Semasa proses peminjaman daripada bahasa asing ke dalam bahasa Jepun, perkataan-perkataan tersebut telah disesuaikan dengan tatabahasa dan sosiobudaya masyarakat Jepun (Yamaguchi, 2007). Selain itu, kecenderungan untuk berlaku perubahan makna dalam kata pinjaman juga adalah lebih cepat jika dibandingkan dengan bahasa Jepun atau perkataan Sino-Jepun (Miura, 1979). Keadaan ini telah menyukarkan pelajar asing untuk mempelajari bahasa Jepun. Pelajar tidak akan mengalami masalah untuk memahami perkataan yang sama jika maknanya tidak berubah. Permasalahan mula timbul apabila kata pinjaman ini mempunyai satu makna sedangkan kosa kata tersebut mempunyai banyak makna dalam bahasa asalnya iaitu bahasa Inggeris. Selain itu, terdapat juga sesetengah kata pinjaman yang mempunyai makna yang berbeza daripada perkataan bahasa Inggeris.

Champ (2014) mengkaji empat buku teks bahasa Jepun yang digunakan oleh penutur jati bahasa Inggeris dan beliau mendapati bahawa *gairaigo* di dalam buku-buku tersebut

mengalami perubahan semantik, tatabahasa dan fonologi dalam konsep bahasa Jepun. Berdasarkan penerangan di atas, dapatlah disimpulkan bahawa permasalahan tentang kata pinjaman dalam buku teks bahasa Jepun perlu diberi perhatian. Oleh itu, adalah menjadi keperluan untuk mengenal pasti jenis-jenis pinjaman tersebut. Terdapat juga perbezaan daripada segi makna bagi kata yang dipinjam daripada bahasa Inggeris kerana tidak semua perkataan yang mengekalkan makna asalnya selepas proses peminjaman. Selain itu, sehingga hari ini tiada kajian yang melibatkan makna kata pinjaman dalam buku teks bahasa Jepun hasil karya penulis tempatan untuk kegunaan pelajar negara ini. Maka wajarlah satu penyelidikan dijalankan untuk melihat jenis-jenis pinjaman dalam buku teks bahasa Jepun dan seterusnya perubahan makna yang berlaku terhadap perkataan-perkataan ini.

1.2 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

- i) Mengetahui jenis-jenis pinjaman kata bahasa Inggeris yang terdapat dalam buku teks *Bahasa Jepun Tingkatan 5*.
- ii) Mengetahui sama ada makna kata pinjaman tersebut dikekalkan atau berlaku perubahan makna.

1.3 Persoalan Kajian

Soalan-soalan kajian yang berkaitan dengan kajian ini adalah seperti berikut:

- i) Adakah jenis-jenis kata pinjaman bahasa Inggeris dalam buku teks bahasa Jepun yang dikaji?
- ii) Adakah bentuk-bentuk perubahan makna yang digunakan oleh kata pinjaman tersebut?

1.4 Kepentingan Kajian

Menurut Irwin (2011), makna kata pinjaman selalunya datang daripada bahasa asal perkataan tersebut. Namun, Kay (1995) pula menyatakan bahawa kata pinjaman mengalami perubahan kerana makna asalnya tidak difahami sepenuhnya dalam bahasa Inggeris dan tiada motivasi budaya untuk mengekalkan makna perkataan yang berasal dari luar negara. Berdasarkan dua pandangan ini, kajian ini dijalankan untuk membantu pemahaman pelajar terhadap kata pinjaman dalam konteks bahasa Jepun dengan lebih baik serta penggunaannya yang lebih tepat.

Guru juga turut memainkan peranan yang penting dalam pembelajaran bahasa Jepun di sekolah. Kajian ini juga diharap dapat membantu guru menyediakan bahan pengajaran dan pembelajaran yang bersesuaian supaya pelajar akan lebih faham makna dan penggunaan kata pinjaman dengan lebih tepat. Selain itu, kajian ini juga diharap dapat membantu Kementerian Pendidikan Malaysia dalam merancang dan menyusun sukatan kurikulum di sekolah untuk membangunkan dan menambahbaikkan pendidikan bahasa Jepun di Malaysia.

Kajian ini juga diharap dapat memberi sumbangan dalam bidang semantik umumnya dan juga dalam bidang semantik bahasa Jepun khususnya. Selain itu, kajian ini juga diharap dapat menjadi satu rujukan akademik untuk pelajar bahasa Jepun yang mendalami bahasa Jepun khususnya dalam bidang kata pinjaman bahasa Inggeris dalam bahasa Jepun dan seterusnya membuka ruang kepada kajian-kajian yang lebih mendalam dalam aspek kata pinjaman bahasa Jepun khususnya untuk pelajar Malaysia yang mempelajari bahasa Jepun.

1.5 Batasan Kajian

Kajian ini hanya akan melibatkan kata pinjaman bahasa Inggeris dalam bahasa Jepun yang terdapat dalam buku teks *Bahasa Jepun Tingkatan 5* yang diterbitkan oleh Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia. Keseluruhan buku yang terdiri daripada lima bab ini akan dikaji untuk melihat penggunaan kata pinjaman dalam setiap bab. Buku teks ini dipilih kerana buku ini merupakan teks utama pembelajaran bahasa Jepun di sekolah pada peringkat menengah atas yang merupakan tahap tertinggi. Buku teks ini juga memperlihatkan lebih banyak penggunaan kata pinjaman dalam kosa kata bahasa Jepun berbanding dengan peringkat yang lebih rendah.

Selain itu, kajian ini akan memberi fokus kepada tiga golongan kata utama yang terdiri daripada kata nama, kata kerja dan kata adjektif sahaja. Golongan kata ini dipilih kerana golongan kata ini merupakan jumlah yang paling banyak dipinjam daripada bahasa Inggeris. Hal ini dibuktikan oleh Oshima (2002) yang menyatakan bahawa 16.6% atau 979 perkataan daripada kamus bahasa Jepun standard iaitu *Kōjien* edisi 1991 merupakan kata pinjaman. Daripada jumlah itu 95.7% atau 937 perkataan merupakan kata nama, 1.7% atau 17 perkataan merupakan kata kerja dan 2.6% atau 25 perkataan merupakan daripada lain-lain golongan kata. Hasil daripada kajian Pramvadee (2014) tentang kata pinjaman dalam brosur pelancongan bahasa Jepun juga mendapati 96% daripada kata pinjaman merupakan kata nama, 2.7% merupakan kata keterangan dan 1.3% merupakan kata adjektif.

Akhir sekali, kajian ini tidak akan mengambil kira kata nama khas seperti nama tempat atau nama individu dan juga akronim yang ditulis dalam huruf rumi mahu pun *katakana*. Hal ini adalah kerana kata nama khas sama ada nama tempat atau nama individu mempunyai makna yang sama dengan kata pinjaman daripada bahasa Inggeris. Antaranya

ialah nama negara seperti Amerika, Rusia, Perancis dan sebagainya. Di samping itu, kajian ini hanya akan menumpukan kepada tiga perubahan makna sahaja iaitu peluasan makna, pengurangan makna dan perubahan makna sepertimana dapatan daripada kajian lampau. Hara (2011) mendapati 120 daripada 498 kata pinjaman mengalami pengurangan makna, 50 perkataan mengalami peluasan makna dan 7 perkataan mengalami perubahan makna. Irwin (2011) juga menyatakan hal yang sama iaitu dalam proses peminjaman, perubahan semantik selalunya akan menyebabkan berlakunya pengurangan makna dan peluasan makna. Menurutnya lagi perubahan makna sesuatu perkataan daripada makna yang baik kepada kurang elok (pejorasi), perubahan makna sesuatu perkataan daripada kurang elok kepada yang lebih baik (ameliorasi) dan perubahan sesuatu makna lain daripada makna biasa (metafora) adalah perubahan yang jarang berlaku dalam kata pinjaman daripada bahasa asing ke bahasa Jepun.

1.6 Perkembangan Kata Pinjaman Bahasa Inggeris Dalam Bahasa Jepun

Bahasa dari Barat mula masuk ke Jepun sejak pertengahan abad ke-16 melalui pedagang dan juga mubaligh Kristian dari Portugis. Perkataan-perkataan Portugis yang berkaitan dengan agama Kristian, sains dari Barat, teknologi dan juga produk masuk ke dalam bahasa Jepun pada abad ke-16 dan ke-17. Perkataan seperti キリスト *kirisuto* (Kristian), イエス *iesu* (Nabi Isa), てんぷら *tempura* (makanan laut/ sayur digoreng), タバコ *tabako* (rokok) dan パン *pan* (roti) adalah berasal daripada bahasa Portugis. Kemunculan pedagang Inggeris dalam tempoh masa yang singkat di Jepun pada awal abad ke-17 menyebabkan pengaruh bahasa Inggeris dalam bahasa Jepun adalah kecil dan minima (Cannon, 1996).

Negara Barat yang mempunyai hubungan paling lama dengan Jepun pramoden ialah Belanda. Belanda tiba ke Jepun pada awal abad ke-17 dan terus bertahan sehingga

pertengahan abad ke-19. Selepas Jepun menutup semua pelabuhan kepada pedagang Barat, Belanda masih meneruskan perdagangan dengan negara Jepun melalui pelabuhan Nagasaki dan menjadi sumber utama maklumat tentang budaya Barat dan juga sains. Sekolah aliran pemikiran baru yang dikenali sebagai *rangaku* (Pembelajaran bahasa Belanda) dibangunkan oleh sarjana Jepun dalam bidang perubatan, astronomi, botani, kimia berdasarkan teori dan teks saintifik Belanda (Kowner & Rosenhouse, 2008). Banyak kosa kata daripada bahasa Belanda masih digunakan hingga ke hari ini, antaranya ialah ビール *bīru* (bir), コーヒー *kōhī* (kopi), ピストル *pisutoru* (pistol), メス *mesu* (pisau bedah) dan オルゴール *orugōru* (kotak muzik).

Pinjaman daripada bahasa Inggeris dalam bahasa Jepun bermula sejak abad ke-19. Pengaruh bahasa Inggeris terhadap bahasa Jepun bermula selepas Jepun dipaksa membuka pelabuhannya untuk kehadiran kapal perang Amerika pada tahun 1854. Oleh itu, tamatlah era pengasingan dari Barat. Jepun terpaksa menerima permintaan tentera Amerika untuk menjalankan perdagangan dan hubungan diplomatik dengan Amerika. Pembukaan negara Jepun kepada negara Barat secara paksa menunjukkan kelemahan pemerintahan Tokugawa dan perkara ini telah membawa kepada kejatuhan pemerintahannya. Zaman pemerintahan Meiji pada tahun 1868 memperlihatkan zaman pemulihan dan raja dianggap sebagai ketua negara. Bertitik tolak daripada itu, bermulanya aliran Barat dan modenisasi ke Jepun. Kerajaan Meiji menggalakkan modenisasi seiring dengan Barat untuk setanding dalam bidang industri dan pertahanan dengan negara Barat. Sehubungan dengan itu, ramai penyokong modenisasi menggunakan konsep "*Japanese spirit and Western technology*" (Carr, 1994).

Kajian dan pengadaptasian sains dan teknologi Barat membawa Jepun ke dunia moden. Dalam proses modenisasi, banyak terminologi dan perkataan baru daripada budaya dan

konsep Barat telah dicipta dalam leksikal bahasa Jepun. Pemulihan daripada segi konsep pembelajaran Barat mendorong Jepun untuk menerima pakai budaya Barat. Hal ini membawa kepada kemasukan kata pinjaman dari Jerman, Perancis dan Inggeris dalam bahasa Jepun. Kowner dan Rosenhouse (2008) menyatakan bahawa peningkatan hubungan antara budaya dan perdagangan antarabangsa memberikan keutamaan kepada bahasa Inggeris.

Idea, falsafah dan istilah dari Barat terus menerus memberikan kesan ke atas budaya Jepun semasa zaman Taisho (1912-1926) dan Showa (1926-1941). Semasa Perang Dunia Kedua, kerajaan Jepun mengharamkan penggunaan bahasa Inggeris. Banyak kata pinjaman bahasa Inggeris telah menjadi bahasa harian masyarakat Jepun digantikan dengan perkataan Jepun dalam *kanji*. Larangan penggunaan bahasa asing adalah untuk tempoh yang singkat. Kekalahan Jepun dalam Perang Dunia Kedua dan penjajahan Amerika (1945-1952) menyaksikan kata pinjaman bahasa Inggeris kembali berkembang. Pengaruh budaya Amerika dalam masyarakat Jepun selepas Perang Dunia Kedua menyebabkan peningkatan kemasukan kata pinjaman bahasa Inggeris. Seiring dengan arus globalisasi, media massa dan kemajuan teknologi dalam komunikasi, penggunaan bahasa asing terutamanya bahasa Inggeris terus berkembang dalam leksikon bahasa Jepun. Hal ini turut diperakui oleh Stanlaw (2004) yang menyatakan bahawa daripada keseluruhan *gairaigo*, keseluruhan besar iaitu sebanyak 94.1% merupakan daripada bahasa Inggeris.

1.7 Buku Teks Bahasa Jepun

Adalah menjadi satu harapan dan impian kerajaan Malaysia untuk menghasilkan generasi yang boleh bertutur dan memahami lebih daripada satu bahasa bagi mengharungi dunia global (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2004). Dasar Pandang ke Timur telah

menyaksikan pendidikan bahasa Jepun diperkenalkan di Malaysia pada tahun 1982 di sekolah-sekolah berasrama penuh. Bermula dengan lima buah sekolah berasrama penuh, pada tahun 2016 pengajaran bahasa Jepun telah bertambah kepada 135 buah sekolah yang terdiri daripada 56 buah sekolah berasrama penuh dan 79 buah sekolah menengah harian yang terpilih. Buku teks pertama yang telah digunakan ialah 日本語こんにちは *Nihongo Konnichiwa* yang diterbitkan oleh Jawatankuasa Guru-Guru Bahasa Jepun Sekolah Berasrama Penuh Malaysia pada tahun 1989. Pada mulanya sukatan ini ditulis oleh guru-guru bahasa Jepun natif yang datang ke Malaysia untuk mengajar bahasa Jepun. Namun begitu, sukatan bahasa Jepun yang lama ini tidak digazetkan sebagai kurikulum kebangsaan iaitu Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM).

Keputusan untuk mengukuhkan pengajaran dan pembelajaran bahasa antarabangsa di sekolah menengah telah diputuskan oleh Kementerian Pendidikan pada 2 Oktober 2002 dan ini telah membawa kepada penggubalan Kurikulum Bahasa Jepun pada tahun 2004 (Harun, 2008). Kurikulum baru ini telah diimplementasikan secara berperingkat di semua sekolah yang menawarkan bahasa Jepun. Kurikulum ini mula diperkenalkan kepada pelajar-pelajar Tingkatan Satu pada tahun 2008 (projek ujian rintis) dan pada tahun 2010 pelajar Tingkatan Satu, Tingkatan Dua dan Tingkatan Tiga mula menggunakan kurikulum baru ini. Manakala pelajar Tingkatan Empat dan Tingkatan Lima pula mula menggunakan sukatan baru ini mulai tahun 2011. Buku bahasa Jepun yang digunakan oleh pelajar sekarang adalah seperti berikut:

- i) Chin Siew Siew, Mariana bt Najmudin, Hani Azita bt Ahmad & Panel Penggubal Buku Bahasa Jepun. (2010). *Nihongo daisuki Bahasa Jepun Tingkatan 1*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.

- ii) Nur Anisah Tan Abdullah, Hamir Habeed Mohd, Hani Azita bt Ahmad & Nor Jihah bt Abd Aziz. (2011). *Nihongo daisuki Bahasa Jepun Tingkatan 2*. Selangor: Percetakan Tabah Sdn Bhd.
- iii) Lee Sau Lan, Ooi Guan Lee & Sugandaran a/l Kaivaliam. (2012). *Bahasa Jepun Tingkatan 3*. Selangor: Awan Metro Sdn Bhd.
- iv) Lee Sau Lan, Ooi Guan Lee & Masatoshi Soeda. (2013). *Bahasa Jepun Tingkatan 4*. Selangor: Awan Metro Sdn. Bhd.
- v) Jamila Mohd, Lee Sau Lan, Ooi Guan Lee & Kitade Rie. (2014). *Bahasa Jepun Tingkatan 5*. Selangor: Awan Metro Sdn. Bhd.

Bagi pelajar Tingkatan Lima, sukatan baru ini adalah permulaan dalam usaha awal untuk meningkatkan tahap penguasaan bahasa Jepun dalam kalangan pelajar Malaysia. Sehubungan dengan itu, buku teks bahasa Jepun ini telah diterbitkan oleh Kementerian Pendidikan untuk membantu pelajar dalam pembelajaran bahasa Jepun. Buku teks ini juga telah menjadi teks utama yang digunakan di semua sekolah di Malaysia. Oleh itu, buku teks ini memerlukan lebih sokongan daripada semua pihak terutamanya sekolah, guru dan pelajar untuk penambahbaikan pada masa hadapan.

1.8 Definisi Istilah

1.8.1 *Gairaigo*

Damberg (2015) memberikan definisi *gairaigo* sebagai perkataan yang dipinjam daripada bahasa-bahasa lain. *Gairaigo* juga merupakan perkataan yang sering digunakan dalam bahasa Jepun. Sebagai contoh, ガラス *garasu* (kaca), ノート *nōto* (nota) dan バイク *baiku* (motosikal) ialah perkataan yang dipinjam daripada bahasa Inggeris. Manakala perkataan パン *pan* (roti) pula dipinjam daripada bahasa Portugis. Oleh itu, *gairaigo* selalunya merujuk kepada perkataan yang dipinjam daripada bahasa dari negara Barat.

1.8.2 Kanji

Kai (2013) menyatakan bahawa aksara Cina iaitu *kanji* berasal dari China. Tulisan ini diperkenalkan kepada rakyat Jepun sekitar kurun ke-3 atau ke-4, walaupun tidak terdapat bukti kukuh mengenai kemunculannya. *Kanji* merupakan aksara ideogram untuk mewakili makna dan mula digunakan sebagai fonogram bagi mewakili bunyi yang disebut sebagai *Manyo-kana*.

1.8.3 Hiragana

Hiragana merupakan tulisan suku kata yang dicipta daripada tulisan kaligrafi Cina. *Hiragana* terdiri daripada kata tugas, konjugasi untuk kata kerja dan kata adjektif serta kata bantu. *Hiragana* digunakan untuk menulis huruf perkataan natif yang tiada dalam tulisan *kanji* dan sangat jarang digunakan untuk menulis kata pinjaman asing. *Hiragana* juga boleh digunakan sebagai panduan untuk bacaan *kanji*.

1.8.4 Katakana

Katakana merupakan tulisan suku kata yang dicipta berdasarkan aksara Cina yang ditulis ringkas. *Katakana* selalu dikaitkan dengan kata pinjaman dan nama dari negara asing. Kadangkala perkataan yang sering ditulis dalam *kanji* juga akan ditulis dalam *katakana* apabila digunakan dalam keadaan tertentu. Sebagai contoh, perkataan ひと *hito* (orang) selalunya ditulis dalam *kanji* 人 tetapi apabila merujuk kepada ‘spesis manusia’ perkataan ini akan ditulis dalam *katakana* ヒト *hito*.

1.8.5 Rōmaji

Rōmaji (huruf rumi) digunakan untuk menulis huruf asing. Huruf rumi selalunya digunakan secara khusus untuk menulis akronim atau perkataan singkatan. Sebagai contoh, Yamaguchi (2007) menyatakan bahawa perkataan seperti WHO (*World Health*

Organization) dan WTO (*World Trade Organization*) ditulis dalam *rōmaji* tanpa disertakan ejaan dalam bahasa Jepun. Namun terdapat juga akronim seperti AIDS yang ditulis dalam bahasa Jepun sebagai エイズ *eizu*.

1.9 Kesimpulan

Bab ini telah menerangkan serba sedikit tentang skop kajian ini dan juga permasalahan yang mendorong kepada kajian ini dijalankan. Penekanan akan diberikan kepada dua objektif dan persoalan kajian untuk melaksanakan kajian ini. Selain itu, bab ini juga telah menjelaskan tentang asal usul kata pinjaman dari negara Barat yang membawa kepada kemunculan kata pinjaman dalam bahasa Jepun sejak abad ke-19. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk meneliti kata pinjaman bahasa Inggeris dalam buku teks *Bahasa Jepun Tingkatan 5* dengan tumpuan ke atas kata nama, kata kerja dan kata adjektif. Pendekatan analisis kuantitatif deskriptif akan dijalankan untuk melihat jenis-jenis pinjaman yang terdapat dalam buku teks tersebut. Kajian ini juga turut menggunakan pendekatan kualitatif untuk melihat dengan lebih jelas aspek perubahan semantik bagi setiap perkataan pinjaman.

BAB 2

SOROTAN KAJIAN BERKAITAN

2.0 Pendahuluan

Dalam bab ini pengkaji akan membincangkan tentang makna kata pinjaman dan penerangan lanjut tentang kata pinjaman dalam bahasa Inggeris. Selain itu, adaptasi kata pinjaman berserta fungsi dan peranan kata pinjaman akan dibincangkan dengan lebih meluas bagi memberikan maklumat yang mendalam tentang kata pinjaman bahasa Inggeris dalam bahasa Jepun. Adaptasi kata pinjaman ini melibatkan aspek perubahan dalam beberapa aspek utama khususnya dalam aspek fonologi, ortografi, morfologi, sintaksis dan juga perubahan semantik. Bab ini juga akan turut mengupas faktor-faktor penggunaan kata pinjaman iaitu faktor persekitaran, motif dan juga faktor penyumbang kepada peluasan kata pinjaman. Pada akhir bab, pengkaji akan membincangkan kajian-kajian lepas mengenai kata pinjaman bahasa Inggeris dalam bahasa Jepun daripada pelbagai sumber data kajian yang mengkhususkan kepada kajian semantik.

2.1 Definisi Kata Pinjaman

Sesuatu bahasa meminjam perkataan daripada bahasa lain untuk menghasilkan kata pinjaman. Doi (2013) menyatakan bahawa apabila sesuatu perkataan dipinjam dan digabungkan dengan perkataan lain dalam bahasa yang meminjam, perkataan tersebut akan mempunyai hubungan yang utuh di antara satu sama lain dan dianggap sebagai satu perkataan tunggal dalam bahasa penerima. Doi (2013) juga turut memberikan definisi yang berbeza bagi istilah pinjaman iaitu *borrowing* dan kata pinjaman iaitu *loanword*. Pinjaman merupakan istilah yang sering digunakan bagi menggambarkan proses sesuatu bahasa mengambil perkataan daripada bahasa lain. Manakala kata pinjaman iaitu

loanword ialah istilah yang diberikan bagi perkataan yang dibawa masuk ke dalam sesuatu bahasa melalui proses peminjaman.

Ui (1980) pula mentakrifkan kata pinjaman sebagai perkataan yang telah wujud dalam kosa kata bahasa asal. *International Encyclopedia of Linguistics* telah mendefinisikan kata pinjaman sebagai kosa kata dalam bentuk umum dan maknanya diambil secara langsung daripada bahasa lain yang kemudiannya diintegrasikan daripada segi sistem fonologi dan tatabahasa dalam matrik bahasa yang meminjam (Haugen & Mithun, 2003).

2.2 Kata Pinjaman Bahasa Inggeris

Daulton (2008) menyatakan bahawa kata pinjaman daripada bahasa Inggeris merupakan sebahagian daripada leksikal bahasa Jepun yang digunakan dalam perbualan harian dan penulisan semenjak Perang Dunia Kedua. Stubbs (2001) yang menjalankan kajian ke atas kata pinjaman bahasa Inggeris menunjukkan bahawa kata pinjaman tidak bersepadu tetapi dieja dan disebut seperti kata asal. Stubbs (2001: 175-176) juga menyatakan bahawa kegagalan dalam pengasimilasian boleh menyebabkan kata pinjaman menjadi terasing. Pada masa yang tertentu kata pinjaman juga digunakan untuk memperlihatkan unsur eksotik. Kata pinjaman juga digunakan dalam bidang-bidang tertentu dan kadangkala digunakan berdasarkan pandangan stereotaip sesebuah negara. Sebagai contoh, di Jerman kata pinjaman tidak menunjukkan kenegaraan iaitu British atau Amerika sebaliknya ia melambangkan kemodenan dan pengantarabangsaan (Stubbs, 2001:177).

2.3 Transkripsi Kata Pinjaman Bahasa Inggeris

Bahasa Jepun ditulis dalam empat jenis tulisan yang berbeza iaitu *kanji*, *hiragana*, *katakana* dan *rōmaji* (huruf rumi) (Halpern, 2002). *Kanji* merupakan sistem ideografik

yang mengandungi aksara yang dipinjam daripada aksara Cina. *Hiragana* merupakan sistem suku kata yang digunakan untuk sistem fungsional. *Katakana* juga merupakan sistem suku kata. Kedua-dua suku kata ini dikenali sebagai *kana*. *Katakana* digunakan untuk menulis kata pinjaman, sebagai contoh perkataan yang dipinjam dan diterjemah daripada bahasa asing. *Rōmaji* juga digunakan untuk kata pinjaman tetapi ejaannya masih mempunyai bunyi yang sama dengan transkripsi *katakana*. Antaranya, terdapat akronim dalam bahasa Inggeris yang tidak ditulis dalam bahasa Inggeris, contohnya perkataan AIDS sering kali ditulis sebagai エイズ (Yamaguchi, 2007). *Rōmaji* juga turut digunakan untuk akronim dan nama syarikat.

Selain itu, *katakana* yang juga merupakan tulisan yang menjadi pilihan untuk menulis perkataan pinjaman dan skrip fonetik ini membolehkan kata pinjaman dengan mudahnya diserap ke dalam kosa kata bahasa Jepun. Huruf *katakana* yang bersegi juga menyebabkan kata pinjaman mudah dikenali. Penggunaan *katakana* juga dapat dilihat dalam kata nama khas bukan bahasa Jepun dan perkataan onomatopia. Pada tahun 1934, Kementerian Pendidikan Jepun telah menubuhkan Majlis Bahasa Kebangsaan (*Kokugo Shingikai*) untuk menyediakan satu garis panduan yang jelas dalam transkripsi kata pinjaman bahasa asing. Pada tahun 1991, Majlis Bahasa Kebangsaan telah menerbitkan satu garis panduan baru bagi penterjemahan kata pinjaman daripada bahasa asing agar lebih dekat dengan sebutan asal dengan menghasilkan fonem gandaan dengan huruf sedia ada mewakili bunyi dalam simbol fonetik seperti *di*, *ti*, *fa*, *fe* dan *fi*. Sebagai contoh, bunyi *ti* perkataan *party* ditulis sebagai パーティー *pātī*. Penyelarasan fonetik ini memberi penambahan yang eksklusif kepada suku kata *katakana*.

Semakan bagi mengecilkan jurang antara kata pinjaman dan sebutan daripada sumber asalnya merupakan hasrat bagi menjadikan bahasa Jepun moden yang komunikatif dan

juga sebagai bahasa antarabangsa (Carrol, 1997). Selain itu, Kowner dan Rosenhouse (2008) menyatakan bahawa inisiatif kerajaan bagi memperkenalkan suku kata yang istimewa bagi kata pinjaman bukan sahaja dapat memperbaiki penggunaan kata pinjaman malahan penghasilan transkripsi fonetik yang lebih baik. Hal ini merupakan sebahagian daripada polisi bahasa yang telah diterima dan secara tidak langsung menggalakkan pengimportan kata pinjaman.

2.4 Adaptasi Kata Pinjaman Bahasa Inggeris

Kosa kata semasa bahasa Jepun terdiri daripada tiga jenis sumber bahasa yang utama iaitu bahasa Jepun natif (NJ), bahasa Jepun Sino (SJ) atau perkataan yang berasal dari negara Cina yang dianggap sebagai bahasa Jepun, dan bahasa Jepun yang berasal daripada bahasa asing (FJ) yang kebanyakannya berasal daripada bahasa Inggeris (Irwin, 2005). Bahasa-bahasa ini boleh membentuk perkataan yang lengkap contohnya *yama* (NJ), *sanmyaku* (SJ) dan *demokurashī* (FJ) dan kebanyakannya akan membentuk kata majmuk. Irwin (2005) telah mengkategorikan bentuk-bentuk kata majmuk kepada tiga jenis kata majmuk monolingual dan enam jenis kata majmuk hibrid. Contoh kata majmuk monolingual dan hibrid berdasarkan kategori yang diberikan oleh Irwin (2005) dapat dirujuk dalam jadual di bawah.

Jadual 2.1: Contoh Kata Majmuk Monolingual dan Hibrid oleh Irwin (2005)

	Bentuk kata majmuk	Contoh
Monolingual	NJ-NJ	<i>yama-michi</i> : 山道 (gunung+ denai= denai gunung)
	SJ-SJ	<i>sei-mei</i> : 姓名 (nama keluarga + nama diberi= nama penuh)
	FJ-FJ	<i>intānetto-kafe</i> : インターネットカフェ (internet + kafe= cyber café)
Hibrid	NJ-SJ	<i>buta-niku</i> : 豚肉 (Khinzir + daging= daging khinzir)

	NJ-FJ	<i>ichigo-sōda</i> : 苺ソーダ (Strawberi + soda= soda strawberi)
	SJ-NJ	<i>ki chigai</i> : 気違い (Akal + percanggahan= gila)
	SJ-FJ	<i>dai sēru</i> : 大セール (Besar + jualan= jualan besar)
	FJ-NJ	<i>gomu- tebukuro</i> : ゴム手袋 (Getah + sarung tangan =sarung tangan getah)
	FJ-SJ	<i>fasshon-kai</i> : ファッション界 (Fesyen + bidang= Fesyen industri)

Apabila dibahasa jepunkan, perkataan bahasa Inggeris yang diguna pakai ke dalam bahasa Jepun akan mengalami perubahan linguistik daripada segi fonologi, ortografi, morfologi, sintaksis dan semantik.

2.4.1 Perubahan Fonologi

Perubahan fonologi kata pinjaman adalah seiring dengan fonologi natif bahasa Jepun (Kay,1995:69; Kubozono, 2006:1141). Syarat umum dalam peminjaman ini adalah apabila tiada bunyi bahasa Inggeris yang hampir dengan inventori fonetik bahasa Jepun, bunyi yang paling hampir dengan bahasa Jepun dengan bunyi dalam bahasa Inggeris akan digunakan. Tsujimura (1996:64-66) menyatakan bahawa terdapat empat jenis bunyi yang sering digunakan sebagai pengganti untuk kata pinjaman bahasa Inggeris iaitu /f/, /v/, /θ/ dan /ʌ/ digantikan dengan /ϕ/, /b/, /s/ dan /z/. Perubahan lain yang boleh dilihat adalah perubahan struktur suku kata. Suku kata bahasa Jepun adalah berbeza dengan bahasa Inggeris kerana menggunakan struktur suku kata (Kubozono,1995:1146) yang merupakan pasangan konsonan dan vokal yang mana tidak selalunya ditemui dalam bahasa Inggeris. Oleh itu, bunyi bahasa Inggeris yang tidak mempunyai akhiran huruf vokal akan berubah seperti kombinasi konsonan vokal apabila digunakan dalam bahasa Jepun. Contohnya, *milk* bertukar daripada *milk* kepada *miruku*. Secara keseluruhannya dapatlah dirumuskan bahawa perubahan fonologi boleh berlaku berdasarkan syarat-syarat tertentu.

2.4.2 Perubahan Ortografi

Peningkatan jumlah penutur bahasa Jepun telah menyebabkan kata pinjaman yang sepatutnya ditulis dalam huruf rumi ditulis dalam *katakana* (Horikawa, 2013). *Katakana* merupakan salah satu daripada tiga jenis sistem tulisan Jepun (*hiragana*, *katakana* dan *kanji*) dan tulisan *katakana* digunakan secara eksklusif untuk menulis kata pinjaman (Akamatsu, 2006; Kubozono, 1995; Stanlaw, 2004). Contohnya, kata pinjaman *milk* ditulis sebagai ミルク *miruku* dalam *katakana* dan tidak ditulis sebagai みるく *miruku* dalam *hiragana*. Perubahan ortografi adalah dipengaruhi oleh perubahan fonologi. *Hiragana* dan *katakana* mempunyai 71 huruf yang secara fonetiknya relevan dengan suku kata yang wujud dalam bahasa Jepun. Contohnya huruf ミ *mi* dalam contoh ミルク mewakili suku kata /mɪ/ dan ル mewakili /ɾu/ dan ク /ku/. Yamane (2001) menyatakan bahawa walaupun penulisan adalah berbeza daripada percakapan, *katakana* memberikan pembaca maklumat yang sesuai tentang sebutan kata pinjaman bahasa Inggeris dalam konteks bahasa Jepun. Oleh itu, *katakana* secara simbolik dan semiotiknya menunjukkan bahawa semua kata pinjaman adalah bukan daripada bahasa Jepun.

Daulton (2008) dan Stanlaw (2004) menyatakan bahawa kadangkala kata pinjaman bahasa Inggeris tidak ditulis dalam *katakana* tapi ditulis dalam huruf rumi. Penggunaan huruf rumi telah menjadi kebiasaan di Jepun. Kess dan Miyamoto (1999) menyatakan bahawa terdapat sistem tulisan yang ke empat yang tidak dikenali sebagai sebahagian daripada sistem ortografi. Kehadiran huruf rumi merupakan pelengkap kepada sistem tulisan *hiragana*, *katakana* dan *kanji* dalam teks bertulis. Perkara ini telah merebak dalam bidang pengiklanan apabila perkataan Barat telah digunakan untuk menarik pelanggan (Bakers & Jones, 1998). Kata pinjaman yang telah menjadi sebahagian daripada kosa kata bahasa Jepun juga akan ditulis dalam *katakana* tanpa perlu tahu ejaan sebenar dalam bahasa Inggeris. Perkara ini akan menyebabkan pembaca mengalami masalah untuk

mencari ejaan sebenar perkataan tersebut dalam bahasa Inggeris, menghubungkannya dengan perkataan *katakana* dan seterusnya memahami maknanya. Jika proses ini tidak lengkap, perkara ini akan mengganggu proses pemahaman. Horikawa (2013) memberikan contoh ジーンズ *jīnzu* (jean) merupakan kata pinjaman yang membawa makna seluar yang diperbuat daripada kain denim. Namun tanpa pengetahuan tentang ejaan asal dalam bahasa Inggeris, pembaca akan mengalami masalah untuk membaca papan tanda kedai 'Jeans Shop' dalam tulisan rumi.

2.4.3 Perubahan Morfologi

Perubahan yang ketara dalam kata pinjaman bahasa Inggeris dalam bahasa Jepun ialah *clipping*, iaitu pemendekan perkataan asal dengan penyingkiran dua atau lebih suku kata. Kay (1995:70) memberikan contoh perkataan *accelerator* yang berlakunya penyingkiran perkataan daripada belakang menjadi *akuseru* (*accel[erator]*). Pemendekan perkataan kadang kala berlaku dalam kata majmuk. Contohnya, perkataan *personal komputer* (komputer peribadi) akan berubah menjadi /pā-so-na-ru-ko-n-pyū-tā/ (パーソナルコンピュータ) apabila mengalami perubahan fonologi, dan akan dipendekkan lagi menjadi パソコン *pasokon*. Contoh lain untuk *clipping* adalah seperti デパート *depāto* (*department [store]*) (gedung serbaneka), スーパー *sūpā* (*super[market]*) (pasar raya) dan スペル *superu* (*spell[ing]*) (ejaan) (Horikawa, 2013).

Selain itu, kata pinjaman bahasa Inggeris dalam bahasa Jepun turut menjadi perkataan kata majmuk hibrid. Contohnya, perkataan dalam bahasa Jepun iaitu 歯 *ha* (gigi) dan kata pinjaman daripada bahasa Inggeris ブラシ *burashi* (berus) telah disatukan menjadi 歯ブラシ *ha-burashi* (berus gigi). Kata pinjaman *clip* juga boleh menjadi sebahagian daripada kata majmuk. Contohnya, perkataan デパ地下 *depa-chika* merujuk kepada pasaraya yang

terletak di aras bawah tanah. Perkataan *depa* berasal daripada kata pinjaman *depāto* (*depart [ment store]*) dan 地下 *chika* berasal daripada perkataan bahasa Jepun yang bermakna aras bawah tanah.

2.4.4 Perubahan Sintaksis

Perubahan sintaksis kata pinjaman sering dibincangkan bagi penghasilan kata kerja, kata adjektif dan kata keterangan melalui penambahan imbuhan. Kay (1995:72) menyatakan bahawa kata pinjaman dengan mudahnya dapat masuk ke dalam struktur ayat bahasa Jepun dengan penambahan unsur tatabahasa. Hal ini menunjukkan kata pinjaman mudah diterima dalam struktur sintaksis bahasa Jepun sama seperti perkataan natif bahasa Jepun. Walaupun kebanyakan kata pinjaman terdiri daripada kata nama, terdapat cara bagi menggunakan kata nama sebagai kata kerja, kata adjektif dan kata keterangan. Imbuhan akhiran *-する -suru (to do)* akan menukarkan kata nama menjadi kata kerja. Contohnya, ショッピングする *shoppingu-suru* (membeli-belah). Kata nama boleh bertukar kepada kata adjektif dengan menambahkan imbuhan akhiran *-na*, contohnya エレガントな *ereganto-na* (elegant) Kata nama juga boleh ditukar menjadi kata keterangan dengan menambahkan imbuhan *-ni* pada akhir perkataan, contohnya エレガントに *ereganto-ni* (elegant) (Kay, 1995; Tyson 1993). Imbuhan ini digunakan dengan cara yang sama dalam bahasa natif.

2.4.5 Perubahan Semantik

Perubahan semantik berlaku apabila makna kata pinjaman dalam konteks bahasa Jepun adalah tidak sama dengan konteks makna asal dalam bahasa Inggeris. Tyson (1993) dalam kajiannya telah mendapati bahasa Korea turut mengalami perubahan semantik yang sama seperti bahasa Jepun apabila perkataan bahasa Inggeris diadaptasikan ke dalam bahasa tersebut. Terdapat tiga bentuk perubahan semantik yang dikenal pasti oleh

Tyson (1993) iaitu pengurangan makna, peluasan makna dan perubahan makna. Shibatani (1990) turut menyatakan bahawa tiga perubahan semantik tersebut dengan tambahan kepada aspek *pejoration* iaitu golongan kata yang mendapat makna yang lebih negatif. Sebagai contoh, perkataan *boss* membawa makna ketua kumpulan gangster atau politik yang berkuasa apabila dipinjam ke dalam bahasa Jepun.

a. Pengurangan Makna

Shibatani (1990) menyatakan bahawa pengurangan makna berlaku apabila kata pinjaman hanya membawa satu atau dua makna daripada bahasa asal iaitu bahasa sumber. Pengurangan makna dapat dilihat dalam perkataan ストーブ *sutōbu* dalam bahasa Jepun yang membawa makna peralatan untuk memanaskan bilik, tetapi perkataan asalnya *stove* dalam bahasa Inggeris mempunyai dua makna iaitu peralatan untuk memanaskan bilik dan peralatan memasak. Berdasarkan kepada contoh ini, kata pinjaman ストーブ *sutōbu* telah mengalami pengurangan makna apabila hanya mempunyai satu makna dalam bahasa Jepun iaitu peralatan untuk memanaskan bilik (*Sanseido's Concise Dictionary of Katakana Words, 2010*).

b. Peluasan Makna

Shibatani (1990) menyatakan bahawa peluasan makna jarang berlaku jika dibandingkan dengan pengurangan makna. Daulton (2008) pula menyatakan bahawa peluasan makna melibatkan kewujudan beberapa makna dalam bahasa Jepun tetapi hanya terdapat satu makna dalam perkataan asal. Sebagai contoh, perkataan '*steering*' hanya untuk kereta atau bot dan '*handle bar*' adalah untuk basikal dalam bahasa Inggeris. Apabila perkataan ini digabungkan dalam bahasa Jepun, perkataan ハンドル *handoru* (pemegang) yang berasal daripada perkataan *handle* dalam bahasa Inggeris adalah merujuk kepada stereng kereta dan juga pemegang basikal (Shibatani, 1990).

c. Perubahan Makna

Perubahan makna berlaku secara terus daripada perkataan asalnya iaitu bahasa Inggeris. Perubahan semantik ini berlaku apabila makna kata pinjaman tidak berkongsi apa-apa makna dengan perkataan asalnya. Sebagai contoh perkataan サービス *sābisu* atau perkataan asalnya *service* telah berubah makna daripada makna asal dalam bahasa Inggeris. Hara (2011) mendapati perkataan *service* dalam bahasa Inggeris membawa makna pemeriksaan atau baik pulih kenderaan atau mesin dan memberikan seseorang apa yang diperlukan sebagai contoh dari kedai atau kenderaan. Walau bagaimanapun, perkataan サービス *sābisu* dalam bahasa Jepun adalah memberikan diskaun atau hadiah percuma kepada pelanggan dan meluangkan masa dengan keluarga atau seseorang atau melakukan pelbagai perkara untuk mereka. Perkara ini jelas menunjukkan perkataan サービス *sābisu* telah mengalami perubahan makna daripada kata asalnya apabila diserap masuk ke dalam bahasa Jepun.

d. Tiada Perubahan Makna

Perkataan tanpa sebarang perubahan makna ialah perkataan yang mempunyai makna yang sama dalam bahasa Inggeris dan bahasa Jepun. Hara (2011) mengklasifikasikan perkataan kepada tiada perubahan makna apabila makna utama atau separuh daripada jumlah keseluruhan makna yang diberikan dalam bahasa Inggeris ialah sama seperti makna yang diberikan dalam bahasa Jepun. Contohnya, perkataan アルバム *arubamu* (album) atau dalam bahasa Inggerisnya *album* tidak mengalami perubahan semantik kerana mempunyai makna yang sama dalam bahasa Inggeris dan bahasa Jepun.

2.5 Faktor-Faktor Penggunaan Kata Pinjaman

Adalah menjadi satu keperluan untuk melihat persekitaran dan juga faktor-faktor yang menyebabkan penggunaan kata pinjaman dengan memberi fokus kepada situasi di Jepun.

Hal ini akan memudahkan kita untuk menaksir dan menganalisis sikap terhadap *gairaigo* dalam sejarah diakronik sosiolinguistik bahasa Jepun dan bahasa Inggeris. Bahagian seterusnya merupakan ulasan tentang persekitaran, motivasi bagi penggunaan kata pinjaman, skop pinjaman dan juga proses penyebaran.

2.5.1 Keperluan Persekitaran dan Bahasa Inggeris

Menurut Kowner dan Rosenhouse (2008) terdapat tiga keperluan asas dalam pinjaman iaitu hubungan antara pinjaman dan bahasa yang dipinjam, pemahaman asas tentang makna kata yang dipinjam dan kecenderungan terhadap kedwibahasaan. Jepun merupakan negara yang tidak pernah dijajah oleh China. Namun satu per tiga daripada leksikal bahasa Jepun terdiri daripada bahasa Jepun Sino (SJ) (Shalina, 2015). Shalina (2015) turut menyatakan bahawa Jepun juga tidak mempunyai hubungan bilingualisme atau kolonialisme dengan bahasa Inggeris. Walau bagaimanapun, kata pinjaman terdiri daripada 10% leksikal bahasa Jepun. Hampir 90% daripada perkataan yang dipinjam berasal daripada perkataan bahasa Inggeris. Sejumlah 60% hingga 70% perkataan yang dipinjam daripada bahasa Inggeris merupakan leksikal baru yang terdapat dalam kosa kata bahasa Jepun (Hogan, 2003; Kowner & Daliot-Bul 2008).

2.5.2 Motif

Shalina Omar (2015) menyatakan bahawa terdapat dua motif pinjaman iaitu motivasi fungsional dan motivasi sosial. Sebelum ini, Al-Khatib, Mahmoud dan Farghal (1999) memperkenalkannya sebagai integrasi instrumental dan integrasi orientasi. Integrasi instrumental atau motivasi fungsional merupakan pinjaman yang bermotifkan keperluan sementara integrasi orientasi atau motivasi sosial berlaku kerana idea budaya, prestij atau tekanan.

a. Motivasi Fungsional

Perkataan dipinjam dengan tujuan mengisi jurang bahasa, terutamanya daripada bahasa seperti bahasa Inggeris yang digunakan sebagai *lingua franca* terhadap teknologi semasa dan kesusasteraan (Kowner & Rosenhouse, 2008; Haspelmath, 2009). Hal ini jelas kelihatan dengan kebanjiran kata pinjaman daripada bahasa Inggeris ke dalam bahasa Jepun. Oleh itu, pada zaman pemerintahan Meiji iaitu pada tahun 1868, negara Jepun telah berubah dari sebuah negara feudal kepada negara moden (Schmidt & Christopher, 2009; Irwin, 2011).

Kebanyakan perkataan yang digunakan untuk mengisi jurang kosa kata dalam bahasa Jepun adalah terdiri daripada istilah teknikal untuk teknologi baru, terutamanya dalam teknologi komputer dan peralatan rumah, konsep baru atau bentuk nuansa daripada konsep sedia ada. Kategori terakhir ini merupakan istilah daripada versi Barat terhadap benda yang wujud seperti *kitchen* telah menyebabkan kewujudan perkataan pinjaman キッチン *kitchin* yang digunakan untuk dapur ala Barat dan 台所 *daidokoro* untuk dapur tradisional Jepun.

b. Motivasi Sosial

Kajian tentang kata pinjaman menunjukkan kecenderungan mengikut budaya yang berprestij, dikagumi dan budaya yang dominan. Budaya tersebut memainkan peranan penting pinjaman leksikal (Hogan, 2003; Al-Btoush & Mohammed, 2014). Sebagai contoh, bahasa Inggeris memegang status yang berprestij yang menunjukkan kemodenan Barat, pengantarabangsaan dan kecanggihan (Hogan, 2003; Kowner & Daliot-Bul, 2008). Takashi (1992) dalam kajiannya terhadap kata pinjaman bahasa Inggeris dalam iklan mendapati kata pinjaman bahasa Inggeris digunakan bagi menunjukkan bahawa sesuatu produk itu mempunyai ciri-ciri yang berkaitan dengan cara hidup Barat. Selain itu, Hogan

(2003) dalam kajian kes di sebuah kampung di Aoyama mendapati bahawa kata pinjaman bahasa Inggeris kerap kali digunakan dalam istilah akademik atau falsafah bagi mewakili pendidikan dan kedudukan.

Kata pinjaman juga selalu digunakan sebagai sumber gaya bahasa. Perkara ini telah menyebabkan berlakunya pertindihan dalam kata pinjaman. Sebagai contoh kewujudan perkataan 牛乳 *gyūnyū* dan ミルク *miruku* untuk *milk*. Kedua-dua perkataan ini membawa makna 'susu'. Penggunaan salah satu daripada perkataan ini sama ada dalam bentuk natif atau kata pinjaman adalah bergantung pada kegunaannya dalam bahan makanan atau minuman, produk pengiklanan, bahasa perbualan, penulisan atau faktor-faktor lain. Dalam konteks tersebut, bentuk kata pinjaman daripada bahasa Inggeris yang digunakan bersifat eufemisme iaitu ungkapan yang lebih sopan. Kata pinjaman boleh digunakan bagi istilah dan idea yang terdapat dalam istilah natif bahasa Jepun, dan perkara ini telah menggalakkan kewujudan bersama perkataan natif dalam bahasa Jepun dan kata pinjaman yang hampir sama. Eufemisme boleh digunakan bagi menggantikan perkataan yang berkonotasi negatif. Sebagai contoh, perkataan 借金 *shakkin* (hutang) merujuk pada kemelesetan ekonomi dan perbelanjaan secara boros, tetapi kata pinjaman ローン *rōn* (pinjaman) lebih merujuk pada perancangan untuk membeli sekarang dan membayar kemudian (Nobuyuki, 1995).

c. Faktor Penyumbang pada Peluasan Kata Pinjaman

Kowner dan Rosenhouse (2008) telah mengenal pasti tiga faktor utama bagi peluasan kata pinjaman iaitu komunikasi langsung, media massa dan sistem pendidikan. Bagi bahasa Jepun, komunikasi langsung tidak memainkan peranan utama dalam peluasan kata pinjaman. Hal ini adalah kerana tidak seperti bahasa lain yang mengimport kata pinjaman melalui imigrasi dan kolonialisme, kebanyakan penutur bahasa Jepun tidak mempunyai

hubungan terus dengan dengan penutur bahasa Inggeris. Oleh itu, media massa dan pendidikan memainkan peranan penting dalam peluasan kata pinjaman

Media massa menjadi penyumbang utama dalam peluasan kata pinjaman melalui Biro Penyiaran Jepun iaitu *Nippon Hōsō Kyōkai* (NHK). Penggunaan *gairaigo* oleh organisasi berita seperti NHK dan surat khabar memainkan peranan utama dalam penyebaran kata pinjaman dan seterusnya mengesahkan penggunaannya secara rasmi. Ciri-ciri menarik yang terdapat di dalam kata pinjaman bahasa Inggeris menyebabkan perkataan tersebut digunakan dalam iklan dan jenama produk. Selain itu, kata pinjaman daripada bahasa Inggeris atau perkataan bahasa Inggeris yang tidak diasimilasikan ke dalam bahasa Jepun turut ditemui dalam lirik lagu.

Faktor ketiga yang dinyatakan oleh Kowner dan Rosenhouse (2008) ialah pendidikan. Selepas Perang Dunia Kedua Pendidikan bahasa Inggeris adalah wajib di Jepun dengan pembelajaran bahasa Inggeris merupakan komponen utama. Nobuyuki (1995) menyatakan bahawa pelajar yang tamat pengajian sekolah menengah tinggi mempunyai enam tahun pendidikan bahasa Inggeris. Beliau juga mendapati pada tahun 1991 lebih daripada 94% pelajar Jepun yang berusia 15 tahun memilih untuk meneruskan pengajian di sekolah menengah tinggi. Oleh itu, majoriti rakyat Jepun mempunyai pendedahan yang luas terhadap bahasa Inggeris di dalam kelas.

2.6 Fungsi Kata Pinjaman daripada Bahasa Inggeris

Bahasa sering berubah kerana bahasa sentiasa berkembang dan bertembung dengan bahasa-bahasa lain. Pinjaman daripada segi linguistik berlaku akibat daripada perubahan interaktif dalam bahasa dan budaya. Kata pinjaman bahasa Inggeris dalam bahasa Jepun adalah hasil daripada hubungan antara Jepun dengan budaya Anglo-Amerika (negara

Amerika yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa utama). Kemajuan masyarakat dan ekonomi Jepun telah mengakibatkan bahasa asing terutamanya bahasa Inggeris bertambah menarik dan mendapat tempat yang tersendiri. Media massa juga turut memainkan peranan utama dalam penyebaran kata pinjaman bahasa Inggeris. Hal ini dapat dilihat dalam pengiklanan apabila kata pinjaman digunakan untuk menarik perhatian masyarakat. Kata pinjaman telah menjadi sebahagian daripada kosa kata bahasa Jepun bagi memenuhi keperluan masyarakat yang sentiasa berubah. Terdapat tiga fungsi utama kata pinjaman antaranya adalah untuk mengisi jurang kosa kata apabila tiada perkataan natif yang sesuai (Takashi,1992), alternatif bagi bahasa natif dan eufemisme. Fungsi utama pinjaman perkataan daripada bahasa asing adalah untuk memberi nama kepada item atau idea yang tidak terdapat dalam bahasa natif. Sebagai contoh, perkataan ワープロ *wāpuro* merupakan terminologi komputer untuk perisian pemproses kata.

2.6.1 Mengisi Jurang Leksikal

Kata pinjaman akan digunakan untuk mengisi jurang kosa kata apabila tidak terdapat perkataan natif yang sepadan dengan konsep atau item baru yang hadir dalam budaya dan gaya hidup Jepun. Perkataan-perkataan baru yang diserap dalam sesuatu bahasa untuk menyampaikan sesuatu benda atau idea baru, acara, fenomena sosial, teknologi dan lain-lainnya membolehkan ia disampaikan dengan lebih efektif dan efisien daripada mencipta perkataan natif mahupun ekspresi yang baru. Huynh (2013) menyatakan bahawa sejak abad ke-20, *katakana* digunakan untuk menulis kata pinjaman asing walaupun perkataan tersebut terdapat dalam *kanji*. Huynh (2013) memberikan contoh versi *katakana* untuk クラブ *kurabu* (kelab) dan アジア *Ajia* (Asia) yang diberi lebih keutamaan daripada bentuk *kanji* 倶楽部 untuk kelab dan 亜細亜 untuk Asia yang setara dengannya.

Seperti yang telah dinyatakan, pinjaman linguistik berlaku apabila tiada perkataan sedia ada dalam bahasa Jepun bagi item baru yang diperkenalkan. Rebeck (2002) menyatakan bahawa peminjaman perkataan bahasa Inggeris sering digunakan untuk istilah teknikal yang terdiri daripada bidang sains hingga ke bidang sukan. Perkataan seperti テレビ *terebi* (televisyen), エレベーター *erebētā* (lif), ブレーキ *burēki* (peranti untuk mengurangkan kelajuan atau menghentikan objek bergerak), コンピューター *konpyūtā* (komputer), ソフトウェア *sofutowea* (perisian), マニア *mania* (mania), スキー *sukī* (ski) dan フットサル *futtosaru* (futsal) adalah beberapa contoh kata pinjaman bahasa Inggeris yang diguna pakai dalam bahasa Jepun secara langsung. Bahasa Jepun yang fleksibel dan kebolehsuaian dalam menyerap istilah baru bahasa Inggeris telah didorong oleh era pengkomputeran dan juga capaian kepada dunia informasi daripada internet (Huynh, 2013). Pengadaptasian kata pinjaman juga telah menjadi satu alat untuk pembelajaran bahasa antarabangsa dalam kalangan rakyat Jepun untuk berkomunikasi dalam era globalisasi.

Perkataan baru daripada bahasa Inggeris yang dipinjamkan ke dalam bahasa Jepun juga merupakan akibat daripada perubahan gaya hidup dan fenomena sosial pada masa kini. Perkataan seperti ストレス *sutoresu* (tekanan), プライバシー *puraibashī* (privasi), カジュアル *kajuaru* (kasual), インセンティブ *insentibu* (insentif) dan ストライキ *sutoraiki* (mogok pekerja) merupakan antara perkataan yang diperkenalkan untuk menggambarkan ciri-ciri dan konsep gaya hidup moden. Perkataan baru juga diperkenalkan untuk menggambarkan masalah sosial yang baru muncul, sebagai contoh ホームレス *homuresu* (gelandangan) dan セクハラ *sekuhara* (gangguan seksual) kerana istilah ini tidak wujud sebelum ini dalam bahasa Jepun. Contoh lain kata pinjaman daripada bahasa Inggeris yang menggambarkan warga emas Jepun ialah デイサービス

ス *dei sābisu* (servis harian), ケアワーカー *keawākā* (pembantu peribadi), バリアフリー *bariafurī* (penyingkiran halangan) (Huynh, 2013).

2.6.2 Alternatif bagi Bahasa Natif

Peranan kedua bagi penggunaan kata pinjaman daripada bahasa Inggeris adalah sebagai alternatif lain bagi istilah dalam bahasa Jepun yang membawa makna yang sama. Alasan utama bagi penggunaan kata pinjaman ialah maklumat yang ingin disampaikan mempunyai kesan yang lebih mendalam daripada bahasa asal. Huynh (2013) menyatakan bahawa ahli politik misalnya menggunakan perkataan seperti リーダーシップ *rīdāshippu* (kepemimpinan) iaitu 指導 *shidō* dalam bahasa Jepun, マニフェスト *manifesuto* (manifesto) atau 檄文 *gekibun* dalam bahasa Jepun, ミッション *misshon* (misi) iaitu 使命 *shimē* dalam bahasa Jepun, アジェンダ *ajenda* (agenda) iaitu 議題 *gidai* dalam bahasa Jepun dan lain-lain kerana kata-kata pinjaman ini adalah lebih efektif dan memberikan imej yang lebih berkesan jika dibandingkan dengan perkataan asal dalam bahasa Jepun.

Dalam dunia perniagaan pula, kata pinjaman daripada bahasa Inggeris dalam *katakana* sering digunakan dalam jawatan seperti インテリアデザイナー *interia dezainā* (pereka hias dalaman), ファイナンシャルプランナー *fainansharu purannā* (perancang kewangan), プロダクトマネージャー *purodakuto manējā* (pengurus keluaran), ジェネラルマネージャー *jeneraru manējā* (pengurus besar) dan システムアナリスト *shisutemu anarisuto* (jruanalisis sistem). Walaupun perkataan-perkataan ini wujud dalam bahasa Jepun dan tidak menggambarkan sebarang konotasi negatif, *katakana* digunakan supaya kelihatan lebih moden dan bergaya (Rebuck, 2002). Penggunaan nama produk dalam bahasa Inggeris juga digunakan oleh pengeluar bagi mempromosikan

produk mereka kerana perkataan dalam bahasa Inggeris memberi impak yang positif. Sebagai contoh, biskut dengan pelbagai perisa dari syarikat Meiji Seika dari Jepun yang dikenali sebagai *Hello Panda*; apa yang berlaku di sini ialah masyarakat Jepun mengaitkan penggunaan bahasa Inggeris dengan kualiti dan nilai-nilai masyarakat moden seperti keselesaan, prestij dan kebolehpercayaan.

Selain itu, kata pinjaman daripada bahasa Inggeris juga turut digunakan bagi memberi imej baru bagi perkataan yang telah wujud dalam bahasa asal. Huynh (2013) memberikan beberapa contoh perkataan seperti キッチン *kitchin* (dapur) dan ベッドルーム *beddorūmu* (bilik tidur) yang telah meningkat penggunaannya untuk menggambarkan bilik-bilik dalam rumah berbanding perkataan dalam bahasa Jepun iaitu 台所 *daidokoro* dan 寝室 *shinshitsu*. Perkataan dalam bahasa Inggeris turut digunakan untuk rumah moden dan apartmen dengan rekabentuk Inggeris. Perkataan seperti アップル *appuru* (epal), ピーチ *pīchi* (pic) dan ストロベリー *sutoroberī* (strawberi) yang digunakan pula adalah merujuk khas kepada perasa buah-buahan atau hidangan daripada buah-buahan dan produk tersebut. Manakala perkataan asal untuk buah-buahan ini dalam bahasa Jepun iaitu りんご *ringo*, もも *momo* dan いちご *ichigo* selalunya merujuk kepada buah sebenar. Maka, kata pinjaman boleh digunakan untuk membezakan versi baru dan versi tradisional Jepun.

2.6.3 Eufemisme

Kata pinjaman juga mempunyai kesan melembutkan dan bertindak sebagai eufemisme untuk perkataan atau ekspresi dalam bahasa Jepun natif yang terlalu telus atau makna tersiratnya boleh membawa makna negatif. Huynh (2013) menjelaskan bahawa teknik penggunaan kata pinjaman ini dikenali sebagai '*glossing effect*' bersesuaian dengan masyarakat Jepun yang semakin berusia dan peningkatan terhadap keperluan bantuan

perubatan untuk warga tua. Rebuck (2002) menyatakan bahawa penggunaan perkataan シルバー *shirubā* (perak) merujuk kepada warga tua dalam kata majmuk seperti シルバーライフ *shirubāraifu* (*silver life*) yang membawa makna kehidupan selepas berpencen, シルバーシート *shirubāshīto* (*silver seat*) yang membawa makna tempat duduk khas untuk warga tua. Contoh lain ialah ハローワーク *harōwāku* (*hello work*) digunakan kerana perkataan ini merujuk kepada tempat yang kurang menakutkan untuk penstrukturan semula pekerja berbanding 職業安定所 *shokugyō antējo* dalam kata asalnya iaitu pusat mencari kerja.

Rebuck (2002) menyatakan bahawa dalam masyarakat pula, perkataan seperti シングルマザー *shingurumazā* (ibu tunggal) digunakan untuk menggantikan perkataan asal yang kedengaran agak kasar dalam dalam bahasa Jepun iaitu 未婚の母 *mikon no haha* yang bermakna ‘ibu yang tidak berkahwin’. Nobuyuki (1995) pula menyatakan bahawa bank dan syarikat kewangan lebih gemar menggunakan perkataan ローン *rōn* (pinjaman) untuk menggantikan perkataan 借金 *shakkin* yang membawa makna hutang. Perkataan ローン *rōn* (pinjaman) digunakan kerana perkataan ini memberi impak yang lebih positif berbanding perkataan 借金 *shakkin* yang memberi makna yang lebih negatif untuk keberhutangan. Berdasarkan contoh ini, jelas menunjukkan terdapat perkataan bahasa Inggeris yang digunakan untuk menyelesaikan masalah dalam menyampaikan sesuatu idea yang kedengaran lebih kasar atau negatif dalam bahasa Jepun.

2.7 Kerangka Teori

Kerangka teori memberikan panduan terhadap teori yang akan diaplikasikan untuk menjalankan kajian. Oleh itu, kerangka teori yang dikemukakan merupakan bukti bahawa kajian yang dijalankan berlandaskan teori yang boleh digunakan dan telah disarankan

oleh para sarjana dalam bidang kepakaran masing-masing. Untuk kajian ini, taksonomi pinjaman linguistik dibincangkan untuk mengenal pasti model-model untuk mengklasifikasikan jenis-jenis pinjaman dan juga Analisis Komponen Makna oleh Nida (1975). Teori komponen makna oleh Nida (1975) terdiri daripada penjelasan mengenai Analisis Komponen Makna, langkah-langkah dalam menjalankan analisis komponen makna dan prosedur linguistik untuk analisis komponen.

2.7.1 Taksonomi Pinjaman Linguistik

Terdapat pelbagai taksonomi pinjaman linguistik yang membawa kepada hasil dapatan kajian yang berbeza mengikut skop kajian. Empat model pinjaman linguistik yang terkenal akan diuraikan dengan lebih lanjut. Antaranya ialah model Katamba (2005), model Haugen (1950), model Myers-Scotton (2006) dan model Horikawa (2013).

a. Model Katamba

Katamba (2005:135) menyatakan bahawa perkataan pinjaman ini boleh dipinjam secara langsung atau tidak langsung. Menurut Katamba, pinjaman langsung berlaku apabila perkataan diambil secara terus daripada satu bahasa ke dalam bahasa lain. Sebagai contoh, perkataan *omelette* (telur dadar) diambil terus daripada perkataan bahasa Perancis tanpa perubahan fonologi dan morfologi. Manakala, pinjaman tidak langsung adalah peredaran perkataan daripada satu bahasa ke bahasa yang lain. Perubahan fonologi juga akan dapat dilihat dalam ejaan perkataan. Sebagai contoh, perkataan bahasa Inggeris *coffee* berasal daripada perkataan *kahveh* iaitu bahasa Turki telah mengalami perubahan fonologi apabila digunakan dalam bahasa Jepun. Perkataan *coffee* telah berubah kepada コーヒー *kōhī* (kopi).

b. Model Haugen

Salah satu model yang terkenal dalam taksonomi pinjaman linguistik ialah model Haugen (1950: 210-211). Model beliau membezakan pelbagai jenis pinjaman linguistik kepada kata pinjaman (*loanwords*), pinjaman campuran (*loanblends*) dan pinjaman peralihan (*loanshifts*). Bagi membezakan tiga kategori ini, beliau telah mengenal pasti dua kriteria iaitu pengimportan dan penggantian.

Kata pinjaman (*loanwords*) merupakan pinjaman tulen atau perkataan yang diambil terus daripada bahasa penderma ke dalam bahasa penerima tanpa sebarang perubahan dalam bahasa penerima. Blake (2008) memberi contoh perkataan boya (*buoy*), kapal layar (*yacht*) dan dek (*deck*) daripada bahasa Belanda yang digunakan oleh bahasa Inggeris.

Pinjaman campuran (*loanblends*) ialah perkataan yang mengalami pengimportan dan penggantian. Oleh itu, pinjaman campuran ialah perkataan yang terdiri daripada gabungan morfem yang diimport daripada bahasa penderma dan juga morfem daripada bahasa penerima. Hoffer (2005) memberikan contoh perkataan Inggeris lama *preost+had* (*priesthood*) yang membawa makna golongan paderi, dimana *preost* ialah perkataan yang diimport dan *had* ialah daripada perkataan Inggeris lama.

Pinjaman peralihan (*loanshifts*) berlaku apabila morfem natif digunakan tanpa sebarang pengimportan untuk menggantikan bahasa penderma tetapi dalam bentuk asing. Sebagai contoh, Radford et al. (2009) menyatakan bahawa perkataan *papa patopato* (papan ketukan) dan *roro hiko* (otak elektrik) dalam bahasa Maori membawa makna papan kekunci (*keyboard*) dan komputer (*computer*).

c. Model Myers-Scotton

Menurut Myers-Scotton (2006) kata pinjaman boleh dikategorikan kepada dua kumpulan iaitu pinjaman budaya dan pinjaman teras. Pinjaman budaya merujuk kepada pinjaman kosa kata untuk memenuhi jurang dalam bahasa penerima kerana pinjaman ini mewakili objek atau konsep yang baru dalam budaya sesuatu bahasa. Komputer, faks dan perkataan yang berkaitan dengan teknologi merupakan antara contoh pinjaman budaya. Kata pinjaman teras pula merupakan pengimportan bahasa asing sedangkan objek atau konsep tersebut telah wujud dalam bahasa penerima, menghasilkan kata yang sama dalam bahasa penerima (Myers-Scotton,2006:212). Contohnya ラブ *rabu* (cinta) dan ハッピー *happī* (gembira) merupakan contoh pinjaman teras daripada bahasa Inggeris ke dalam bahasa Jepun.

d. Model Horikawa

Lanjutan daripada pinjaman teras dan pinjaman budaya seperti yang diperkenalkan oleh Myers-Scotton (2006), dua lagi jenis pinjaman iaitu pinjaman teras/Barat (*core/Western*) dan pinjaman teras/budaya (*core/cultural*) telah dikenal pasti oleh Horikawa (2013). Kedua-dua jenis pinjaman ini wujud kerana tidak terdapat kepastian dalam penggolongan kata pinjaman untuk objek atau konsep yang sama dalam bahasa Jepun. Pinjaman teras/Barat (*core/Western*) merujuk kepada perkataan pendua yang mempunyai elemen umum dan telah wujud dalam bahasa Jepun, namun hanya merujuk kepada versi dari Barat. Sebagai contoh, hotel merupakan pinjaman teras/Barat kerana perkataan ini merupakan konsep penginapan dan perkataan seperti ini telah wujud dalam budaya Jepun. Namun hotel yang dimaksudkan di sini oleh orang Jepun ialah hotel dengan perabot dan kemudahan ala Barat, seperti katil dan bilik mandi persendirian. *Ryokan* pula merujuk kepada tempat penginapan tradisional ala Jepun lengkap dengan *futon* (tilam Jepun) dan juga tempat mandi awam.

Pinjaman teras/budaya (*core/cultural*) merupakan perkataan yang merujuk kepada pelbagai objek atau konsep yang sebahagian daripadanya merupakan pinjaman teras dan pinjaman budaya. Sebagai contoh, perkataan *address* boleh merujuk kepada lokasi fizikal atau destinasi virtual seperti *IP address* atau *email address*. Perkataan ini dikenali sebagai pinjaman teras kerana merujuk kepada lokasi fizikal yang dikenali sebagai *jūsho* iaitu alamat dalam bahasa Jepun. Walau bagaimanapun, *IP address* atau *email address* merupakan pinjaman budaya kerana tidak terdapat perkataan bahasa Jepun untuk menggantikan perkataan tersebut.

2.7.2 Analisis Komponen Makna

Analisis Komponen Makna merupakan satu kaedah untuk menganalisis makna perkataan berdasarkan komponen semantik. Oleh itu, ciri penting yang membentuk makna ialah unit asas pada peringkat semantik. Penggunaan Analisis Komponen Makna juga membolehkan unit yang paling kecil untuk lexis atau komponen minimum dinyatakan (Aitchison, 2003: 92).

Lyons (1981) turut menyatakan bahawa Analisis Komponen Makna melibatkan analisis perkataan berdasarkan komponen, oleh itu istilah lain untuk Analisis Komponen Makna adalah penghuraian perkataan. Analisis ini merupakan proses untuk memecahkan perkataan kepada ciri-ciri semantik yang tertentu. Proses ini dapat memberikan makna sesuatu elemen dalam bentuk formula. Dimensi makna diberikan (+, -) dalam sistem perlabelan. Simbol (+) membawa makna ciri-ciri yang wujud, manakala (-) membawa makna ciri-ciri yang tidak wujud.

Nida (1975) juga memberikan pandangan yang sama untuk analisis komponen. Nida menyatakan bahawa analisis komponen merupakan analisis yang berkaitan dengan set

makna. Justeru, beliau telah memperkenalkan dua jenis komponen utama iaitu komponen bersama dan komponen diagnostik.

a. Komponen Bersama

Komponen makna bersama ialah komponen utama yang dikongsi oleh semua leksem dalam medan semantik atau leksikal yang sama. Contohnya, perkataan ‘bapa’ mempunyai komponen makna bersama dengan perkataan ‘emak’, ‘emak saudara’ dan ‘sepupu’ kerana semua perkataan ini tergolong dalam medan kekeluargaan utama, komponen makna bersama dalam hubungan ini ialah [+manusia] dan [+kekeluargaan].

b. Komponen Diagnostik

Komponen diagnostik ialah komponen semantik yang berfungsi untuk membezakan satu makna perkataan daripada makna perkataan yang lain, sama ada makna-makna itu untuk satu perkataan atau beberapa perkataan. Jadi untuk menentukan satu unit linguistik, makna yang bertentangan perlu dicari kerana makna tidak akan wujud tanpa perbezaan.

Contoh mudah untuk membezakan komponen bersama dan komponen diagnostik dapat dijelaskan dalam perkataan ‘lelaki’, ‘wanita’, ‘budak lelaki’ dan ‘budak perempuan’ dan perkataan-perkataan lain yang mempunyai hubung kait dalam bahasa Inggeris (Leech, 1976: 96). Semua perkataan ini tergolong dalam medan semantik ‘umat manusia’ dan hubungan antara mereka dapat dijelaskan dalam matrik seperti di bawah.

**Jadual 2.2 Komponen Bersama dan Komponen Diagnostik untuk Perkataan
Lelaki, Wanita, Budak Lelaki dan Budak Perempuan**

Komponen	Lelaki	Wanita	Budak lelaki	Budak perempuan
[manusia]	+	+	+	+
[dewasa]	+	+	-	-
Jantina [lelaki]	+	-	+	-

Perkataan ‘lelaki,’ ‘wanita,’ ‘budak lelaki’ dan ‘budak perempuan’, berkongsi komponen bersama [manusia] dan dibezakan oleh komponen [dewasa], jantina [lelaki], dan jantina [perempuan] daripada segi komponen diagnostik. Makna untuk setiap item individu ini dapat dijelaskan melalui kombinasi berikut.

Lelaki	[+manusia][+dewasa][+lelaki]
Wanita	[+manusia][+dewasa][-lelaki]
Budak lelaki	[+manusia][-dewasa][+lelaki]
Budak perempuan	[+manusia][-dewasa][-lelaki]

Nida (1975: 38) turut bahawa terdapat tiga fungsi utama komponen diagnostik iaitu (1) implikasi, (2) teras dan (3) inferensi. Fungsi implikasi menggambarkan makna yang tertentu walaupun fungsi tersebut tidak membentuk bahagian yang penting dalam makna teras. Oleh itu, fungsi implikasi masih mempunyai hubungkait dengan makna, walaupun konteks telah menjadi negatif atau positif dalam fungsi lain. Sebagai contoh perkataan ‘sesal’ mempunyai tiga fungsi komponen diagnostik: (1) perbuatan salah pada masa lalu, (2) kesal terhadap perbuatan lalu dan (3) perubahan sikap. Fungsi pertama akan memberi implikasi sama ada dalam konteks positif atau negatif, sebagai contoh ‘dia sesal atas apa yang telah dia lakukan’ atau ‘dia tidak sesal atas apa dia lakukan’, implikasinya ialah seseorang itu telah melakukan sesuatu kesalahan. Kesan negatif ini memberi kesan kepada fungsi teras. Ternyata fungsi teras ialah aspek utama dalam perkara ini, tetapi tidak mengubah fungsi implikasi.

Dalam fungsi inferensi makna boleh ditafsirkan sebagai ekspresi dalam ayat, tapi tidak dianggap sebagai elemen utama yang perlu ada. Dalam ayat ‘polis telah menembak pencuri’, mempunyai inferen bahawa pencuri telah dibunuh. Tetapi, inferen ini masih boleh diragukan, sebagai contoh ‘polis telah menembak pencuri itu tetapi tidak membunuhnya’. Di sini, fungsi inferensi boleh dinyatakan secara eksplisit, contohnya ‘polis telah menembak mati pencuri itu’ atau ‘polis telah menembak dan pencuri itu terbunuh’(Nida,1975:38).

Terminologi kekeluargaan atau *kinship* oleh Jackson (1996:82) merupakan medan semantik pertama digunakan untuk analisis komponen. Istilah *kinship* pada mulanya digunakan untuk menghuraikan hubungan antara individu atau dalam istilah Latin untuk kata ganti nama ‘saya’. Terdapat beberapa komponen yang diperlukan untuk menganalisis istilah-istilah tersebut, iaitu jantina dan generasi. Contohnya, ‘abang’ dan ‘kakak’ berada dalam generasi yang sama. Manakala, ‘ibu’ dan ‘ayah’ merupakan satu generasi di atas (generasi menaik). Bagi ‘anak lelaki’ dan ‘anak perempuan’ pula merupakan satu generasi di bawah (generasi menurun). Maka dengan itu, terdapat dua komponen semantik untuk membezakan sesuatu generasi iaitu [MENAİK] dan [MENURUN]. Jantina dan generasi sahaja tidak mencukupi untuk membezakan keturunan ‘terus’ (*direct*) atau ‘lineal’ atau keturunan ‘cagaran’ (*collateral*), maka komponen semantik [LINEAL] dicadangkan sebagai elemen tambahan untuk membezakan keturunan secara terus. Jadual di bawah merupakan analisis untuk setiap istilah dalam sistem ‘*kinship*’.

Jadual 2.3: Jadual Matrik Analisis Istilah Kekeluargaan (*Kinship*) (Jackson, 1996)

Istilah kekeluargaan (<i>Kinship</i>)	[LELAKI]	[MENAIK]	[MENURUN]	[LINEAL]
Bapa	+	+	-	+
Ibu	-	+	-	+
Bapa saudara	+	+	-	-
Ibu saudara	-	+	-	-
Abang	+	-	-	+
Kakak	-	-	-	+
Anak lelaki	+	-	+	+
Anak perempuan	-	-	+	+
Anak saudara lelaki	+	-	+	-
Anak saudara perempuan	-	-	+	-
Sepupu	+/-	-	-	-

2.8 Kajian Berkaitan Kata Pinjaman Bahasa Inggeris dalam Bahasa Jepun

Kajian tentang kata pinjaman bahasa Inggeris dalam bahasa Jepun dalam pelbagai aspek linguistik telah mula mendapat perhatian sejak 100 tahun yang lalu (Bordilovskaya, 2012). Kajian terkini mengenai kata pinjaman bahasa Inggeris dalam bahasa Jepun daripada pelbagai sumber data akan dibincangkan untuk memberi gambaran yang jelas tentang hasil kajian pengkaji-pengkaji lepas. Aspek yang ditumpukan ialah daripada segi semantik dan juga pengkelasan kata pinjaman.

Terdahulu, Igarashi (2007) menjalankan kajian khusus mengenai fungsi *katakana* dalam sistem tulisan Jepun ke atas penutur jati dan pelajar asing daripada segi pemprosesan dan pedagogi. Sebahagian daripada kajian beliau turut menumpukan kepada buku teks bahasa Jepun yang digunakan oleh institusi pengajian tinggi. Buku teks yang digunakan oleh pelajar asing menekankan bahawa *gairaigo* merupakan kata pinjaman daripada bahasa asing selain daripada bahasa Cina dan kaedah penggunaan *katakana* yang betul tidak ditekankan. Walaupun kaedah penggunaan *katakana* ditekankan, pelajar asing tetap akan

mengalami masalah dalam memahami makna kata pinjaman disebabkan tiga faktor utama iaitu (1) perkataan yang wujud secara berpasangan, (2) perubahan makna daripada perkataan asalnya iaitu bahasa Inggeris dan (3) perkataan bahasa Inggeris dengan makna yang spesifik. Contohnya コップ *koppu* iaitu sejenis gelas yang digunakan untuk minuman tidak beralkohol dan カップ *kappu* iaitu cawan. Perkataan ストーブ *sutōbu* merupakan perkataan yang dipinjam daripada perkataan bahasa Inggeris *stove*. Namun perkataan *sutōbu* hanya membawa makna pemanas bilik berbeza daripada makna asalnya dalam bahasa Inggeris. Seterusnya, perkataan サービス *sābisu* (servis) dalam bahasa Jepun membawa makna percuma dan diskaun, tetapi servis dalam bahasa Inggeris tidak mempunyai makna tersebut.

Kuang (2009) pula menjalankan kajian terhadap kata pinjaman dalam majalah muzik Jepun dengan melihat kepada aspek struktur dan makna berlandaskan kajian oleh Nobuyuki (1995) untuk mengenal pasti pola pinjaman. Kajian ini telah mendapati 93.9% daripada kata pinjaman adalah berasal daripada bahasa Inggeris dan dikategorikan kepada bentuk tunggal, kata majmuk dan pemendekan (*truncation*). Selain itu, terdapat juga kata pinjaman daripada bahasa Perancis dan juga bahasa Latin. Kajian ini juga turut mendapati makna kata pinjaman akan berubah mengikut konteks. Terdapat kata pinjaman yang tiada perubahan makna, kata pinjaman dengan pemilikan makna baru serta pengurangan makna. Kosa kata baru turut muncul dalam medan muzik.

Hara (2011) juga turut memberikan perhatian kepada aspek perubahan semantik dalam kata pinjaman. Objektif kajiannya adalah untuk membantu guru-guru membentuk kaedah pengajaran yang efektif dalam pengajaran kata pinjaman bahasa Inggeris dalam bahasa Jepun. Kajian ini hanya tertumpu pada kata pinjaman yang terdapat dalam *Japanese Language Proficiency Test* yang dikhususkan untuk pelajar bahasa Jepun bukan natif.

Terdapat 560 perkataan kata pinjaman yang dianalisis yang terdiri daripada kata nama, kata kerja dan kata adjektif dan beliau mengkaji bagaimana makna kata pinjaman tersebut berubah. Hasil daripada kajian tersebut mendapati satu pertiga atau 120 perkataan daripada kata pinjaman mengalami pengurangan makna, 20 perkataan mengalami peluasan makna dan hanya tujuh perkataan yang mengalami perubahan makna. Kajian ini memberikan impak terhadap guru dan pelajar bahasa Jepun supaya mereka faham tentang perbezaan makna antara kata pinjaman dalam bahasa Jepun dan makna asal dalam bahasa Inggeris. Selain itu, kajian ini turut menyarankan kaedah pedagogi yang sesuai dalam pembelajaran dan pengajaran kosa kata bahasa Inggeris kepada pelajar Jepun berpandukan pengetahuan terhadap kata pinjaman. Kajian ini turut dapat membantu pelajar natif bahasa Inggeris untuk mempelajari bahasa Jepun dengan baik.

Horikawa (2013) pula menjalankan kajian mengenai kata pinjaman dalam dokumen rasmi kerajaan, internet dan juga buku. Kajian ini mengkhususkan untuk melihat kekerapan penggunaan kata pinjaman bahasa Inggeris, ciri-ciri linguistik dan kadar kefahaman dalam kalangan masyarakat berumur 60 tahun ke atas. Hasil daripada kajian tersebut menunjukkan pinjaman teras merupakan pinjaman yang paling biasa ditemui, diikuti dengan pinjaman budaya, pinjaman teras/budaya dan akhir sekali pinjaman teras/Barat. Secara umumnya, kategori semantik untuk ketiga-tiga bentuk menunjukkan kategori semantik dengan makna pelbagai merupakan jumlah yang tertinggi, diikuti dengan kategori semantik dengan makna umum. Terdapat juga kata pinjaman bahasa Inggeris dalam sesetengah kategori semantik yang dipercayai mempunyai daya kefahaman yang rendah berbanding kategori yang lain. Perkataan yang merupakan kata pinjaman bahasa Inggeris dengan kefahaman rendah akan memberi masalah untuk masyarakat berumur 60 tahun ke atas di Jepun. Oleh itu, tidak hairanlah jika seseorang

dengan pemahaman yang rendah terhadap kata pinjaman bahasa Inggeris akan berasa kecewa, sedih dan tersisih daripada masyarakat.

Pramvadee (2014) dalam kajiannya pula lebih memberi fokus kepada kata pinjaman bahasa Inggeris dalam brosur daripada agensi pelancongan Jepun iaitu brosur dengan nama “*HIS*” di Thailand. Kajian beliau bertujuan untuk melihat fungsi kata pinjaman dan kesan penggunaan kata pinjaman ke atas bahasa Jepun dalam brosur pelancongan. Terdapat tiga kategori utama kata pinjaman daripada bahasa Inggeris ke bahasa Jepun, dengan jumlah terbesar adalah terdiri daripada kata nama dan sejumlah kecil terdiri daripada adjektif dan kata keterangan. Kata pinjaman berfungsi untuk mengisi jurang leksikal dan alternatif untuk bahasa natif dan memberi kesan khas. Bahasa Jepun yang telah meminjam banyak perkataan daripada bahasa Inggeris dan ditulis menggunakan bentuk *katakana* yang menekankan kepada bunyi perkataan, telah menyebabkan makna perkataan menjadi kabur. Keadaan ini menyebabkan timbulnya masalah komunikasi dan seterusnya jurang komunikasi antara generasi. Kata pinjaman bahasa Inggeris memberikan impak terhadap penguasaan kosa kata kedua-dua bahasa, bahasa Inggeris dan bahasa Jepun untuk penutur natif bahasa Jepun serta pelajar yang mempelajari bahasa Jepun.

Damberg (2015) mengkaji kata pinjaman Barat dalam bahasa Jepun yang dikenali sebagai *gairaigo*. Kata pinjaman ini diterjemah semula ke dalam bahasa Inggeris. Kajian beliau memberikan fokus kepada strategi yang digunakan oleh penterjemah dalam menterjemah semula kata pinjaman bahasa Inggeris dalam bahasa Jepun ke bahasa asalnya iaitu bahasa Inggeris dalam novel berjudul *IQ84* hasil karya Murakami Haruki, artikel surat khabar daripada *Asahi Shinbun* dan juga manual permainan Nintendo. Dapatan beliau menunjukkan bahawa *gairaigo* akan mengalami perubahan semantik semasa proses

peminjaman. Namun, kebanyakannya akan mempunyai makna yang sama dalam bahasa asal. Kajian beliau juga telah mengenal pasti enam strategi untuk menterjemahkan *gairaigo* iaitu pemisahan, pemulangan, pemindahan, modulasi, kesetaraan dan parafrasa. Pelbagai strategi digunakan untuk menterjemahkan ketiga-tiga jenis teks tersebut secara bertukar ganti.

Nadiah Zubbir (2015) turut mengkaji perubahan semantik kata pinjaman bahasa Inggeris dalam bahasa Jepun. Kajian beliau mengkhususkan kepada kekerapan penggunaan kata pinjaman dan juga perubahan semantik kata nama bentuk tunggal dalam *manga Daichōhen Doraemon*. Dapatan kajian menunjukkan 353 pengulangan kata pinjaman dalam *manga* tersebut dengan kekerapan sebanyak 95.75% merupakan kata nama. Analisis Komponen Makna oleh Nida (1975) merupakan kerangka teori yang diadaptasi untuk melihat perubahan semantik kata pinjaman tersebut. Analisis yang komprehensif dijalankan berdasarkan komponen makna untuk setiap kata pinjaman yang merupakan kata nama dan didapati bahawa kebanyakan kata pinjaman mengalami pengurangan makna, diikuti dengan pemilikan makna baru dan hanya sebilangan kecil yang mengalami peluasan makna. Selain itu, kajian ini juga mendapati pemilikan makna baru juga boleh berlaku ke atas kata pinjaman dan terdapat sesetengah kata pinjaman yang tidak langsung mengalami perubahan makna daripada perkataan asal.

Shoji (2013) pula melihat kepada perbezaan kolokasi untuk tujuh perkataan adjektif bahasa Inggeris yang berkaitan dengan fesyen dan perkataan yang sama apabila dipinjamkan ke bahasa Jepun. Tujuh perkataan tersebut ialah *elegant*, *fashionable*, *feminine*, *stylish*, *chic*, *boyish* dan *mannish*. Kajian ini adalah untuk melihat sama ada perkataan adjektif bahasa Inggeris ini mengalami perubahan semantik apabila dipinjamkan ke bahasa Jepun. Beliau mendapati enam daripada tujuh perkataan adjektif

ini mengalami perubahan semantik. Perkataan *stylish*, *chic* dan *boyish* telah mengalami pengurangan makna, sementara perkataan *feminine* dan *mannish* mengalami perubahan makna dan perkataan *elegant* pula mengalami peluasan makna. Kajian ini memberikan implikasi terhadap fungsi kata pinjaman dalam bahasa Jepun iaitu kata pinjaman digunakan untuk memenuhi keperluan linguistik masyarakat moden Jepun serta mewujudkan budaya dan bahasa Jepun yang kontempori.

Berdasarkan tinjauan yang telah dibincangkan, terdapat pelbagai kajian mengenai kata pinjaman bahasa Inggeris dalam bahasa Jepun yang melibatkan pelbagai sumber antaranya majalah, buku teks dari Jepun, manga, novel, buku, dokumen rasmi kerajaan, internet dan kertas ujian dari Jepun. Namun begitu, pengkaji masih belum menjumpai kajian ke atas buku teks bahasa Jepun dari negara luar terutamanya Malaysia. Kajian yang dibincangkan hanya melibatkan jenis-jenis kata pinjaman dan aspek semantik. Oleh itu, masih terdapat ruang untuk kajian mengenai jenis-jenis pinjaman serta perubahan semantik yang berlaku untuk setiap jenis pinjaman. Kajian ini akan dapat membantu pelajar untuk menggunakan kata pinjaman dalam konteks yang betul dalam bahasa Jepun. Maka wajarlah kajian ini dijalankan untuk meneliti perubahan makna serta penggunaan kata pinjaman bahasa Inggeris ke bahasa Jepun dalam kalangan pelajar di Malaysia.

2.9 Kesimpulan

Daripada sorotan literatur, telah diberikan definisi kata pinjaman dengan jelas terutamanya definisi kata pinjaman bahasa Inggeris ke dalam bahasa Jepun. Kata yang dipinjam daripada bahasa Inggeris akan diadaptasikan ke dalam bahasa Jepun. Hal ini melibatkan perubahan linguistik daripada segi fonologi, morfologi, sintaksis, ortografi dan juga semantik. Peminjaman boleh berlaku kerana keperluan persekitaran dan motif. Kata pinjaman turut memainkan peranan untuk mengisi jurang kosa kata, menjadi

alternatif kepada bahasa natif dan juga bahasa yang lebih lembut. Pengkaji juga turut mengupas tentang taksonomi pinjaman linguistik dengan menerangkan tentang pengklasifikasian jenis-jenis pinjaman oleh empat model utama iaitu model Haugen (1950), model Katamba (2005), model Myers-Scotton (2006) dan akhir sekali model Horikawa (2013). Selain itu, Analisis Komponen Makna oleh Nida (1975) digunakan bagi tujuan analisis data untuk melihat perubahan semantik kata pinjaman daripada bahasa Inggeris. Perubahan semantik daripada pelbagai sumber data yang diambil daripada kajian lepas turut dibincangkan untuk melihat hasil kajian dan aspek perubahan semantik yang berlaku.

University of Malaysia

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pendahuluan

Dalam bab ini, pengkaji akan membincangkan metodologi kajian yang akan digunakan untuk menjalankan kajian ini. Perbincangan akan melibatkan penerangan berkenaan data kajian, reka bentuk kajian, prosedur kajian, proses pengumpulan data serta pendekatan yang bakal digunakan untuk menganalisis data-data yang diperolehi selaras dengan objektif kajian. Pendekatan Myers-Scotton (2006) serta Horikawa (2013) digunakan untuk meneliti jenis-jenis kata pinjaman. Manakala, teori Analisis Komponen Makna oleh Nida (1975) pula digunakan untuk meneliti makna kata pinjaman.

3.1 Data

Bagi menjalankan kajian ini, pengkaji telah memilih buku teks *Bahasa Jepun Tingkatan 5* sebagai sumber data utama. Buku teks ini dipilih kerana buku ini merupakan bahan rujukan utama di sekolah untuk pembelajaran bahasa Jepun khususnya untuk pelajar Tingkatan Lima yang juga merupakan peringkat pembelajaran bahasa Jepun yang tertinggi di sekolah menengah di Malaysia. Selain itu, buku teks ini juga merupakan rujukan utama untuk semua pelajar Tingkatan Lima yang akan menduduki Peperiksaan Bahasa Jepun yang diselenggarakan oleh Lembaga Peperiksaan, Kementerian Pendidikan Malaysia pada bulan Julai setiap tahun.

Secara keseluruhannya, buku teks ini mengandungi kosa kata yang dipelajari sejak daripada Tingkatan Satu hingga Tingkatan Lima. Buku teks *Bahasa Jepun Tingkatan 5* mengandungi tambahan kosa kata dengan penggunaan tatabahasa yang kompleks. Terdapat banyak perbualan dalam buku teks ini yang memerlukan pelajar memahami


makna setiap perkataan dengan betul berdasarkan konteks perbualan. Oleh itu, dapatlah disimpulkan bahawa tahap penggunaan bahasa dalam buku teks ini melibatkan penggunaan ayat yang sukar yang benar-benar menguji kebolehan pelajar dalam penguasaan bahasa Jepun.

3.1.1 Latar Belakang Data Kajian

Buku teks *Bahasa Jepun Tingkatan 5* ditulis oleh empat orang ahli akademik iaitu Jamila Mohd, Lee Sau Lan, Ooi Guan Lee dan Kitade Rie. Buku teks ini diterbitkan pada tahun 2014 oleh Awan Metro Sdn. Bhd. Buku teks ini mengandungi lima bab dengan 264 muka surat. Buku teks ini ditulis khusus untuk pembelajaran bahasa Jepun Tingkatan Lima berlandaskan Kurikulum Bahasa Jepun Tahun 2004. Buku teks yang digunakan untuk kajian ini juga merupakan terbitan pertama tahun 2014 dan merupakan terbitan ulung untuk buku teks bahasa Jepun keluaran Kementerian Pendidikan Malaysia.

Jamila Mohd, Lee Sau Lan, Ooi Guan Lee dan Kitade Rie (2014)

Bahasa Jepun Tingkatan 5



3.1.2 Sinopsis Buku Teks Bahasa Jepun Tingkatan 5

Buku teks ini mengandungi lima tema utama iaitu: *a) saya; b) saya, keluarga dan rakan; c) saya dan sekolah; d) saya dan masyarakat dan e) saya dan dunia.* (Isi kandungan buku teks disertakan di Lampiran 5, muka surat 202). Bab Satu diambil daripada tema *saya* dengan tajuk 将来の仕事 *Syōrai no Shigoto (Pekerjaan Masa Hadapan)*. Bab ini menceritakan tentang impian, harapan dan cita-cita pelajar apabila mereka dewasa kelak. Pada masa yang sama, pelajar juga boleh menyuarakan pendapat dan pekerjaan pilihan masing-masing. Adab-adab menghadiri temuduga juga turut diberikan kepada pelajar supaya berjaya memperolehi biasiswa untuk melanjutkan pelajaran ke luar negara khususnya ke Jepun. Selain itu, perkongsian menarik tentang tukang masak ikan buntal sebagai satu kerjaya yang sangat unik di Jepun turut digarapkan dalam bab ini.

Tema *saya, keluarga dan rakan* dipilih untuk Bab Dua dengan tajuk 家族と友だち *Kazoku to Tomodachi (Keluarga dan Rakan-Rakan)*. Perkongsian yang menarik dapat dilihat apabila bab ini menyentuh tentang kajian yang dibuat di Jepun tentang topik yang menjadi perbualan oleh murid-murid sekolah menengah di Jepun dengan ibubapa mereka. Topik ini menggalakkan pelajar menyuarakan pandangan serta pendapat tentang isu-isu keluarga dan rakan-rakan. Pelajar-pelajar juga turut digalakkan berbincang tentang cara-cara menyelesaikan masalah yang dihadapi. Bab ini juga turut berkongsi tentang kajian yang dijalankan terhadap murid-murid sekolah menengah di Jepun, Amerika Syarikat, China dan Korea pada tahun 2008.

Bab seterusnya adalah bertemakan *saya dan sekolah*. Tajuk untuk bab ini ialah 学校の交流活動 *Gakkō no Kōryū Katsudō (Aktiviti Pertukaran Sekolah)* berkisarkan tentang aktiviti interaksi di sekolah. Satu teks ucapan diberikan untuk memperkenalkan sekolah dan negara menerusi aktiviti interaksi antara sekolah di Malaysia dan Jepun. Pelajar

mengadakan perbincangan tentang perkara-perkara yang diminati, antaranya melalui aktiviti sukan yang paling diminati di sekolah. Selain itu, aktiviti masakan dan permainan bahasa yang dikenali sebagai *shiritori* dari negara Jepun turut diperkenalkan. Bagi memperkenalkan budaya Malaysia, perkongsian pengalaman dua orang pelajar Jepun yang menginap di Malaysia turut diberi fokus utama dalam bab ini. Di samping itu, budaya Jepun turut dikongsi dengan program pertukaran pelajar antarabangsa di Jepun. Pelajar-pelajar berpeluang untuk menyertai aktiviti yang menarik antaranya ialah lawatan ke sekolah menengah di Jepun, bengkel budaya, kajian lapangan, program *homestay*, pendidikan dan pembentukan sahsiah dan peribadi.

Bab Empat yang bertemakan *saya dan masyarakat* diberikan tajuk khusus 私と自然 *Watashi to Shizen (Saya dan Alam Semulajadi)*. Bab ini banyak menceritakan tentang haiwan dan tumbuhan yang terdapat di hutan Malaysia. Tempat-tempat yang terkenal di Malaysia dengan keindahan alam semulajadi turut diperkenalkan. Selain daripada mengenal pasti sebab dan akibat permasalahan alam sekitar bab ini juga turut membincangkan tentang cara-cara pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar di Malaysia. Perkataan もったいない *mottainai* dari negara Jepun yang membawa makna 'what a waste!' turut diperkenalkan. Perkataan ini berkait rapat dengan aspek pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar. Selain itu, perkataan ini juga sering dikaitkan dengan konsep 3R's, iaitu *Reduce (kurangkan)*, *Reuse (guna semula)* dan *Recycle (kitar semula)* dalam aktiviti kitar semula.

Bab terakhir iaitu Bab Lima bertemakan *saya dan dunia* dengan tajuk 新しい出会い *Atarashi Deai (Pertemuan Baru)*. Bab ini banyak mengisahkan tentang amalan serta adat orang Jepun dan orang Malaysia. Pelajar juga dapat memahami budaya Jepun antaranya tentang amalan seharian masyarakat Jepun di rumah. Bab ini juga turut memperkenalkan

Nagoya sebagai destinasi pelancongan yang menarik berserta tempat-tempat menarik di sepanjang laluan keretapi. Selain itu, bab ini juga turut menceritakan tentang perpustakaan yang terdapat di Jepun dan perbezaan tentang perkhidmatan perpustakaan yang terdapat di Jepun dan Malaysia. Pada aspek budaya pula, sebuah cerita dongeng rakyat yang terkenal di Jepun iaitu *Urashimatarō* turut disertakan. Aspek-aspek lain yang menarik tentang Jepun turut diberikan perhatian. Antaranya ialah Gunung Fuji, perkhidmatan tren, mesin jualan automatik dan tembikai berbentuk segi empat sama.

Kesimpulannya, buku ini memberikan peluang kepada pelajar untuk mempelajari dan mencontohi budaya Jepun yang mempunyai nilai-nilai moral yang tinggi untuk diaplikasikan dalam kehidupan harian. Selain itu, buku teks *Bahasa Jepun Tingkatan 5* ini juga menunjukkan penggunaan kosa kata, tatabahasa dan ayat yang kompleks.

3.2 Bahan Rujukan

Bagi mengenal pasti makna dalam komponen semantik yang terdapat dalam kata asal, iaitu bahasa Inggeris, pengkaji akan menggunakan dua buah kamus dalam bahasa Inggeris iaitu *Oxford Advanced Learner's Dictionary of Current English* (2010) dan *Longman Dictionary of Contemporary English* (2009). Secara rasionalnya, dua buah kamus ini dipilih adalah kerana Nesi dan Hail (2002) dalam kajian mereka mendapati kamus ini adalah antara lima buah kamus paling popular yang dimiliki dan digunakan oleh pelajar antarabangsa di universiti di Britain. Miller (2006) juga turut menamakan *Oxford Advanced Learner's Dictionary* dan *Longman Dictionary of Contemporary English* sebagai antara lima buah kamus utama dalam membantu pelajar bukan penutur jati bahasa Inggeris mempelajari bahasa Inggeris dengan baik. Memandangkan bahawa kamus-kamus ini ialah kamus yang ringkas dan padat, pengkaji juga menggunakan

rujukan-rujukan lain seperti kamus bahasa Inggeris yang lebih komprehensif apabila terdapat sebarang kesangsian tentang kata asal sesuatu perkataan.

Manakala, untuk melihat makna kata pinjaman, pengkaji akan menggunakan kamus *Kōjien Edisi ke 6* (2008). Menurut Gally (2012:11), kamus ini merupakan kamus komprehensif dengan 230,000 daftar kata dalam 3,000 muka surat. Tambahan pula, sehingga tahun 2012 kamus ini merupakan salah satu kamus yang telah dikemaskini selain kamus komprehensif bahasa ibunda yang lain seperti *Daijisen* (1998) dan *Daijirin* (2006). Kamus lain seperti *A Dictionary of Loanwords* (1998) dan *Sanseido's Concise Dictionary of Katakana Words* (2010) juga akan dirujuk untuk memastikan kesahihan makna daripada kamus utama.

Nida (1975:172) menyarankan penggunaan kamus dalam Analisis Komponen Makna kerana kamus dapat memberi makna dengan memberikan petunjuk tentang makna dan kegunaan perkataan-perkataan atau istilah-istilah dalam sesuatu bahasa. Kamus juga dapat membantu menganalisis makna dengan baik kerana pada umumnya kandungan kamus meliputi arena semantik yang terlibat, menyenaraikan perbezaan yang biasa, menyediakan konteks yang ilustratif dan menyatakan kegunaan ayat yang berbeza-beza. Selain itu, kamus dapat memberikan data sejarah yang menunjukkan perhubungan antara makna, menyenaraikan kegunaan idiomatik dan kiasan, dan mungkin mencatatkan ciri-ciri sementara.

3.3 Semakan Analisis Data

Bagi tujuan semakan makna, pengkaji telah memilih seorang pensyarah bahasa Jepun bukan natif yang telah belajar dan tinggal di Jepun hampir 10 tahun. Beliau ialah seorang yang arif dalam bahasa Jepun kerana beliau berkelulusan doktor falsafah dalam bidang

pengajian bahasa Jepun. Beliau juga mempunyai pengalaman kemahiran yang meluas dalam bidang penterjemahan kerana telah melakukan kerja menterjemah buku serta bahan ilmiah daripada bahasa Jepun ke bahasa Melayu. Beliau juga turut menjalankan tugas sebagai jurubahasa di peringkat Kementerian Pendidikan. Kepakarannya diperlukan untuk menyemak jenis-jenis kata pinjaman yang dikategorikan oleh pengkaji untuk melihat ketepatannya. Selain itu, perujuk juga akan membuat semakan daripada segi aspek terjemahan yang dibuat daripada kamus bahasa Jepun ke bahasa Melayu. Hal ini adalah untuk memastikan kesahihan dan juga ketepatan makna yang diberikan untuk setiap komponen semantik. (Latar belakang perujuk disertakan di Lampiran 6, muka surat 203).

3.4 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini berbentuk kualitatif dan melibatkan analisis kuantitatif deskriptif untuk melihat jenis-jenis kata pinjaman dan aspek perubahan makna yang terdapat dalam kata pinjaman bahasa Inggeris dalam buku teks *Bahasa Jepun Tingkatan 5*. Pengkaji hanya akan menumpukan kepada aspek kata pinjaman bahasa Inggeris untuk kata nama, kata kerja dan kata adjektif kerana tiga golongan kata ini sering digunakan sebagai kata pinjaman (Hara, 2011; Pramvadee, 2014).

Selari dengan objektif kajian ini untuk mengenal pasti jenis-jenis pinjaman, pendekatan Myers-Scotton (2006) dan Horikawa (2013) digunakan. Pendekatan ini dipilih kerana pendekatan ini merupakan yang terkini dan lebih relevan dengan bahasa Jepun. Seperti yang telah dibincangkan di bahagian 2.7.1, Myers-Scotton (2006) menyatakan bahawa terdapat dua jenis pinjaman iaitu pinjaman teras dan pinjaman budaya. Pengelasan jenis-jenis pinjaman ini ditambah baik oleh Horikawa (2013) dengan menambahkan dua lagi jenis pinjaman iaitu pinjaman teras/Barat (*core/Western*) dan pinjaman teras/budaya

(*core/cultural*). Pengelasan ini khusus untuk meneliti jenis-jenis pinjaman bahasa Inggeris dalam bahasa Jepun. Selain daripada meneliti fungsi kata pinjaman, beliau juga mengkaji sekiranya terdapat pertalian daripada segi perubahan semantik.

Objektif seterusnya bagi kajian ini adalah mengkaji bentuk-bentuk perubahan makna yang berlaku dalam kata pinjaman. Bagi mencapai objektif ini, teori Analisis Komponen Makna akan digunakan sebagai kerangka utama penganalisan data. Pengkaji memilih teori Analisis Komponen Makna yang diperkenalkan oleh Nida (1975) sebagai kerangka utama kajian seperti yang telah diterangkan di bahagian 2.7.2. Menurut Nida (1975), makna bagi kata terdiri daripada dua komponen utama iaitu komponen bersama dan komponen diagnostik. Dengan meneliti kedua-dua komponen ini, kita akan dapat melihat dengan lebih jelas aspek perubahan makna yang berlaku dalam kata pinjaman bahasa Inggeris.

3.5 Prosedur Kajian

Kajian ini melibatkan tujuh proses utama untuk menyelidik kata pinjaman. Langkah pertama untuk kajian ini adalah dengan mengeluarkan semua kata pinjaman yang terdapat dalam buku teks *Bahasa Jepun Tingkatan 5* yang terdiri daripada Bab 1 hingga Bab 5. Kesemua kata pinjaman ini didapati dalam bentuk tulisan *katakana* dan akan ditulis dalam huruf rumi untuk memudahkan pembaca.

Proses awal ini dijalankan untuk melihat penggunaan kata pinjaman dalam buku teks tersebut. Proses ini dijalankan kerana penggunaan kata pinjaman pada setiap bab dalam buku teks ini adalah pada tahap kesukaran yang berbeza. Perkara ini adalah penting untuk pengkaji untuk melihat keseluruhan data dan memilih data yang sesuai untuk dijadikan bahan kajian utama.

Proses seterusnya adalah dengan meneliti asal usul kata pinjaman tersebut. Kamus akan digunakan sebagai rujukan untuk memastikan kata pinjaman yang dipilih berasal daripada bahasa Inggeris. Seterusnya kata pinjaman akan digolongkan ke dalam tiga golongan kata utama iaitu kata nama, kata kerja dan kata adjektif. Rasionalnya ialah golongan kata nama merupakan golongan yang paling banyak dipinjam (Loveday, 1996:118), diikuti dengan kata kerja dan kata adjektif. Kata pinjaman ini kemudiannya akan direkodkan ke dalam perisian *Microsoft Excel*. Penentuan golongan kata ini juga dibuat dengan teliti berpandukan rujukan kamus untuk memastikan bahawa perkataan-perkataan tersebut berasal daripada bahasa Inggeris. Setiap perkataan yang dikenal pasti akan ditandakan dengan nombor bab dan juga halaman. Contohnya, perkataan pinjaman pada Bab 2 di halaman 86 akan ditandakan sebagai (B2: Ms 86). Selepas itu, penandaan untuk setiap golongan kata akan dijalankan dengan teliti dengan melabelkan kata nama sebagai (KN), kata kerja sebagai (KK) dan kata adjektif sebagai (KA).


Kata pinjaman tersebut seterusnya akan diklasifikasikan kepada dua jenis kata pinjaman iaitu pinjaman teras dan pinjaman budaya. Kata pinjaman teras sekali lagi akan dianalisis untuk menentukan jika terdapat kata pinjaman yang tergolong dalam pinjaman teras/Barat (*core/Western*) dan pinjaman teras/budaya (*core/cultural*) sebagaimana yang telah diterangkan di bahagian 2.7.1. Penentuan jenis-jenis pinjaman ini akan dilakukan dengan bantuan kamus bahasa Jepun. Kamus bahasa Jepun digunakan untuk menyemak kata asal perkataan dalam bahasa Jepun untuk sesetengah perkataan yang dipinjam daripada bahasa Inggeris. Kesemua maklumat ini akan dipaparkan dalam Lampiran 1.

Kemudiannya aspek perubahan makna akan diteliti untuk keempat-empat jenis pinjaman yang dibincangkan dengan menggunakan Analisis Komponen Makna oleh Nida (1975). Kamus bahasa Jepun dan kamus bahasa Inggeris seperti yang telah dibincangkan di

bahagian 3.2 digunakan untuk meneliti komponen semantik perkataan yang dipinjam dan makna kata asal untuk melihat perubahan makna.

Kata pinjaman yang tidak mengalami perubahan makna tidak akan dianalisis pada peringkat selanjutnya kerana perkataan-perkataan ini mengekalkan makna dalam kata asalnya. Contohnya, perkataan テント *tento* (khemah) tidak mengalami perubahan makna apabila dipinjam ke dalam bahasa Jepun. Hanya kata pinjaman dengan perubahan makna akan dianalisis secara terperinci dengan berdasarkan komponen-komponen makna untuk perkataan asal dan perkataan yang dipinjam.

Bilangan serta jenis pinjaman akan dibincangkan dalam bentuk jadual dan graf. Akhir sekali, semakan untuk klasifikasi jenis pinjaman dan komponen semantik dalam bahasa Jepun akan disemak oleh seorang pakar dalam bahasa Jepun. Rajah di bawah menunjukkan prosedur kajian secara ringkas:



Rajah 3.1 Carta Alir Prosedur Kajian

3.6 Proses Penganalisan Data

Setelah proses pengumpulan data selesai, data yang diperolehi akan dianalisis untuk menghasilkan perbincangan dan seterusnya menjawab persoalan kajian. Dalam bahagian ini, analisis akan dibuat secara kuantitatif deskriptif dan juga analisis kualitatif. Menurut Norizan, Nordin dan Mohd Ali (2013) analisis statistik deskriptif dijalankan untuk mendapatkan gambaran awal data yang dikumpul. Analisis yang akan dibuat secara kuantitatif deskriptif adalah seperti berikut:

- a. peratusan kata pinjaman bahasa Inggeris daripada jumlah kata pinjaman dalam teks.
- b. peratus golongan kata pinjaman yang terdiri daripada kata nama, kata kerja dan kata adjektif.
- c. peratus golongan kata pinjaman untuk pinjaman teras, budaya, teras/Barat (*core/Western*) dan teras/budaya (*core/cultural*).

Seperti yang telah dimaklumkan sebelum ini, pendekatan kuantitatif deskriptif turut digunakan untuk membincangkan cara-cara kata pinjaman ini dikategorikan mengikut jenis-jenis kata pinjaman berdasarkan pendekatan oleh Myers-Scotton (2006) dan Horikawa (2013). Analisis kualitatif pula akan melibatkan Analisis Komponen Makna yang dikemukakan oleh Nida (1975) untuk membincangkan perubahan makna yang berlaku pada perkataan-perkataan tersebut iaitu pemilikan makna baru, pengurangan makna atau peluasan makna.

3.6.1 Analisis Kuantitatif Deskriptif

Analisis berbentuk kuantitatif deskriptif dalam bentuk statistik mudah iaitu peratusan akan dijalankan untuk melihat jumlah keseluruhan penggunaan kata pinjaman bahasa Inggeris dan kaedah ini juga digunakan untuk melihat jenis-jenis kata pinjaman yang

terdapat dalam buku teks *Bahasa Jepun Tingkatan 5*. Data yang diperolehi akan direkodkan seperti dalam jadual di bawah:

Jadual 3.1 Pengklasifikasian Jenis-Jenis Pinjaman daripada Myers-Scotton (2006) dan Horikawa (2013)

Jenis-jenis pinjaman	Bilangan	Peratusan
Pinjaman teras		
Pinjaman budaya		
Pinjaman teras/Barat		
Pinjaman teras/budaya		

3.6.2 Analisis Kualitatif

Kaedah analisis kualitatif dijalankan untuk melihat perubahan makna yang berlaku dalam kata pinjaman bahasa Inggeris ke bahasa Jepun. Oleh yang demikian, Analisis Komponen Makna akan dilakukan ke atas kata nama, kata kerja dan kata adjektif yang diperolehi daripada keempat-empat jenis pinjaman. Kajian ini akan menggunakan Analisis Komponen Makna oleh Nida (1975) untuk melihat sama ada berlakunya perubahan makna dalam kata pinjaman seperti yang dibincangkan dalam Bab 2. Perubahan makna untuk kata pinjaman bahasa Inggeris akan dibandingkan dengan makna perkataan tersebut dalam bahasa Jepun melalui komponen makna untuk mengenal pasti sama ada berlakunya perubahan makna dalam kata pinjaman. Makna yang dianalisis dalam kajian ini adalah secara umum kerana penggunaan kata pinjaman dalam buku teks adalah dalam konteks makna yang terhad. Oleh itu, kajian ini akan melihat makna secara menyeluruh dengan berdasarkan kamus.

Dalam analisis yang dijalankan, komponen semantik digunakan untuk menghalusi konteks bagaimana perkataan itu digunakan dalam bahasa Jepun. Komponen-komponen makna yang dipilih adalah daripada golongan kata nama, kata kerja dan kata adjektif

dalam kamus bahasa Inggeris dan juga kamus bahasa Jepun seperti yang telah dimaklumkan di Bahagian 3.2.

3.6.3 Kaedah Analisis Komponen Makna

Analisis Komponen Makna akan diaplikasikan ke atas makna denotasi iaitu makna tersurat untuk setiap kata pinjaman bahasa Jepun dan dibandingkan dengan kata asalnya dalam bahasa Inggeris dengan menggunakan kamus bahasa Inggeris. Kajian ini juga akan melibatkan dua jenis komponen utama iaitu komponen bersama dan komponen diagnostik. Komponen bersama digunakan untuk melihat persamaan makna melalui komponen semantik dan komponen diagnostik pula digunakan untuk membezakan makna kata asal dan kata pinjaman.

Nida (1975:54-61) telah menyenaraikan enam langkah utama dalam menganalisis komponen diagnostik seperti yang telah dibincangkan dalam Bab 2 iaitu:

a. Menjalankan pemilihan tentatif ke atas makna yang mempunyai pertalian yang sama serta tergolong dalam domain semantik dan berkongsi beberapa komponen yang sama. Contohnya, makna perkataan *father, mother, son, daughter, brother, sister, uncle, aunt, nephew, niece* dan *cousin* berkongsi komponen yang sama iaitu manusia dan individu yang mempunyai pertalian persaudaraan sama ada melalui pertalian darah atau melalui perkahwinan.

b. Menyenaraikan semua referen tertentu untuk setiap makna dalam domain persoalan yang sama. Bagi kes-kes tertentu, kesemua referen boleh disenaraikan. Contohnya, *father* dan *mother* mempunyai perkaitan daripada segi ego, ini bermakna ia mempunyai satu referen. Perkataan seperti *mother-in-law, father-in-law, stepfather* dan *stepmother*

terdiri daripada unit semantik yang lain dan dikategorikan sebagai domain tambahan kerana perhubungan tidak formal dalam struktur semantik.

c. Mengenal pasti komponen yang mempunyai makna yang sama daripada satu istilah atau istilah yang berlainan, seperti yang terdapat bagi referen yang berlainan. Contohnya bagi jantina perempuan melihatkan *mother, aunt, daughter, sister, niece* dan *cousin*. Sementara itu bagi komponen jantina lelaki melihatkan *father, uncle, son brother, nephew* dan *cousin*. Istilah *cousin* tidak berkaitan dengan jantina. Penentuan komponen ini mestilah berdasarkan ciri-ciri yang mempunyai perkaitan yang di antaranya ialah jantina.

d. Mengenal pasti komponen diagnostik yang bersesuaian untuk setiap makna. Contohnya, *father* mempunyai komponen makna jantina lelaki, satu generasi di atas dan umur yang lebih tua. Manakala, *mother* mempunyai komponen jantina perempuan, satu generasi di atas dan umur yang lebih tua.

e. Membuat semakan ke atas komponen-komponen yang diperolehi didahului dengan langkah pertama iaitu melihat perkataan yang tergolong dalam domain semantik yang sama.

f. Menyatakan ciri-ciri diagnostik secara sistematik. Penyenaiaan ciri-ciri diagnostik boleh dilakukan untuk setiap makna atau istilah. Selain itu, penyenaiaan ciri-ciri diagnostik ini juga boleh dilakukan dalam bentuk rajah pepohon atau matrik.

Berdasarkan enam langkah yang telah dikemukakan oleh Nida (1975), analisis yang dijalankan adalah berdasarkan adaptasi dan pengubahsuaian. Setelah itu, komponen

semantik untuk dua bahasa dibezakan secara bersama pada satu jadual. Berikut ialah jadual yang akan digunakan untuk kajian ini.

Jadual 3.2 Contoh Jadual Analisis Komponen Makna

	Bahasa Inggeris	Bahasa Jepun
Komponen semantik	<i>rice</i>	ライス <i>raisu</i>
Bijirin	+	+
Dimasak secara kukus, rebus, goreng	+	+/-
Hidangan Barat yang dihidangkan di atas pinggan	-	+

Dalam analisis di atas, komponen semantik yang digunakan adalah untuk menghalusi konteks bagaimana perkataan itu digunakan dalam bahasa Jepun. Simbol ‘+’ ialah makna yang terdapat dalam komponen semantik perkataan tersebut. Tanda ‘-’ ialah makna yang tidak terdapat dalam komponen semantik perkataan tersebut. Simbol ‘+/-’ membawa makna komponen yang mungkin ada atau tiada dalam komponen semantik perkataan tersebut.

3.7 Kesimpulan

Bagi bab ini, pengkaji telah menghuraikan dengan lebih jelas tentang rasional pemilihan sampel kajian iaitu buku teks *Bahasa Jepun Tingkatan 5*. Selain itu, pengkaji juga telah membincangkan prosedur kajian yang digunakan untuk mengumpul data dan juga kaedah analisis makna berdasarkan Analisis Komponen Makna untuk kata pinjaman. Bab seterusnya akan membincangkan tentang hasil dapatan dan analisis keseluruhan kajian ini.

BAB 4

ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN

4.0 Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan analisis dan dapatan kajian secara kuantitatif deskriptif dan kualitatif. Dapatan kajian juga akan dibincangkan berdasarkan objektif kajian seperti yang dibentangkan dalam Bab 1:

- i. Mengetahui pasti jenis-jenis kata pinjaman bahasa Inggeris yang terdapat dalam buku teks *Bahasa Jepun Tingkatan 5*.
- ii. Mengetahui sama ada makna kata pinjaman tersebut dikekalkan atau berlaku perubahan makna.


Kajian secara kuantitatif deskriptif dijalankan untuk mencapai objektif kajian yang pertama iaitu mengetahui pasti jenis-jenis kata pinjaman bahasa Inggeris dalam buku teks *Bahasa Jepun Tingkatan 5*. Dalam bahagian ini, pengkaji akan meneliti perkara-perkara berikut:

- i. Asal usul kata pinjaman bahasa Inggeris.
- ii. Peratus golongan kata yang terdiri daripada kata nama, kata kerja dan kata adjektif.
- iii. Jenis-jenis pinjaman bahasa Inggeris.

Perbincangan lanjut tentang peratusan kata pinjaman dan juga golongan kata akan dijalankan dengan menggunakan jadual dan carta pai. Pengelasan jenis-jenis pinjaman berlandaskan pendekatan Myers-Scotton (2006) dan Horikawa (2013) akan dibincangkan dengan lebih lanjut dengan menggunakan jadual dan juga carta palang.

Bagi objektif yang seterusnya, kajian kualitatif akan dijalankan untuk melihat sama ada makna kata pinjaman di dalam buku teks *Bahasa Jepun Tingkatan 5* dikekalkan atau berlaku perubahan. Kajian kualitatif ini akan dijalankan berdasarkan Analisis Komponen Makna oleh Nida (1975) (Sila rujuk Bab 3, Bahagian 3.6.3).


4.1 Asal Usul Kata Pinjaman



Rajah 4.1 Asal-Usul Kata Pinjaman

Hasil daripada penelitian yang dibuat oleh pengkaji terdapat sebanyak 195 kata pinjaman yang terdapat dalam buku teks *Bahasa Jepun Tingkatan 5*. 78% atau 152 daripadanya terdiri daripada kata pinjaman bahasa Inggeris iaitu jumlah terbesar daripada keseluruhan kata yang dipinjam. Manakala 22% atau 43 kata pinjaman terdiri daripada kata yang dipinjam daripada bahasa-bahasa lain antaranya bahasa Melayu, bahasa German, bahasa Arab, bahasa Portugis, bahasa Belanda dan juga bahasa Indonesia.


4.2 Golongan Kata dalam Kata Pinjaman Bahasa Inggeris



Rajah 4.2 Golongan Kata dalam Kata Pinjaman Bahasa Inggeris

Penelitian yang dibuat ke atas kata pinjaman bahasa Inggeris mendapati kata pinjaman tersebut dapat digolongkan kepada tiga golongan kata iaitu kata nama, kata kerja dan kata adjektif. Daripada sejumlah 152 perkataan pinjaman bahasa Inggeris yang ditemui, 15 perkataan ialah kata nama khas yang dikecualikan daripada kajian ini kerana tidak melibatkan sebarang perubahan makna. Carta pai diatas menunjukkan data kajian yang dianalisis iaitu 137 kata pinjaman. Daripada jumlah tersebut, 94% atau 129 kata pinjaman adalah terdiri daripada kata nama am (dalam carta ditulis sebagai kata nama). 4% atau 6 kata pinjaman adalah terdiri daripada kata kerja. Manakala 2% atau 2 kata pinjaman adalah terdiri daripada kata adjektif. Melalui carta pai di atas dapatlah disimpulkan bahawa golongan kata yang paling banyak digunakan dalam buku teks *Bahasa Jepun Tingkatan 5* merupakan daripada golongan kata nama. Hanya sebilangan kecil sahaja kata pinjaman yang terdiri daripada golongan kata yang lain iaitu kata kerja dan kata adjektif.

4.3 Jenis-Jenis pinjaman



Rajah 4.3 Jenis-Jenis Pinjaman

Kajian ini telah menemui empat jenis pinjaman bahasa Inggeris yang terdapat dalam buku teks *Bahasa Jepun Tingkatan 5* seperti yang dikenal pasti oleh Myers-Scotton (2006) dan Horikawa (2013). Jenis pinjaman yang paling banyak merupakan pinjaman teras yang terdiri daripada 72 kata pinjaman. Kategori kedua terbanyak ialah pinjaman budaya dengan 51 kata pinjaman. Kategori pinjaman teras/Barat diwakili oleh 9 kata pinjaman dan yang paling sedikit merupakan pinjaman teras/budaya iaitu 5 kata pinjaman sahaja. Analisis keseluruhan terhadap 137 kata pinjaman telah dijalankan secara terperinci. Namun hanya kata pinjaman dengan kekerapan 5 kali atau lebih sahaja yang dibentangkan untuk setiap kategori kata pinjaman dalam bab ini kerana senarai keseluruhan jenis-jenis pinjaman untuk kajian ini terdapat dalam Lampiran 1 (muka surat 134).

4.4 Analisis Jenis-Jenis Pinjaman

4.4.1 Pinjaman Teras

Pinjaman teras merupakan perkataan yang dipinjam daripada bahasa Inggeris sedangkan telah sedia ada perkataan untuk objek atau konsep tersebut dalam bahasa Jepun. Hasil daripada analisis yang dibuat, pinjaman teras merupakan jenis pinjaman yang terbanyak daripada jumlah keseluruhan kata pinjaman yang terdapat dalam buku teks bahasa Jepun. Terdapat 72 kata pinjaman yang diklasifikasikan sebagai pinjaman teras daripada keseluruhan kata pinjaman. Keseluruhan 72 kata pinjaman teras telah dianalisis dengan terperinci seperti yang disenaraikan di Lampiran 1 (muka surat 134). Walau bagaimanapun, hanya 5 kata pinjaman yang dibincangkan dalam bahagian ini kerana kata pinjaman ini berulang sebanyak 5 kali atau lebih dan kata-kata pinjaman ini menunjukkan corak perubahan yang sama.

Antara perkataan dengan kekerapan tertinggi ialah クラス *kurasu* (*class*). Perkataan ini diklasifikasikan sebagai pinjaman teras kerana perkataan ini boleh digantikan dengan perkataan 教室 *kyōshitsu* yang juga membawa makna kelas atau bilik darjah. Walaupun perkataan クラス *kurasu* mempunyai beberapa makna yang boleh diguna secara bertukar ganti, namun secara lazimnya perkataan ini selalunya merujuk kepada kelas atau bilik darjah.

Perkataan ゲーム *gēmu* (*game*) juga boleh digantikan dengan perkataan 試合 *shiai* yang bermakna perlawanan. Tetapi perkataan 試合 *shiai* hanya digunakan untuk perlawanan bagi sukan sahaja. Oleh itu, penggunaan perkataan ゲーム *gēmu* bagi menggantikan perkataan 試合 *shiai* iaitu kosa kata asal dalam bahasa Jepun boleh berlaku dalam konteks yang tertentu. Perkataan スポーツ *supōtsu* (*sport*) juga mempunyai kosa kata dalam

bahasa asalnya iaitu 運動 *undō* yang membawa makna latihan fizikal atau senaman. Perkataan スポーツ *supōtsu* boleh juga digantikan dengan perkataan 運動 *undō* iaitu kosa kata asal bahasa Jepun. Namun, perkataan ini juga digunakan bergantung pada konteks tertentu.

Seterusnya perkataan エンジニア *enjinia (engineer)* juga mempunyai kosa kata dalam bahasa asalnya iaitu 工学者 *kōgakusha* yang membawa makna jurutera dalam penulisan atau percakapan. Perkataan ini boleh digunakan secara bertukar ganti dengan perkataan asal dalam bahasa Jepun tanpa merubah makna penggunaan dalam sesuatu ayat. Perkataan コック *kokku (cook)* juga turut mempunyai kata asal dalam bahasa Jepun. Perkataan コック *kokku* dalam kosa kata asal ialah 料理人 *ryōrinin* yang membawa makna tukang masak. Oleh itu, perkataan asal iaitu 料理人 *ryōrinin*, boleh digunakan secara bertukar ganti dengan perkataan yang dipinjam dalam bahasa Jepun.

4.4.2 Pinjaman Budaya

Pinjaman kedua terbanyak dalam kajian ini merupakan pinjaman budaya. Pinjaman budaya merupakan kata yang dipinjam untuk memenuhi jurang kerana kata pinjaman tersebut mewakili objek atau konsep yang baru dalam budaya Jepun. Terdapat 51 kata pinjaman yang terdiri daripada pinjaman budaya. Kesemua kata pinjaman budaya dapat dilihat dengan lebih lanjut di Lampiran 1 (muka surat 134). Terdapat 6 perkataan pinjaman dengan kekerapan paling tinggi. Perkataan-perkataan ini berulang sebanyak 5 kali atau lebih. Perkataan-perkataan ini akan dibincangkan untuk mewakili pinjaman budaya kerana perkataan-perkataan ini juga mengalami bentuk perubahan yang sama.

Sebagai contoh perkataan ホームステイ *hōmusutei* (*homestay*) iaitu inap desa merupakan perkataan yang merujuk kepada konsep sosial. Perkataan ini merujuk kepada aktiviti atau peristiwa yang baru diperkenalkan. Maka dengan itu, perkataan ホームステイ *hōmusutei* telah dipinjam masuk ke dalam bahasa Jepun secara langsung. Perkataan ホームステイ *hōmusutei* juga telah dijadikan kata kerja dengan penambahan perkataan する *-suru* (*to take*) dengan membawa makna melakukan inap desa.

Kata pinjaman merangkumi bidang sains dan teknologi seperti ロボット *robotto* (*robot*) juga merupakan perkataan yang merujuk kepada objek yang baru diperkenalkan. Oleh itu, perkataan *robotto* digunakan kerana perkataan ini juga merupakan perkataan baru yang wujud dalam budaya Jepun. Perkataan dalam kategori sukan seperti バドミントン *badominton* (*badminton*) dan サッカー *sakkā* (*soccer*) juga digolongkan dalam pinjaman budaya kerana perkataan ini merupakan istilah sukan dari negara luar dan juga merujuk pada konsep baru yang dibawa ke Jepun. Seterusnya, perkataan スリッパ *surippa* (*slippers*) mempunyai makna yang sama daripada bahasa Inggeris iaitu kasut lembut yang dipakai dalam rumah. Perkataan ini juga merupakan konsep baru yang dibawa ke dalam bahasa Jepun.

4.4.3 Pinjaman Teras/Barat (Core/Western)

Seperti yang telah dibincangkan dalam bahagian 4.4.1, pinjaman teras merujuk kepada perkataan atau konsep yang dipinjam daripada bahasa Inggeris walaupun perkataan atau konsep tersebut telah sedia ada dalam bahasa Jepun. Namun, berbeza daripada pinjaman teras iaitu perkataan asli Jepun dan perkataan pinjaman Inggeris boleh digunakan secara bertukar ganti, pinjaman teras/Barat hanya merujuk kepada perkara atau konsep Barat. Kajian ini menemui 9 pinjaman teras/Barat seperti yang terdapat di Lampiran 1 (muka

surat 134). Kesemua 9 kata pinjaman teras/Barat telah dianalisis namun, hanya 2 kata pinjaman teras/Barat yang akan dibincangkan di sini kerana perkataan-perkataan ini merupakan kata pinjaman dengan kekerapan tertinggi iaitu 5 kali atau lebih. Perkataan-perkataan ini juga turut menunjukkan bentuk perubahan yang sama.

Sebagai contoh, ケーキ *kēki* (*cake*) boleh digolongkan dalam pinjaman teras kerana konsep yang serupa telah lama wujud dalam bahasa Jepun. Walau bagaimanapun, kek di sini merujuk kepada roti atau makanan berupa roti dan merupakan makanan pencuci mulut yang manis yang selalunya dimasak dengan cara dibakar. Dalam bahasa Jepun, お菓子 *okashi* merupakan sebutan untuk semua jenis kuih, manisan atau gula-gula secara umum. Dari segi ramuan dan konteks khususnya, perkataan kek adalah tidak sama seperti お菓子 *okashi* dalam bahasa Jepun, maka dengan itu kek dianggap sebagai pinjaman teras/Barat yang hanya merujuk kepada konsep dari negara Barat.

Perkataan パーティー *pātī* (*party*) mempunyai dua makna iaitu sekumpulan orang yang melakukan tugas bersama dan perhimpunan sosial. Di Jepun, *pātī* (*party*) merujuk kepada perjumpaan formal yang melibatkan orang dari negara Barat. Kebanyakan perhimpunan sosial tidak disebut sebagai *pātī*. Sebaliknya, akan dinamakan dengan nama spesifik iaitu *bōnenkai* (parti akhir tahun), *sōbetsukai* (parti perpisahan) dan *kangeikai* (parti selamat datang).

4.4.4 Pinjaman Teras/Budaya (Core/Cultural)

Terdapat 5 perkataan pinjaman yang tergolong dalam pinjaman teras/budaya dan hanya 2 perkataan dengan kekerapan melebihi 5 kali akan dibincangkan. Hal ini adalah kerana kata pinjaman yang tergolong dalam pinjaman teras/budaya turut mengalami bentuk

perubahan yang sama. Analisis keseluruhan dapat dilihat pada Lampiran 1 (muka surat 134).

Kata pinjaman yang akan dibincangkan ialah ページ *pēji* (*page*) dan プログラム *puroguramu* (*programme*). Perkataan ページ *pēji* (*page*) terdiri daripada pelbagai objek dan konsep, yang terdiri daripada gabungan pinjaman teras dan pinjaman budaya. ページ *pēji* (*page*) tergolong dalam pinjaman teras/budaya apabila perkataan ini tergolong dalam pinjaman teras kerana ia merujuk kepada muka surat daripada bahan cetak atau dalam bahasa Jepun 頁 *pēji* (*page*). Walau bagaimanapun, ia juga boleh digolong dalam pinjaman budaya kerana ia merujuk kepada paparan daripada bahan digital seperti ウェブページ *webupēji* (*web page*) dan ホームページ *hōmupēji* (*home page*). Hal ini adalah kerana tiada perkataan bahasa Jepun yang dapat menggantikan perkataan tersebut.

Perkataan プログラム *puroguramu* (*programme*) mempunyai pelbagai makna. Sebagai contoh, perancangan, pelan, buku program atau siri untuk susunan tertentu oleh mesin. Perkataan ini digolongkan dalam pinjaman teras/budaya kerana perkataan program terdiri daripada pinjaman teras dan pinjaman budaya. Perkataan ini mempunyai istilah dalam kata asalnya iaitu 番組 *bangumi* yang khusus digunakan untuk program televisyen sementara 段取り *dandori* pula merujuk kepada susunan untuk program atau urusan. Perkataan ini juga digolongkan dalam pinjaman budaya apabila digunakan dalam istilah komputer yang antaranya ialah プログラムマネージャ *puroguramu manējā* (*program manager*) dan プログラム言語 *puroguramu gengo* (*programming language*) kerana kedua-duanya berasal dari negara Barat. Kedua-dua contoh yang diberikan ini juga tidak boleh digantikan dengan istilah lain yang lebih sesuai atau tepat dalam bahasa Jepun.

4.5 Analisis Komponen Makna

Seterusnya, Analisis Komponen Makna seperti yang dicadangkan oleh Nida (1975) dilakukan untuk meneliti perubahan-perubahan makna untuk semua kata pinjaman yang terdiri daripada kata nama, kata adjektif dan kata kerja. Berdasarkan analisis semantik yang dijalankan, terdapat kata pinjaman yang mengekalkan makna asalnya. Malahan terdapat juga kata pinjaman yang berubah daripada makna asalnya setelah diserap ke dalam bahasa Jepun. Analisis semantik yang dijalankan juga menunjukkan terdapat empat jenis perubahan makna yang terdapat dalam kajian ini iaitu pengurangan makna, pemilikan makna baru, peluasan makna dan perubahan-perubahan lain yang dikenali sebagai *wasei-eigo* atau '*Japanese made English*'. Setiap kata pinjaman yang dianalisis disusun mengikut komponen semantik yang mempunyai makna yang sama dalam bahasa Inggeris dan bahasa Jepun, diikuti dengan komponen semantik yang mempunyai makna berlainan. Hal ini adalah supaya perubahan makna dapat dilihat dengan jelas. Senarai rujukan lengkap Analisis Komponen Makna dapat dilihat pada Lampiran 4.

4.5.1 Pengurangan Makna

Keseluruhan kata pinjaman yang dianalisis terdiri daripada kata nama, kata adjektif dan kata kerja. Perubahan makna yang pertama ialah pengurangan makna. Pengurangan makna akan berlaku apabila hanya sebahagian komponen semantik daripada kata asal dikekalkan apabila dipinjamkan ke dalam bahasa Jepun. Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, terdapat 35 kata pinjaman yang mengalami pengurangan makna apabila diserapkan ke dalam bahasa Jepun. Analisis untuk setiap kata pinjaman yang mengalami pengurangan makna akan dibincangkan dalam jadual-jadual seperti di bawah:

Jadual 4.1: Analisis Data 1

	Bahasa Inggeris	Bahasa Jepun
Komponen Semantik	<i>accessory</i>	アクセサリー <i>akusesarī</i>
Perhiasan	+	+
Pekakasan komputer	+	+
Alatan dan dekorasi tambahan yang berguna/ mencantikkan bilik, kereta, mesin dan lain-lain	+	-
Jenayah	+	-

Hasil analisis yang dijalankan pada perkataan アクセサリー *akusesarī* menunjukkan perkataan ini hanya menyerap masuk komponen semantik yang membawa makna perhiasan dan perkakasan komputer daripada kata asalnya iaitu bahasa Inggeris. Perkataan ini telah mengalami pengurangan makna apabila tidak menyerap masuk makna alatan dan dekorasi tambahan yang berguna untuk mencantikkan bilik, kereta, mesin atau lain-lain dan jenayah.

Jadual 4.2: Analisis Data 2

	Bahasa Inggeris	Bahasa Jepun
Komponen Semantik	<i>event</i>	イベント <i>ibento</i>
Perhimpunan sosial	+	+
Persaingan / perlumbaan	+	+
Acara	+	+
Menarik/ mengujakan	+	-

Perkataan *event* dalam bahasa asal mempunyai komponen semantik perhimpunan sosial, persaingan atau perlumbaan, acara dan menarik atau mengujakan. Walau bagaimanapun, perkataan イベント *ibento* hanya menyerap masuk tiga komponen semantik iaitu perhimpunan sosial, persaingan atau perlumbaan dan juga acara. Oleh itu, dapatlah disimpulkan bahawa perkataan イベント *ibento* mengalami pengurangan makna apabila dipinjamkan ke dalam bahasa Jepun.

Jadual 4.3: Analisis Data 3

	Bahasa Inggeris	Bahasa Jepun
Komponen Semantik	<i>interview</i>	インタビュー <i>intabyū</i>
Temuduga kerja	+	+
Temuduga untuk berita akhbar/ televisyen dan lain-lain	+	+
Soal siasat jenayah	+	-

Perkataan インタビュー *intabyū* boleh didefinisikan sebagai temuduga kerja dan temuduga untuk berita akhbar atau televisyen. Namun, perkataan ini tidak menyerap masuk komponen semantik soal siasat jenayah dalam bahasa Jepun seperti yang terdapat dalam bahasa Inggeris. Oleh yang demikian, dapatlah disimpulkan bahawa perkataan *interview* ini mengalami pengurangan makna apabila dipinjamkan ke dalam bahasa Jepun.

Jadual 4.4: Analisis Data 4

	Bahasa Inggeris	Bahasa Jepun
Komponen Semantik	<i>cabbage</i>	キャベツ <i>kyabetsu</i>
Sejenis sayuran	+	+
Seorang yang tidak boleh bercakap, bergerak, berfikir disebabkan kerosakan otak	+	-

Perkataan *cabbage* dalam Bahasa Inggeris merujuk kepada komponen semantik sejenis sayuran dan juga seseorang yang tidak boleh bercakap, bergerak atau berfikir disebabkan kerosakan otak. Perkataan キャベツ *kyabetsu* hanya meminjam satu komponen semantik daripada bahasa Inggeris iaitu sejenis sayuran. Oleh itu, perkataan キャベツ *kyabetsu* telah mengalami pengurangan makna apabila dipinjamkan ke dalam bahasa Jepun.

Jadual 4.5: Analisis Data 5

	Bahasa Inggeris	Bahasa Jepun
Komponen Semantik	<i>camp</i>	キャンプ <i>kyanpu</i>
Perkemahan di hutan/ gunung	+	+
Tempat tinggal untuk tentera	+	+
Kem latihan ahli sukan	+	+
Kem tahanan/ pelarian	+	+
Tempat aktiviti kanak-kanak	+	-
Sekumpulan orang yang mempunyai idea dalam bidang politik	+	-

Perkataan *camp* dalam kata asal mempunyai komponen semantik yang membawa makna perkhemahan di hutan, tempat tinggal untuk tentera, kem latihan ahli sukan, kem tahanan atau pelarian, tempat aktiviti lasak kanak-kanak dan sekumpulan orang dengan idea yang sama dalam bidang politik. Namun, setelah dipinjamkan ke dalam bahasa Jepun ia mengalami pengurangan makna apabila hanya mempunyai makna perkhemahan di hutan atau gunung, tempat tinggal untuk tentera, kem latihan ahli sukan dan kem tahanan atau pelarian.

Jadual 4.6: Analisis Data 6

	Bahasa Inggeris	Bahasa Jepun
Komponen Semantik	<i>ground</i>	グラウンド <i>guraundo</i>
Bumi	+	+
Kawasan tanah	+	+
Padang untuk permainan sukan	+	+
Sebab	+	-
Subjek	+	-
Pandangan	+	-
Warna latar	+	-
Elektrikal	+	-

Jadual di atas menunjukkan perkataan *ground* mempunyai komponen semantik bumi, kawasan tanah, padang untuk permainan sukan, sebab, subjek, pandangan, warna latar dan juga elektrikal. Walau bagaimanapun, perkataan グラウンド *guraundo* telah

mengalami pengurangan makna apabila hanya menyerap masuk tiga komponen makna iaitu bumi, kawasan tanah dan padang untuk permainan sukan.

Jadual 4.7: Analisis Data 7

	Bahasa Inggeris	Bahasa Jepun
Komponen Semantik	<i>class</i>	クラス <i>kurasu</i>
Kumpulan pengajaran	+	+
Kedudukan	+	+
Biologi	+	+
Kumpulan ekonomi	+	-
Gaya	+	-

Perkataan *class* mempunyai komponen semantik kumpulan pengajaran, kedudukan, bilologi, kumpulan ekonomi dan gaya. Namun, perkataan クラス *kurasu* hanya mempunyai tiga komponen makna semantik tersebut iaitu kumpulan pengajaran, kedudukan dan biologi. Maka dengan itu, perkataan クラス *kurasu* telah mengalami pengurangan makna apabila diserap masuk ke dalam bahasa Jepun.

Jadual 4.8: Analisis Data 8

	Bahasa Inggeris	Bahasa Jepun
Komponen Semantik	<i>club</i>	クラブ <i>kurabu</i>
Tempat menjalankan aktiviti atau sukan	+	+
Tempat nyanyian/ tarian	+	+
Kayu golf	+	+
Perihal permainan kad	+	+
Sistem keahlian	+	+
Kelab profesional	+	-
Kelab untuk lelaki	+	-
Senjata	+	-

Berdasarkan jadual di atas, perkataan *club* mempunyai komponen semantik tempat menjalankan aktiviti atau sukan, tempat nyanyian atau tarian, kayu golf, perihal permainan kad, sistem keahlian, kelab profesional, kelab untuk lelaki dan senjata. Apabila

perkataan *club* diserap ke dalam bahasa Jepun ia menyerap masuk lima komponen semantik iaitu tempat menjalankan aktiviti atau sukan, tempat nyanyian atau hiburan, kayu golf, perihal permainan kad dan juga sistem keahlian. Oleh itu, perkataan クラブ *kurabu* telah mengalami pengurangan makna apabila dipinjamkan ke dalam bahasa Jepun.

Jadual 4.9: Analisis Data 9

	Bahasa Inggeris	Bahasa Jepun
Komponen Semantik	<i>game</i>	ゲーム <i>gēmu</i>
Aktiviti/ sukan	+	+
Permainan	+	+
Sebahagian daripada perlawanan	+	+
Aktiviti kanak-kanak	+	-
Kemahiran seseorang dalam permainan atau sukan	+	-
Tidak serius	+	-
Haiwan/ burung	+	-
Bidang kerja atau perniagaan yang tidak formal	+	-

Perkataan *game* pada asalnya mempunyai lapan komponen semantik iaitu aktiviti atau sukan, permainan, sebahagian daripada perlawanan, aktiviti kanak-kanak, kemahiran seseorang dalam permainan atau sukan, tidak serius, haiwan atau burung dan bidang kerja atau perniagaan yang tidak formal. Perkataan ini yang telah dipinjamkan ke dalam bahasa Jepun dan disebut sebagai ゲーム *gēmu* telah mengalami pengurangan makna kerana ia hanya mengekalkan tiga daripada lapan komponen semantik tersebut iaitu aktiviti atau sukan, permainan dan sebahagian daripada perlawanan.

Jadual 4.10: Analisis Data 10

	Bahasa Inggeris	Bahasa Jepun
Komponen Semantik	<i>skate</i>	スケート <i>sukēto</i>
Kasut but dengan plat besi untuk luncur ais	+	+
Kasut but dengan roda untuk bergerak atas permukaan yang licin	+	+
Sejenis ikan laut yang nipis dan boleh di makan	+	-
Memberitahu seseorang untuk lebih cepat	+	-

Jadual di atas menunjukkan perkataan スケート *sukēto* mengalami pengurangan makna kerana hanya menyerap dua komponen semantik daripada empat komponen semantik daripada kata asalnya dalam bahasa Inggeris. Perkataan スケート *sukēto* hanya mempunyai komponen semantik kasut but dengan plat besi untuk luncur ais dan kasut but dengan roda untuk bergerak atas permukaan licin.

Jadual 4.11: Analisis Data 11

	Bahasa Inggeris	Bahasa Jepun
Komponen Semantik	<i>speech</i>	スピーチ <i>supīchi</i>
Ucapan	+	+
Kebolehan untuk bercakap	+	-
Bahasa percakapan	+	-
Cara/ gaya bercakap	+	-
Dialog lakonan	+	-

Perkataan スピーチ *supīchi* telah mengalami pengurangan makna apabila dipinjamkan ke dalam bahasa Jepun. Pada asalnya perkataan ini mempunyai komponen semantik ucapan, kebolehan untuk bercakap, bahasa percakapan, cara atau gaya bercakap dan dialog lakonan. Namun begitu, perkataan ini hanya mengekalkan satu komponen makna iaitu ucapan apabila diadaptasikan ke dalam bahasa Jepun.

Jadual 4.12: Analisis Data 12

	Bahasa Inggeris	Bahasa Jepun
Komponen Semantik	<i>sport</i>	スポーツ <i>supōtsu</i>
Aktiviti fizikal/ sukan	+	+
Memburu	+	+
Orang yang rajin membantu	+	-
Panggilan khas kepada seseorang lelaki	+	-
Memperihalkan orang lain	+	-

Berdasarkan analisis semantik yang telah dijalankan perkataan *sport* telah mengalami pengurangan makna. Perkataan *sport* pada asalnya mempunyai lima komponen semantik iaitu aktiviti fizikal atau sukan, memburu, orang yang rajin membantu, panggilan khas kepada seseorang lelaki dan juga memperihalkan orang lain. Namun, apabila perkataan ini diserap ke dalam bahasa Jepun perkataan ini hanya membawa makna aktiviti fizikal atau sukan dan juga memburu.

Jadual 4.13: Analisis Data 13

	Bahasa Inggeris	Bahasa Jepun
Komponen Semantik	<i>team</i>	チーム <i>chīmu</i>
Sekumpulan orang yang menyertai permainan atau sukan	+	+
Sekumpulan orang yang melakukan kerja bersama	+	+
Dua haiwan atau lebih yang digunakan untuk menarik kenderaan	+	-

Perkataan チーム *chīmu* mengalami pengurangan makna apabila hanya menyerap makna sekumpulan orang yang menyertai permainan atau sukan dan sekumpulan orang yang melakukan kerja bersama. Perkataan チーム *chīmu* tidak menyerap makna dua haiwan atau lebih yang digunakan untuk menarik kenderaan yang merupakan sebahagian daripada komponen semantik untuk kata asalnya dalam bahasa Inggeris.

Jadual 4.14: Analisis Data 14

	Bahasa Inggeris	Bahasa Jepun
Komponen Semantik	<i>check</i>	チェック <i>chekku</i>
Kawalan ke atas sesuatu	+	+
Corak	+	+
Cek bank	+	+
Simbol betul apabila menyemak jawapan	+	+
Posisi raja dalam permainan catur	+	+
Cari	+	-
Bil restoran	+	-

Perkataan チェック *chekku* telah mengalami pengurangan makna setelah dipinjamkan ke dalam bahasa Jepun. Perkataan ini mempunyai tujuh komponen semantik iaitu kawalan ke atas sesuatu, corak, cek bank, simbol betul apabila menyemak soalan, posisi raja dalam permainan catur, cari dan bil restoran. Walau bagaimanapun, perkataan チェック *chekku* yang diserap masuk ke dalam bahasa Jepun hanya mengekalkan makna kawalan ke atas sesuatu, corak, cek bank, simbol apabila menyemak jawapan dan posisi raja dalam permainan catur. Kata pinjaman チェック *chekku* atau 小切手 *kogitte* dalam kata asalnya bahasa Jepun juga membawa makna yang sama iaitu cek bank.

Jadual 4.15: Analisis Data 15

	Bahasa Inggeris	Bahasa Jepun
Komponen Semantik	<i>chance</i>	チャンス <i>chansu</i>
Kemungkinan	+	+
Peluang	+	+
Risiko	+	+
Kebarangkalian untuk berjaya	+	-
Tuah	+	-

Perkataan *chance* dalam kata asalnya mempunyai lima komponen semantik iaitu kemungkinan, peluang, risiko, kebarangkalian untuk berjaya dan juga tuah. Perkataan

チャンス *chansu* hanya menyerap tiga komponen semantik iaitu kemungkinan, peluang dan risiko. Oleh itu, perkataan *チャンス chansu* mengalami pengurangan makna apabila dipinjam ke dalam bahasa Jepun.

Jadual 4.16: Analisis Data 16

	Bahasa Inggeris	Bahasa Jepun
Komponen Semantik	<i>test</i>	テスト <i>tesuto</i>
Peperiksaan	+	+
Ujian untuk produk/ mesin	+	+
Ujian kesihatan/ ujian sukan	+	-
Ujian dalam keadaan yang susah	+	-

Berdasarkan jadual di atas perkataan *テスト tesuto* telah mengalami pengurangan makna apabila hanya menyerap masuk dua komponen semantik iaitu peperiksaan dan juga ujian untuk produk atau mesin. Perkataan ini tidak menyerap dua lagi komponen semantik dalam kata asalnya iaitu ujian kesihatan atau ujian sukan dan juga ujian dalam keadaan yang susah.

Jadual 4.17: Analisis Data 17

	Bahasa Inggeris	Bahasa Jepun
Komponen Semantik	<i>knock</i>	ノックする <i>nokkusuru</i>
Mengetuk pintu atau tingkap	+	+
Memukul atau menggerakkan sesuatu	+	+
Istilah dalam besbol	+	+
Memukul seseorang dengan kuat	+	-
Memukul bahagian badan	+	-
Membuang dinding atau sebahagian dari bangunan	+	-
Kritikan pada kerja orang lain	+	-
Menendang atau memukul bola	+	-
Bunyi daripada enjin atau paip	+	-
Perasaan takut	+	-

Bagi jadual di atas, perkataan *knock* mempunyai komponen semantik mengetuk pintu atau tingkap, memukul atau menggerakkan sesuatu, istilah dalam besbol, memukul

seseorang dengan kuat, memukul bahagian badan, membuang dinding atau sebahagian dari bangunan, kritikan pada kerja orang lain, menendang atau memukul bola, bunyi daripada enjin atau paip dan perasaan takut. Perkataan ノックする *nokkusuru* yang dipinjam daripada perkataan *knock* dalam bahasa Inggeris mengalami pengurangan makna apabila digunakan dalam bahasa Jepun kerana hanya mengekalkan komponen semantik mengetuk pintu atau tingkap, memukul atau menggerakkan sesuatu dan juga istilah dalam besbol.

Jadual 4.18: Analisis Data 18

	Bahasa Inggeris	Bahasa Jepun
Komponen Semantik	<i>party</i>	パーティー <i>pātī</i>
Acara sosial untuk pertemuan	+	+
Parti politik	+	+
Pasukan pendaki	+	+
Sekumpulan orang yang melakukan tugas bersama	+	-
Individu atau kumpulan yang bertelingkah	+	-

Perkataan パーティー *pātī* merupakan perkataan yang dipinjam daripada bahasa Inggeris. Dalam bahasa Inggeris, perkataan *party* mempunyai komponen semantik acara sosial untuk pertemuan, parti politik, pasukan pendaki, sekumpulan orang yang melakukan tugas bersama dan individu atau kumpulan yang bertelingkah. Namun, dalam bahasa Jepun perkataan パーティー *pātī* mengalami pengurangan makna apabila hanya menyerap makna acara sosial untuk pertemuan, parti politik dan pasukan pendaki.

Jadual 4.19: Analisis Data 19

	Bahasa Inggeris	Bahasa Jepun
Komponen Semantik	<i>pilot</i>	パイロット <i>pairotto</i>
Seseorang yang mengendalikan kapal terbang/ kapal angkasa	+	+

Projek rintis	+	+
Seseorang yang mahir dalam kawasan perairan	+	-
Rancangan televisyen yang masih dalam ujikaji	+	-

Perkataan パイロット *pairotto* mengalami pengurangan makna apabila diadaptasikan ke dalam bahasa Jepun. Perkataan *pilot* pada asalnya mempunyai komponen semantik yang membawa makna seseorang yang mahir mengendalikan kapal terbang atau kapal angkasa, projek rintis, seseorang yang mahir dalam kawasan perairan dan rancangan televisyen yang masih dalam ujikaji. Apabila perkataan *pilot* dipinjamkan ke dalam bahasa Jepun perkataan ini hanya mengekalkan dua komponen semantik iaitu seseorang yang mengendalikan kapal terbang atau kapal angkasa dan projek rintis.

Jadual 4.20: Analisis Data 20

	Bahasa Inggeris	Bahasa Jepun
Komponen Semantik	<i>pack</i>	パック <i>pakku</i>
Sesuatu yang dibungkus bersama	+	+
Rawatan kecantikan	+	+
Bekas kecil	+	-
Bag	+	-
Penjodoh bilangan untuk kad	+	-
Sekumpulan haiwan liar yang memburu bersama	+	-
Sekumpulan orang	+	-
Ketua kumpulan	+	-
Penjodoh bilangan untuk pembohongan	+	-
Beg ais untuk menghentikan pendarahan	+	-

Berdasarkan jadual di atas, perkataan *pack* mempunyai komponen semantik sesuatu yang dibungkus bersama, rawatan kecantikan, bekas kecil, bag, penjodoh bilangan untuk kad, sekumpulan haiwan liar yang memburu bersama, sekumpulan orang, ketua kumpulan, penjodoh bilangan untuk pembohongan dan juga beg ais untuk menghentikan

pendarahan. Perkataan パック *pakku* yang dipinjam daripada bahasa Inggeris mengalami pengurangan makna dengan hanya menyerap dua komponen semantik iaitu sesuatu yang dibungkus bersama dan rawatan kecantikan iaitu pupur muka.

Jadual 4.21: Analisis Data 21

	Bahasa Inggeris	Bahasa Jepun
Komponen Semantik	<i>brand</i>	ブランド <i>burando</i>
Jenama pada produk	+	+
Kayu yang terbakar atau bara api	+	-
Tanda yang dibuat pada haiwan	+	-

Perkataan ブランド *burando* telah mengalami pengurangan makna apabila diserap masuk ke dalam bahasa Jepun. Pada asalnya, perkataan ini mempunyai tiga komponen semantik iaitu jenama pada produk, kayu yang terbakar atau bara api dan tanda yang dibuat pada haiwan. Namun, perkataan ブランド *burando* yang dipinjamkan ke dalam bahasa Jepun hanya membawa makna jenama pada produk.

Jadual 4.22: Analisis Data 22

	Bahasa Inggeris	Bahasa Jepun
Komponen Semantik	<i>present</i>	プレゼント <i>purezento</i>
Hadiah kepada seseorang yang istimewa	+	+
Perkara yang berlaku sekarang	+	-
Terma teknikal untuk kata kerja (Present Tense)	+	-

Perkataan *present* membawa makna hadiah kepada seseorang yang istimewa, perkara yang berlaku sekarang dan juga terma teknikal untuk kata kerja. Walau bagaimanapun, apabila perkataan ini diserap masuk ke dalam bahasa Jepun perkataan ini telah mengalami

pengurangan makna dengan hanya menyerap satu komponen semantik yang membawa makna hadiah kepada seseorang yang istimewa.

Jadual 4.23: Analisis Data 23

	Bahasa Inggeris	Bahasa Jepun
Komponen Semantik	<i>programme</i>	プログラム <i>puroguramu</i>
Rancangan	+	+
Tontonan di televisyen atau didengar di radio	+	+
Buku kecil atau kertas mengenai konsert atau drama	+	+
Siri dalam susunan tertentu oleh mesin	+	+
Kursus dalam pembelajaran	+	-
Penambahbaikkan	+	-
Senarai aturcara	+	-

Berdasarkan jadual di atas perkataan *programme* mempunyai komponen semantik rancangan, tontonan di televisyen atau didengar di radio, buku kecil atau kertas mengenai konsert atau drama, siri dalam susunan tertentu oleh mesin, kursus dalam pembelajaran, penambahbaikkan dan senarai aturcara. Apabila dipinjamkan ke dalam bahasa Jepun perkataan ini mengalami pengurangan makna apabila hanya menyerap empat komponen semantik iaitu rancangan, tontonan di televisyen atau didengar di radio, buku kecil atau kertas mengenai konsert atau drama dan siri dalam susunan tertentu oleh mesin.

Jadual 4.24: Analisis Data 24

	Bahasa Inggeris	Bahasa Jepun
Komponen Semantik	<i>pair</i>	ペア <i>pea</i>
Objek yang digabung bersama	+	+
Dua benda yang digunakan bersama	+	+
Dua orang dalam satu kumpulan	+	+
Pasangan kekasih	+	+
Bergu dalam permainan tenis atau ping pong	+	+
Dua kad sama dalam daun terup	+	+

Pasangan dalam sukan luncur	+	+
Sepasang untuk haiwan	+	-
Penjodoh bilangan untuk tangan	+	-

Jadual di atas menunjukkan perkataan ペア *pea* telah mengalami pengurangan makna. Hasil daripada analisis yang dijalankan menunjukkan perkataan ini hanya menyerap tujuh komponen semantik daripada kata asal yang membawa erti objek yang digabung bersama, dua benda yang digunakan bersama, dua orang dalam satu kumpulan, pasangan kekasih, bergu dalam permainan tenis atau ping pong, dua kad sama dalam daun terup dan pasangan dalam sukan luncur. Perkataan ペア *pea* dalam bahasa Jepun juga tidak mempunyai makna sepasang untuk haiwan dan juga penjodoh bilangan untuk tangan.

Jadual 4.25: Analisis Data 25

	Bahasa Inggeris	Bahasa Jepun
Komponen Semantik	<i>page</i>	ページ <i>pēji</i>
Satu muka surat pada buku, suratkhobar, dokumen dan lain-lain	+	+
Bilangan yang mewakili susunan	+	+
Perhubungan melalui radio mudah alih	+	+
Tulisan pada satu paparan komputer	+	-
Pelajar yang bekerja di Kongres Amerika Syarikat	+	-
Bekerja dengan satu tujuan yang sama	+	-
Pembantu yang membantu orang kelas atasan	+	-
Acara istimewa dalam lipatan sejarah	+	-

Perkataan *page* mempunyai lapan komponen semantik iaitu satu muka surat pada buku, suratkhobar, dokumen atau lain-lain, bilangan yang mewakili susunan, perhubungan melalui radio mudah alih, tulisan pada satu paparan komputer, pelajar yang bekerja di Kongres Amerika Syarikat, bekerja dengan tujuan yang sama, pembantu yang membantu

orang kelas atasan dan acara istimewa dalam lipatan sejarah. Perkataan ぺん *pēji* telah mengalami pengurangan makna apabila hanya mengekalkan tiga komponen makna iaitu satu muka surat pada buku, suratkhobar, dokumen atau lain-lain, bilangan yang mewakili susunan dan perhubungan melalui radio mudah alih.

Jadual 4.26: Analisis Data 26

	Bahasa Inggeris	Bahasa Jepun
Komponen Semantik	<i>pen</i>	ペン <i>pen</i>
Alatan menulis	+	+
Aktiviti sastera	+	+
Ladang haiwan tertutup	+	-
Penjara	+	-
Penalti untuk sukan rugby	+	-

Perkataan *pen* dalam kata asalnya mempunyai komponen semantik alatan menulis, aktiviti sastera, ladang haiwan tertutup, penjara dan penalti untuk sukan rugby. Perkataan ぺん *pen* yang dipinjamkan ke dalam bahasa Jepun telah mengalami pengurangan makna apabila hanya menyerap makna alatan menulis dan aktiviti sastera.

Jadual 4.27: Analisis Data 27

	Bahasa Inggeris	Bahasa Jepun
Komponen Semantik	<i>bottle</i>	ボトル <i>botoru</i>
Bekas dengan bahagian atas yang sempit	+	+
Botol minuman keras	+	+
Botol susu bayi	+	+
Kandungan cecair dalam botol	+	-
Keberanian melakukan sesuatu yang bahaya	+	-

Perkataan ボトル *botoru* mengalami pengurangan makna apabila diserap ke dalam bahasa Jepun. Perkataan *bottle* dalam kata asal membawa makna bekas dengan bahagian atas yang sempit, botol minuman keras, botol susu bayi, kandungan cecair dalam botol,

keberanian melakukan sesuatu yang bahaya. Apabila diadaptasikan ke dalam bahasa Jepun ia hanya membawa makna bekas dengan bahagian atas yang sempit, botol minuman keras dan botol susu bayi.

Jadual 4.28: Analisis Data 28

	Bahasa Inggeris	Bahasa Jepun
Komponen Semantik	<i>match</i>	マッチ <i>matchi</i>
Permainan	+	+
Mancis api	+	+
Warna atau corak yang menarik	+	+
Kesesuaian	+	+
Pesaing yang baik	+	-
Perkahwinan	+	-

Jadual di atas menunjukkan perkataan マッチ *matchi* telah mengalami pengurangan makna apabila hanya menyerap empat komponen semantik daripada enam komponen semantik kata asalnya. Perkataan *match* dalam bahasa Inggeris mempunyai komponen semantik permainan, mancis api, warna atau corak yang menarik, pesaing yang baik, perkahwinan dan juga kesesuaian. Oleh itu, perkataan マッチ *matchi* telah mengalami pengurangan makna apabila hanya membawa makna permainan, mancis api, warna atau corak yang menarik dan kesesuaian apabila diserap ke dalam bahasa Jepun.

Jadual 4.29: Analisis Data 29

	Bahasa Inggeris	Bahasa Jepun
Komponen Semantik	<i>mail</i>	メール <i>mēru</i>
Surat atau bungkusan yang diterima	+	+
Menghantar atau menerima surat atau bungkusan	+	+
E-mel yang dihantar atau diterima melalui komputer	+	+
Perisai yang dipakai oleh tentera	+	-

Perkataan メール *mēru* telah mengalami pengurangan makna apabila dipinjam daripada bahasa Inggeris. Perkataan *mail* dalam kata asalnya mempunyai komponen semantik surat atau bungkusan, menghantar atau menerima surat atau bungkusan, e-mel yang dihantar atau diterima melalui komputer dan perisai yang dipakai oleh tentera. Perkataan メール *mēru* hanya menyerap tiga komponen semantik iaitu surat atau bungkusan yang diterima, menghantar atau menerima surat atau bungkusan dan e-mel iaitu 電子メール *denshi mēru* untuk e-mel yang dihantar atau diterima melalui komputer.

Jadual 4.30: Analisis Data 30

	Bahasa Inggeris	Bahasa Jepun
Komponen Semantik	<i>racket</i>	ラケット <i>raketto</i>
Raket untuk permainan tenis atau badminton	+	+
Jenayah untuk mendapatkan wang	+	-
Bunyi yang kuat	+	-

Perkataan *racket* mempunyai tiga komponen semantik yang membawa makna raket untuk permainan tenis atau badminton, jenayah untuk mendapatkan wang dan bunyi yang kuat. Perkataan ラケット *raketto* dalam bahasa Jepun telah mengalami pengurangan makna apabila hanya menyerap satu komponen semantik yang membawa makna raket untuk permainan tenis atau badminton.

Jadual 4.31: Analisis Data 31

	Bahasa Inggeris	Bahasa Jepun
Komponen Semantik	<i>rule</i>	ルール <i>rūru</i>
Arahan	+	+
Sistem kerajaan	+	+
Tatabahasa	+	+
Undang-undang negara	+	+
Nasihat	+	-

Normal	+	-
Ukuran (pembaris)	+	-

Perkataan *rule* pada asalnya mempunyai komponen semantik arahan, sistem kerajaan, tatabahasa, undang-undang negara, nasihat, normal dan ukuran untuk pembaris. Perkataan ルール *rūru* yang diserap ke dalam bahasa Jepun hanya membawa makna arahan, sistem kerajaan, tatabahasa dan undang-undang negara. Oleh itu, dapatlah disimpulkan bahawa perkataan ルール *rūru* telah mengalami pengurangan makna.

Jadual 4.32: Analisis Data 32

	Bahasa Inggeris	Bahasa Jepun
Komponen Semantik	<i>report</i>	レポート <i>repōto</i>
Huraian	+	+
Laporan akhbar	+	+
Laporan rasmi untuk sesuatu subjek	+	+
Informasi tentang sesuatu yang sudah berlaku	+	-
Rekod kemajuan pelajar	+	-
Seseorang yang bekerja untuk pengurus tertentu	+	-
Bunyi daripada letupan atau tembakan	+	-

Perkataan レポート *repōto* telah mengalami pengurangan makna apabila hanya menyerap tiga komponen semantik daripada kata asalnya dalam bahasa Inggeris. Perkataan *report* pada asalnya mempunyai komponen semantik huraian, laporan akhbar, laporan rasmi untuk sesuatu subjek, informasi tentang sesuatu yang sudah berlaku, rekod kemajuan pelajar, seseorang yang bekerja untuk pengurus tertentu dan bunyi daripada letupan atau tembakan. Setelah diadaptasikan ke dalam bahasa Jepun perkataan レポート *repōto* hanya membawa makna huraian, laporan akhbar dan laporan rasmi untuk sesuatu subjek.

Jadual 4.33: Analisis Data 33

	Bahasa Inggeris	Bahasa Jepun
Komponen Semantik	<i>lobby</i>	ロビー <i>robī</i>
Ruangan besar selepas pintu masuk bangunan	+	+
Ruangan di parlimen	+	+
Kumpulan yang memberi tekanan kepada kerajaan untuk mengubah undang-undang	+	-
Tindakan untuk memujuk kerajaan untuk membuat atau mengubah undang-undang	+	-

Perkataan *lobby* dalam bahasa Inggeris mempunyai komponen semantik ruangan besar selepas pintu masuk bangunan, ruangan di parlimen, kumpulan yang memberi tekanan kepada kerajaan untuk mengubah undang-undang dan tindakan untuk memujuk kerajaan untuk membuat atau mengubah undang-undang. Namun, perkataan ロビー *robī* telah mengalami pengurangan makna apabila hanya mengekalkan komponen semantik ruangan besar selepas pintu masuk bangunan dan ruangan di parlimen setelah diserap ke dalam bahasa Jepun.

4.5.2 Pemilikan Makna Baru

Perubahan makna yang kedua yang ditemui ialah pemilikan makna baru. Perkataan yang dipinjam daripada bahasa Inggeris akan memiliki makna tambahan dalam bahasa Jepun.

Makna tersebut tidak terdapat dalam bahasa asalnya, iaitu bahasa Inggeris. Makna baru ini muncul berdasarkan konteks dalam budaya dan bahasa Jepun. Kata pinjaman ini lazimnya mengekalkan beberapa ciri makna daripada perkataan asalnya dan menggugurkan beberapa ciri makna daripada kata asal. Namun tumpuan pada bahagian ini adalah hanya kepada pemilikan makna baru perkataan pinjaman tersebut. Hasil daripada kajian ini mendapati 25 kata pinjaman memiliki komponen semantik baru apabila diserap masuk ke dalam bahasa Jepun.

Jadual 4.34: Analisis Data 34

	Bahasa Inggeris	Bahasa Jepun
Komponen Semantik	<i>animation</i>	アニメ <i>anime</i>
(Imej) teknik fotografi untuk lukisan dan objek	+	+
Tenaga	+	-
Anime/ Manga	-	+

Perkataan *animation* mempunyai dua komponen semantik dalam kata asalnya bahasa Inggeris iaitu teknik fotografi untuk lukisan atau objek dan tenaga. Namun dalam bahasa Jepun perkataan *animation* yang telah disingkatkan menjadi アニメ *anime* telah mengalami pengurangan makna apabila hanya menyerap masuk makna teknik fotografi untuk lukisan dan objek. Selain itu, perkataan *anime* turut memiliki makna baru dalam bahasa Jepun iaitu *anime* atau manga yang berunsurkan Jepun. Perkataan baru ini turut digunakan dalam bahasa Inggeris dan bahasa-bahasa lain dengan makna yang sama.

Jadual 4.35: Analisis Data 35

	Bahasa Inggeris	Bahasa Jepun
Komponen Semantik	<i>card</i>	カード <i>kādo</i>
Kertas kertas yang dipotong kecil	+	+
Kad untuk mengeluarkan wang atau membeli barang-barang	+	+
Kad ucapan	+	+
Kad permainan	+	+
Kad tarot untuk menilik nasib	+	+
Kad nama/ perniagaan/ syarikat	+	-
Poskad	+	-
Kertas keras	+	-
Perkakasan komputer (<i>card path</i>)	+	-
Seseorang yang ketinggalan zaman, lucu atau pelik	+	-
Kad kesalahan pemain dalam sukan	+	-
Senarai acara sukan terutamanya untuk perlumbaan kuda	+	-
Alat menenun	+	-
Gabungan perlawanan sukan	-	+

Berdasarkan analisis komponen semantik yang dijalankan, perkataan カード *kādo* mengalami pengurangan makna dan seterusnya turut memiliki makna yang baru. Perkataan カード *kādo* atau kata asalnya *card* dalam bahasa Inggeris mempunyai beberapa komponen semantik seperti kertas keras yang dipotong kecil, kad untuk mengeluarkan wang atau membeli barang-barang, kad ucapan, kad permainan, kad tarot untuk menilik nasib, kad nama, perniagaan atau syarikat, poskad, kertas keras, perkakasan komputer, seseorang yang ketinggalan zaman, lucu atau pelik, kad kesalahan pemain dalam sukan, senarai acara sukan untuk perlumbaan kuda dan juga alat menenun. Perkataan yang dipinjamkan ke dalam bahasa Jepun ini hanya menyerap lima komponen semantik iaitu kertas keras yang dipotong kecil, kad untuk mengeluarkan wang atau membeli barang-barang, kad ucapan, kad permainan dan juga kad tarot untuk menilik nasib. Perkataan ini turut mengalami pemilikan makna baru apabila mempunyai komponen semantik gabungan perlawanan sukan.

Jadual 4.36: Analisis Data 36

	Bahasa Inggeris	Bahasa Jepun
Komponen Semantik	<i>graph</i>	グラフ <i>gurafu</i>
Informasi yang disusun dalam bentuk carta palang, carta bar, carta pai	+	+
Senarai mingguan untuk rekod popular	+	-
Peta terperinci	+	-
Jadual tentang hubungan dua atau lebih kuantiti yang berkait dengan satu sama lain.	-	+
Laporan bergambar	-	+

Perkataan グラフ *gurafu* telah mengalami pengurangan makna apabila hanya menyerap masuk satu komponen semantik daripada tiga komponen semantik kata asal bahasa Inggeris iaitu informasi yang disusun dalam bentuk carta palang, carta bar atau carta pai,

senarai mingguan untuk rekod popular dan peta terperinci. Komponen semantik yang dikekalkan ialah informasi yang disusun dalam bentuk carta palang, carta bar atau carta pai. Namun begitu, perkataan グラフ *gurafu* turut memiliki makna baru apabila mempunyai komponen semantik jadual tentang hubungan dua atau lebih kuantiti yang berkait dengan satu sama lain dan laporan bergambar.

Jadual 4.37: Analisis Data 37

	Bahasa Inggeris	Bahasa Jepun
Komponen Semantik	<i>group</i>	グループ <i>gurūpu</i>
Orang atau benda berada ditempat yang sama	+	+
Cawangan kedai di bawah pemilik yang sama	+	+
Band/ kumpulan muzik	+	+
Beberapa orang atau benda yang berhubung antara satu sama lain	+	-
Populasi	-	+

Perkataan グループ *gurūpu* mengalami pengurangan makna apabila perkataan tersebut hanya mengambil makna orang atau benda yang berada di tempat yang sama, cawangan kedai di bawah pemilik yang sama dan band atau kumpulan muzik jika dibandingkan dengan perkataan asalnya. Namun, perkataan ini tidak menyerap makna beberapa orang atau benda yang berhubung antara satu sama lain. Perkataan グループ *gurūpu* juga turut memiliki makna baru yang iaitu populasi apabila dipinjam ke dalam bahasa Jepun.

Jadual 4.38: Analisis Data 38

	Bahasa Inggeris	Bahasa Jepun
Komponen Semantik	<i>copy</i>	コピー <i>kopī</i>
Penghasilan bahan yang sama	+	+
Buku/ majalah/ rakaman yang sama	+	+
Tiruan	+	+

Tulisan yang tersusun untuk dicetak pada majalah, suratkhbar dan iklan	+	-
Khabar baik yang tidak formal	+	-
Mesej jualan	-	+
Draf/ model/ contoh	-	+

Perkataan コピー *kopī* mengalami pengurangan makna apabila perkataan ini hanya mengekalkan tiga komponen semantik daripada kata asalnya dalam bahasa Inggeris. Perkataan コピー *kopī* hanya menyerap makna penghasilan bahan yang sama, buku atau majalah atau rakaman yang sama dan juga tiruan. Walau bagaimanapun, perkataan ini telah memiliki makna baru dengan mempunyai komponen semantik mesej jualan dan juga draf, model atau contoh.

Jadual 4.39: Analisis Data 39

	Bahasa Inggeris	Bahasa Jepun
Komponen Semantik	<i>sheet</i>	シート <i>shīto</i>
Kepingan nipis	+	+
Sekeping kertas	+	+
Kain cadar katil	+	-
Jisim	+	-
Hujan dalam kuantiti yang banyak	+	-
Kain atau plastik digunakan semasa hujan	-	+

Berdasarkan jadual di atas, perkataan *sheet* mempunyai komponen semantik kepingan nipis, sekeping kertas, kain cadar katil, jisim dan hujan dalam kuantiti yang banyak. Perkataan シート *shīto* apabila dipinjam ke dalam bahasa Jepun telah mengalami pengurangan makna apabila hanya menyerap dua komponen semantik iaitu kepingan nipis dan sekeping kertas. Perkataan シート *shīto* juga telah memiliki makna baru dengan membawa makna kain atau plastik yang digunakan semasa hujan.

Jadual 4.40: Analisis Data 40

	Bahasa Inggeris	Bahasa Jepun
Komponen Semantik	<i>shower</i>	シャワー <i>shawā</i>
Alatan untuk mencuci	+	+
Perbuatan untuk mencuci	+	+
Hujan/ salji yang turun dalam masa yang sekejap	+	-
Benda-benda kecil yang jatuh bersama dalam udara	+	-
Majlis keramaian	+	-
Kumpulan orang yang malas/ bodoh	+	-
Fenomena sains	-	+

Perkataan シャワー *shawā* telah mengalami pengurangan makna dan juga pemilihan makna baru. Perkataan *shower* dalam bahasa Inggeris mempunyai komponen semantik alatan untuk mencuci, perbuatan mencuci, hujan atau salji yang turun dalam masa yang sekejap, benda-benda kecil yang jatuh bersama dalam udara, majlis keramaian dan juga kumpulan orang malas atau bodoh. Apabila diserap ke dalam bahasa Jepun perkataan ini hanya mengekalkan dua komponen semantik iaitu alatan untuk mencuci dan juga perbuatan mencuci. Namun demikian, perkataan ini turut juga memiliki makna baru iaitu fenomena sains.

Jadual 4.41: Analisis Data 41

	Bahasa Inggeris	Bahasa Jepun
Komponen Semantik	<i>juice</i>	ジュース <i>jūsu</i>
Jus daripada buah-buahan atau sayuran	+	+
Cecair yang keluar daripada daging apabila dimasak	+	-
Cecair dalam perut untuk mencerna makanan	+	-
Sesuatu yang menghasilkan kuasa seperti petrol/ elektrik	+	-
Minuman yang diproses	-	+

Pada asalnya, perkataan *juice* mempunyai komponen semantik jus daripada buahan atau sayuran, cecair yang keluar daripada daging apabila dimasak, cecair dalam perut untuk mencerna makanan dan sesuatu yang menghasilkan kuasa seperti petrol atau letrik. Namun begitu, perkataan ジューズ *jūsu* telah mengalami pengurangan makna apabila hanya menyerap masuk makna jus daripada buah-buahan atau sayuran. Perkataan ini turut juga memiliki makna yang baru apabila mempunyai makna minuman yang diproses apabila dipinjam ke dalam bahasa Jepun.

Jadual 4.42: Analisis Data 42

	Bahasa Inggeris	Bahasa Jepun
Komponen Semantik	<i>skirt</i>	スカート <i>sukāto</i>
Pakaian untuk wanita dan kanak-kanak perempuan yang bermula daripada pinggang ke bawah	+	+
Pakaian atau kot daripada pinggang ke bawah	+	+
Penghujung hutan/ bukit/ kampung	+	-
Ungkapan yang menyinggung	+	-
Pelindung atau perhiasan yang bersambung pada bahagian bawah objek	-	+

Berdasarkan jadual di atas, perkataan *skirt* pada asalnya mempunyai komponen semantik pakaian untuk wanita dan kanak-kanak perempuan yang bermula daripada pinggang ke bawah, pakaian atau kot daripada pinggang ke bawah, penghujung hutan, bukit atau kampung dan juga ungkapan yang menyinggung. Perkataan スカート *sukāto* telah mengalami pengurangan makna apabila hanya menyerap dua komponen semantik daripada perkataan asalnya iaitu pakaian untuk wanita dan kanak-kanak perempuan yang bermula daripada pinggang ke bawah dan pakaian atau kot daripada pinggang ke bawah. Perkataan スカート *sukāto* turut memiliki makna baru dengan mempunyai komponen semantik pelindung atau perhiasan yang bersambung pada bahagian bawah objek.

Jadual 4.43: Analisis Data 43

	Bahasa Inggeris	Bahasa Jepun
Komponen Semantik	<i>centre</i>	センター <i>sentā</i>
Di tengah	+	+
Bangunan digunakan untuk melakukan aktiviti	+	+
Tempat untuk melakukan aktiviti	+	+
Sukan	+	+
Pusat populasi/ bandar dengan ramai orang tinggal	+	+
Pemain tengah dalam besbol	+	+
Sebahagian dari bandar	+	-
Penglibatan	+	-
Politik	+	-
Pelarik	-	+

Berdasarkan jadual di atas, perkataan *centre* mempunyai komponen semantik di tengah, bangunan digunakan untuk melakukan aktiviti, tempat untuk melakukan aktiviti, sukan, pusat populasi atau bandar dengan ramai orang tinggal, pemain tengah dalam besbol, sebahagian dari bandar, penglibatan dan politik. Walau bagaimanapun, perkataan yang dipinjamkan ke dalam bahasa Jepun ini telah mengalami pengurangan makna apabila hanya menyerap enam komponen semantik iaitu di tengah, bangunan yang digunakan untuk melakukan aktiviti, tempat yang digunakan untuk melakukan aktiviti, sukan, pemain tengah dalam besbol dan pusat populasi atau bandar dengan ramai orang tinggal. Perkataan ini turut memiliki makna baru apabila mempunyai makna baru iaitu pelarik yang merujuk kepada sejenis kon yang menyokong bahan kerja.

Jadual 4.44: Analisis Data 44

	Bahasa Inggeris	Bahasa Jepun
Komponen Semantik	<i>sauce</i>	ソース <i>sōsu</i>
Cecair pekat yang dimasak bersama makanan untuk memberi rasa	+	+
Sos <i>Worcester</i>	+	+
Perlakuan biadap pada seseorang yang patut dihormati	+	-
Cecair yang digunakan sebagai perasa untuk makanan Barat	-	+

Perkataan *sauce* dalam kata asalnya membawa makna cecair pekat yang dimasak bersama makanan untuk memberi rasa, sos *Worcester* dan perlakuan biadap pada seseorang yang patut dihormati. Apabila dipinjamkan dalam bahasa Jepun, perkataan ini telah mengalami pengurangan makna apabila tidak membawa makna perlakuan biadap pada seseorang. Perkataan ini juga turut memiliki makna baru apabila diadaptasikan ke dalam bahasa Jepun. Perkataan ソース *sōsu* mempunyai komponen semantik yang baru iaitu cecair yang digunakan sebagai perasa untuk makanan Barat.

Jadual 4.45: Analisis Data 45

	Bahasa Inggeris	Bahasa Jepun
Komponen Semantik	<i>dance</i>	ダンス <i>dansu</i>
Set pergerakan menarik untuk muzik tertentu	+	+
Acara sosial atau keramaian	+	+
Perlakuan menari	+	+
Aktiviti seni tarian	+	+
Muzik yang boleh ditarikan	+	-
Tarian Barat	-	+

Berdasarkan jadual di atas perkataan ダンス *dansu* mengalami pengurangan makna dan juga pemilikan makna baru. Perkataan *dance* mempunyai komponen semantik set pergerakan menarik untuk muzik tertentu, acara sosial atau keramaian, perlakuan menari, aktiviti seni tarian dan juga muzik yang boleh ditarikan. Setelah dipinjamkan ke dalam

bahasa Jepun perkataan ini mengekalkan kebanyakan komponen semantik yang sama seperti dalam bahasa Inggeris, dengan hanya menggugurkan makna muzik yang boleh ditarikan. Perkataan ini juga memiliki makna baru apabila mempunyai komponen semantik tarian Barat.

Jadual 4.46: Analisis Data 46

Komponen Semantik	Bahasa Inggeris <i>ticket</i>	Bahasa Jepun チケット <i>chiketto</i>
Tiket kenderaan atau pas masuk untuk wayang, keretapi, bas dan lain-lain	+	+
Saman kesalahan memandu	+	-
Tag harga	+	-
Senarai sokongan dalam pilihanraya	+	-
Tiket kejayaan	+	-
Kupon	-	+

Perkataan チケット *chiketto* mengalami pengurangan makna dan juga memiliki makna yang baru. Pada asalnya perkataan *ticket* mempunyai komponen semantik tiket kenderaan atau pas masuk untuk menonton wayang, keretapi, bas dan lain-lain. Selain itu, perkataan ini turut membawa makna saman kesalahan memandu, tag harga, senarai sokongan dalam pilihanraya dan tiket kejayaan. Perkataan チケット *chiketto* mengalami pengurangan makna apabila hanya membawa makna tiket kenderaan atau pas masuk untuk menonton wayang, keretapi, bas dan lain-lain. Perkataan ini turut memiliki makna baru apabila membawa makna kupon apabila diserapkan masuk ke dalam bahasa Jepun.

Jadual 4.47: Analisis Data 47

Komponen Semantik	Bahasa Inggeris <i>table</i>	Bahasa Jepun テーブル <i>tēburu</i>
Perabot	+	+
Meja untuk permainan dalaman	+	+
Senarai nombor, fakta atau informasi	+	+

Meja makan	+	+
Jadual matematik	+	-
Sekumpulan orang yang berada di sekeliling meja	+	-
Meja ala Barat	-	+

Jadual di atas menunjukkan perkataan テーブル *tēburu* telah mengalami pengurangan makna apabila hanya menyerap empat komponen semantik daripada enam komponen semantik daripada kata asalnya. Perkataan *table* dalam bahasa Inggeris mempunyai komponen semantik perabot, meja untuk permainan dalaman, senarai nombor, fakta atau informasi, meja makan, jadual matematik dan sekumpulan orang yang berada di sekeliling meja. Sementara dalam bahasa Jepun, komponen makna jadual matematik dan sekumpulan orang yang berada di sekeliling meja digugurkan. Perkataan テーブル *tēburu* turut memiliki makna baru apabila perkataan ini mempunyai komponen semantik meja ala Barat.

Jadual 4.48: Analisis Data 48

	Bahasa Inggeris	Bahasa Jepun
Komponen Semantik	<i>door</i>	ドア <i>doa</i>
Pintu kayu atau kaca untuk rumah, kereta atau bangunan	+	+
Merujuk kepada rumah atau bangunan	+	-
Pintu ala Barat	-	+

Perkataan *door* dalam bahasa Inggeris mempunyai komponen semantik pintu kayu atau kaca untuk rumah, kereta atau bangunan dan juga rujukan untuk rumah atau bangunan. Namun, perkataan ドア *doa* tidak mempunyai satu daripada komponen semantik tersebut. Perkataan ドア *doa* telah mengalami pengurangan makna kerana perkataan ini tidak merujuk pada rumah atau bangunan. Perkataan ini turut mengalami pemilikan makna baru apabila hanya mempunyai komponen semantik pintu ala Barat.

Jadual 4.49: Analisis Data 49

	Bahasa Inggeris	Bahasa Jepun
Komponen Semantik	<i>toilet</i>	トイレ <i>toire</i>
Mangkuk tandas	+	+
Bilik atau bangunan yang mempunyai tandas	+	+
Tempat mengenakan pakaian	+	-
Tempat mengenakan solekan	-	+

Perkataan *toilet* dalam kata asalnya mempunyai komponen semantik mangkuk tandas, bilik atau bangunan yang mempunyai tandas dan tempat mengenakan pakaian. Namun, apabila dipinjamkan ke dalam bahasa Jepun perkataan ini hanya menyerap dua komponen semantik yang pertama. Oleh itu, perkataan ini telah mengalami pengurangan makna. Perkataan トイレ *toire* turut memiliki makna baru dengan mempunyai komponen semantik tempat mengenakan solekan apabila diserapkan ke dalam bahasa Jepun. トイレ *toire* mempunyai makna yang sama dengan お手洗い *otearai* (tandas). Perbezaan kedua-dua perkataan ini adalah daripada segi penggunaannya. お手洗い *otearai* digunakan dalam situasi formal dan トイレ *toire* (tandas) digunakan dalam perbualan harian dan tidak sesuai digunakan dalam situasi formal.

Jadual 4.50: Analisis Data 50

	Bahasa Inggeris	Bahasa Jepun
Komponen Semantik	<i>pool</i>	プール <i>pūru</i>
Kolam renang	+	+
Kawasan berair	+	+
Menyimpan wang	+	+
Sejenis permainan	+	-
Sekumpulan orang yang melakukan aktiviti bersama	+	-
Wang atau barang yang dikongsi	+	-
Meneka keputusan pertandingan sukan	+	-
Pengiraan bersama oleh <i>cartel</i>	-	+
Tempat sementara	-	+

Jadual di atas menunjukkan perkataan *pool* mempunyai komponen semantik kolam renang, kawasan berair, menyimpan wang, sejenis permainan, sekumpulan orang yang melakukan aktiviti bersama, wang atau barang yang dikongsi dan meneka keputusan pertandingan sukan. Perkataan プール *pūru* telah mengalami pengurangan makna apabila hanya menyerap tiga komponen semantik iaitu kolam renang, kawasan berair dan menyimpan wang. Perkataan プール *pūru* juga telah memiliki makna baru dengan mempunyai komponen semantik pengiraan bersama oleh *cartel* (perkongsian usahawan besar) dan juga tempat sementara.

Jadual 4.51: Analisis Data 51

	Bahasa Inggeris	Bahasa Jepun
Komponen Semantik	<i>hall</i>	ホール <i>hōru</i>
Bangunan atau bilik besar untuk mesyuarat atau tarian	+	+
Dewan kuliah	+	+
Pintu masuk	+	-
Koridor	+	-
Tempat tinggal pelajar di bangunan universiti	+	-
Gereja	-	+

Berdasarkan jadual di atas, perkataan *hall* telah mengalami pengurangan makna dan juga turut memiliki makna baru. Perkataan *hall* pada asalnya mempunyai lima komponen semantik iaitu bangunan atau bilik besar untuk tujuan mesyuarat atau tarian, dewan kuliah, pintu masuk, koridor dan tempat tinggal pelajar di bangunan universiti. Perkataan ホール *hōru* telah mengalami pengurangan makna kerana hanya menyerap dua komponen semantik yang membawa makna bangunan atau bilik besar untuk mesyuarat atau tarian dan dewan kuliah. Perkataan ホール *hōru* turut memiliki makna baru apabila mempunyai komponen semantik gereja.

Jadual 4.52: Analisis Data 52

	Bahasa Inggeris	Bahasa Jepun
Komponen Semantik	<i>pocket</i>	ポケット <i>poketto</i>
Beg kecil dalam atau luar baju atau seluar	+	+
Jaring kecil dalam permainan snuker	+	+
Duit poket	+	-
Bekas kecil	+	-
Kawasan atau jumlah kecil	+	-
Larian jarak sederhana	-	+

Jadual di atas menunjukkan perkataan *pocket* mempunyai komponen semantik beg kecil dalam atau luar baju atau seluar, jaring kecil dalam permainan snuker, duit poket, bekas kecil dan kawasan atau jumlah yang kecil. Setelah diadaptasikan ke dalam bahasa Jepun perkataan ini telah mengalami pengurangan makna dengan hanya membawa makna beg kecil dalam atau luar baju atau seluar dan jaring kecil dalam permainan snuker. Perkataan ポケット *poketto* yang dipinjamkan ke dalam bahasa Jepun juga telah memiliki makna baru yang membawa makna larian jarak sederhana.

Jadual 4.53: Analisis Data 53

	Bahasa Inggeris	Bahasa Jepun
Komponen Semantik	<i>post</i>	ポスト <i>posuto</i>
Jawatan dalam pekerjaan	+	+
Sekeping kayu atau besi	+	+
Sistem pos	+	-
Kutipan/ penghantaran surat	+	-
Palang gol untuk permainan hoki atau bola sepak	+	-
Nama untuk suratkhabar	+	-
Tempat kawalan untuk tentera/ pengawal keselamatan	+	-
Tanda penamat untuk lumba kuda	+	-
Mesej internet	+	-
Peti surat	-	+

Perkataan ポスト *posuto* telah mengalami pengurangan makna dan juga pemilikan makna baru. Perkataan ini pada asalnya mempunyai komponen semantik jawatan dalam pekerjaan, sekeping kayu atau besi, sistem pos, kutipan atau penghantaran surat, palang gol untuk permainan hoki atau bola sepak, nama untuk suratkhobar, tempat kawalan untuk tentera atau pengawal keselamatan, tanda penamat untuk lumba kuda dan juga mesej internet. Perkataan ポスト *posuto* mengalami pengurangan makna apabila hanya menyerap masuk dua makna daripada kata asal iaitu jawatan dalam pekerjaan dan sekeping kayu atau besi. Perkataan ini turut juga memiliki makna baru iaitu peti surat dalam bahasa Jepun kerana ia merupakan perkataan yang mengalami pemendekan daripada bahasa Inggeris iaitu *post box*.

Jadual 4.54: Analisis Data 54

	Bahasa Inggeris	Bahasa Jepun
Komponen Semantik	<i>message</i>	メッセージ <i>messēji</i>
Maklumat yang disampaikan melalui percakapan atau tulisan	+	+
Idea yang ingin disampaikan dalam filem, buku dan lain-lain	+	+
Mesej tidak formal	+	-
Mesej di skrin komputer	+	-
Mesej yang menunjukkan kecenderungan politik	+	-
Kod sesuatu bahasa	-	+

Perkataan *message* mempunyai komponen semantik maklumat yang disampaikan melalui percakapan atau tulisan, idea yang ingin disampaikan dalam filem, buku atau lain-lain, mesej tidak formal, mesej di skrin komputer dan mesej yang menunjukkan kecenderungan politik. Namun, perkataan メッセージ *messēji* telah mengalami pengurangan makna apabila diadaptasi ke dalam bahasa Jepun dengan hanya membawa makna maklumat melalui percakapan atau tulisan dan idea yang ingin disampaikan dalam

filem, buku dan lain-lain. Perkataan *メッセージ* *messēji* juga turut memiliki makna baru apabila mempunyai makna kod sesuatu bahasa

Jadual 4.55: Analisis Data 55

	Bahasa Inggeris	Bahasa Jepun
Komponen Semantik	<i>leader</i>	リーダー <i>rīdā</i>
Seseorang yang memimpin kumpulan atau organisasi	+	+
Bahagian atas pada permulaan pita rakaman	+	+
Individu atau kumpulan yang mendahului dalam pertandingan	+	-
Produk atau syarikat yang mendahului	+	-
Penyunting dalam suratkhobar	+	-
Ahli muzik	+	-
Konduktor muzik	+	-
Ranting pokok yang panjang	+	-
Barisan titik (istilah dalam percetakan)	-	+

Jadual di atas menunjukkan perkataan *リーダー* *rīdā* telah mengalami pengurangan makna dan juga pemilikan makna baru apabila diadaptasikan ke dalam bahasa Jepun. Perkataan ini mengalami pengurangan makna apabila hanya menyerap makna seseorang yang memimpin kumpulan atau organisasi dan bahagian atas pada permulaan pita rakaman. Selain itu, perkataan *リーダー* *rīdā* juga turut memiliki makna baru apabila mempunyai makna barisan titik iaitu terma dalam percetakan.

Jadual 4.56: Analisis Data 56

	Bahasa Inggeris	Bahasa Jepun
Komponen Semantik	<i>hotel</i>	ホテル <i>hoteru</i>
Tempat untuk tinggal	+	-
Tempat untuk minum	+	-
Tempat untuk makan (<i>Indian English</i>)	+	-
Hotel ala Barat	-	+

Perkataan *hotel* mempunyai komponen semantik tempat untuk tinggal, tempat untuk minum dan tempat untuk makan. Namun, apabila diadaptasikan ke dalam bahasa Jepun perkataan ホテル *hoteru* ini tidak memiliki sebarang makna tersebut tetapi memiliki makna baru yang membawa erti hotel ala Barat.

Jadual 4.57: Analisis Data 57

	Bahasa Inggeris	Bahasa Jepun
Komponen Semantik	<i>memo</i>	メモ <i>memo</i>
Nota rasmi ringkas kepada orang lain di bawah syarikat yang sama	+	-
Nota ringkas ketika berucap	-	+

Perkataan *memo* dalam kata asalnya mempunyai makna nota rasmi ringkas kepada orang lain di bawah syarikat yang sama. Walau bagaimanapun, apabila dipinjamkan ke dalam bahasa Jepun perkataan ini telah memiliki makna baru yang membawa erti nota ringkas ketika berucap.

4.5.3 Peluasan Makna

Kajian ini mendapati hanya 1 perkataan yang mengalami peluasan makna. Perkataan ini telah mengekalkan makna daripada kata asal dan juga telah mempunyai makna baru dalam bahasa Jepun. Perkataan ini juga telah mempunyai komponen semantik yang berbeza daripada kata asal.

Jadual 4.58: Analisis Data 58

	Bahasa Inggeris	Bahasa Jepun
Komponen Semantik	<i>restaurant</i>	レストラン <i>resutoran</i>
Tempat membeli serta menikmati hidangan	+	+
Restoran ala Barat	-	+

Perkataan レストラン *resutoran* telah mengalami peluasan makna apabila perkataan ini mengekalkan makna daripada kata asalnya yang membawa makna tempat membeli serta menikmati hidangan. Perkataan ini juga turut mempunyai komponen semantik restoran ala Barat apabila diadaptasikan ke dalam bahasa Jepun. Oleh itu, perkataan ini telah mengekalkan makna daripada kata asal dan juga mempunyai makna baru apabila diadaptasikan ke dalam bahasa Jepun.

4.5.4 Perubahan-Perubahan Lain

Terdapat juga perkataan baru yang dicipta dalam bahasa Jepun yang pada asalnya adalah daripada bahasa Inggeris. Perkataan ini dikenali sebagai *wasei-eigo* atau '*Japanese-made English*'. Hal ini telah dinyatakan oleh Norman (2012) bahawa *wasei-eigo* ialah kosa kata yang menggunakan sistem suku kata daripada sistem tulisan *katakana* atau sistem bunyi yang menyebabkan perkataan tersebut kelihatan seperti kata pinjaman tetapi perkataan ini mempunyai makna yang berlainan atau makna lain daripada bahasa asalnya. Kata pinjaman ini telah berkembang pesat jauh daripada bahasa asal atau telah dicipta dengan mempunyai makna yang berbeza daripada kata asalnya (Norman, 2012).

Jadual 4.59: Analisis Data 59

	Bahasa Inggeris	Bahasa Jepun
Komponen Semantik	<i>key holder</i>	キーホルダー <i>kīhorudā</i>
Penggantung kunci	+	+
Seseorang yang diamanahkan untuk memegang kunci untuk premis komersial/ industri	+	-
Rantai kunci	-	+

Jadual di atas menunjukkan perkataan *key holder* dalam kata asalnya membawa makna penggantung kunci dan seseorang yang diamanahkan untuk memegang kunci untuk

premis komersial atau industri. Walau bagaimanapun, perkataan ini memiliki makna baru iaitu rantai kunci apabila dipinjamkan ke dalam bahasa Jepun. Perkataan ini dikategorikan sebagai *wasei-eigo* kerana perkataan *key chain* dalam bahasa Inggeris dan キーホルダー *kīhorudā* (*key holder*) dalam bahasa Jepun membawa makna yang sama iaitu rantai kunci.

Jadual 4.60: Analisis Data 60

	Bahasa Inggeris	Bahasa Jepun
Komponen Semantik	<i>salaryman</i>	サラリーマン <i>sararīman</i>
Pekerja kolar putih lelaki di Jepun	+	+
Kerja makan gaji	-	+

Perkataan サラリーマン *sararīman* telah mempunyai makna yang baru dalam bahasa Jepun iaitu pekerja makan gaji dan juga pekerja kolar putih lelaki. Ini bertepatan dengan kajian Miura (1979) yang menyatakan bahawa perkataan サラリーマン *sararīman* berasal daripada perkataan bahasa Inggeris iaitu *salaried man*. Maka dengan itu, perkataan ini merupakan perkataan yang dibina di Jepun dengan kata asalnya サラリー *sararī* (*salary*) dan マン *man* (*man*) yang membawa makna pekerja kolar putih lelaki.

Jadual 4.61: Analisis Data 61

	Bahasa Inggeris	Bahasa Jepun
Komponen Semantik	<i>white shirt</i>	ワイシャツ <i>waishatsu</i>
Kemeja putih yang dipakai dibawah kot	-	+

Perkataan ワイシャツ *waishatsu* (*white shirt*) telah mempunyai komponen semantik baru yang bermakna kemeja yang dipakai dibawah kot. Tiada makna khusus yang ditemui dalam kamus bahasa Inggeris. Miura (1979) menyatakan bahawa ワイシャツ *waishatsu*

merupakan baju yang bukan pakaian sukan dan boleh dipakai dengan tali leher sebagai contoh baju kemeja. *White shirt* menjadi *waishatsu* dan bukan *howaito-shatsu* adalah kerana istilah ini telah dipinjam secara lisan. Senseido (1972) menyatakan bahawa istilah ini telah dipinjam ke dalam bahasa Jepun semenjak era Meiji. Pada era tersebut, lelaki hanya memakai baju putih, perkataan ini muncul untuk mewakili kategori baju tertentu tanpa merujuk pada warna-warna lain. Namun pada masa ini, warna pada baju tersebut tidak terhad kepada warna putih sahaja dan boleh juga merujuk pada warna-warna lain.

Jadual 4.62: Analisis Data 62

	Bahasa Inggeris	Bahasa Jepun
Komponen Semantik	<i>one piece</i>	ワンピース <i>wanpīsu</i>
Baju yang bercantum dengan skirt (<i>dress</i>)	+	+
Pakaian wanita dan kanak-kanak	-	+

ワンピース *wanpīsu* (*one piece*) telah mempunyai makna baru dalam bahasa Jepun. Perkataan ini mempunyai makna baju yang bercantum dengan skirt. Perkataan ini mempunyai makna baru apabila mempunyai komponen pakaian wanita dan kanak-kanak. Perkataan ピース *pīsu* (*piece*) pula ialah penjodoh bilangan. Miura (1979) turut menyatakan bahawa perkataan ワンピース *wanpīsu* adalah merujuk kepada baju gaun di Amerika. Terdapat juga tsūpīsu (*two piece*) gaun dan juga surīpīsu (*three piece*) gaun. Selain itu, ワンピース *wanpīsu* (*one piece*) juga merujuk kepada pakaian yang lebih kasual manakala *dress* merujuk kepada pakaian yang lebih formal.

4.6 Perubahan Makna dalam Kata Kerja

Kay (1995) menyatakan bahawa kata pinjaman bahasa Jepun tidak mengalami perubahan daripada segi penggolongan kata. Namun kata nama kebanyakannya akan digunakan

sebagai kata kerja dengan menambahkan perkataan bahasa Jepun iaitu する *suru* (yang membawa makna ‘melakukan’, ‘membuat’ dan ‘bermain’). Terdapat 3 perkataan yang mengalami perubahan makna yang pada asalnya merupakan kata nama dan turut digunakan sebagai kata kerja apabila ditambah dengan perkataan する *suru* dibelakangnya. Contohnya perkataan スピーチ *supīchi* (*speech*) iaitu kata nama akan menjadi スピーチをする *supīchi o suru* (membuat ucapan) dan digunakan sebagai kata kerja. Begitu juga dengan perkataan テストをする *tesuto* (*test*) *o suru* (membuat ujian) dan コピーをする *kopī* (*copy*) *o suru* (membuat salinan). Perkataan スピーチをする *supīchi o suru* merupakan kata nama dalam bahasa Inggeris dan bahasa Jepun. Perkataan ini telah mengalami pengurangan makna apabila hanya menyerap masuk komponen semantik yang membawa makna ucapan. Pengurangan makna ini turut berlaku apabila kata nama ini bertukar menjadi kata kerja. Bagi perkataan テストをする *tesuto o suru* dan コピーをする *kopī o suru*, kajian turut mendapati kedua-dua perkataan ini turut mengalami perubahan makna yang sama seperti golongan kata asalnya iaitu kata nama.

4.7 Perubahan Makna dalam Kata Adjektif

Pada keseluruhan data kata pinjaman yang dikaji, terdapat hanya dua kata adjektif iaitu クリエイティブ *kurieitibu* (*creative*) dan ユニーク *yunīku* (*unique*). Kata pinjaman ini tidak mengalami sebarang perubahan makna kerana setiap perkataan ini berkongsi komponen semantik yang sama. Oleh itu, komponen makna yang dimiliki oleh kata pinjaman dan kata asal akan tergolong dalam komponen bersama seperti yang dinyatakan oleh Nida (1975).

4.8 Pemendekan Kata

Kajian juga menunjukkan terdapat perubahan morfologi yang berlaku pada kata pinjaman bahasa Inggeris ke dalam bahasa Jepun dengan pemendekan perkataan asal dengan menggugurkan satu atau dua suku kata. Terdapat 2 perkataan yang mengalami pemendekan di bahagian akhir yang telah ditemui dalam data iaitu アパート *apāto* daripada perkataan アパートメント *apātomento* (*apartment*) dan juga コンビニ *konbini* daripada perkataan asalnya コンビニエンスストア *konbiniensusutoa* (*convenient store*). Kay (1995) menyatakan perkataan yang dipendekkan ini dikenali sebagai *backclipping* yang membawa makna bahagian akhir perkataan digugurkan daripada keseluruhan perkataan. Namun, bagi kedua-dua perkataan ini ia mengekalkan makna asal perkataan dalam bahasa asalnya walaupun telah mengalami pemendekan perkataan.

4.9 Kesimpulan

Berdasarkan kajian yang dijalankan, pengkaji mendapati bahawa terdapat 65 kata pinjaman daripada 137 kata pinjaman daripada bahasa Inggeris yang telah mengalami perubahan makna. Terdapat empat jenis perubahan makna yang berlaku iaitu pengurangan makna, pemilikan makna baru, peluasan makna dan perubahan-perubahan lain. Perubahan yang paling ketara ialah pengurangan makna diikuti dengan pemilikan makna baru, perubahan-perubahan lain dan akhir sekali peluasan makna. Kajian ini juga mendapati pengurangan makna akan berlaku apabila makna kata pinjaman menjadi spesifik. Hanya satu kata pinjaman yang mengalami peluasan makna. Peluasan makna ini berlaku apabila makna kata asal dikekalkan serta ditambah dengan makna kata yang baru dalam bahasa Jepun. Berdasarkan kajian yang dijalankan terhadap kata pinjaman, pengkaji mendapati hampir separuh daripada kata pinjaman telah mengalami perubahan

makna. Ternyata perubahan makna pada kata pinjaman boleh berlaku apabila kata pinjaman tersebut digunakan mengikut konteks bahasa dan budaya Jepun.

University of Malaya

BAB 5

RUMUSAN DAN CADANGAN

5.0 Pendahuluan

Kajian ini memberikan tumpuan kepada analisis kata pinjaman bahasa Inggeris dalam bahasa Jepun dalam buku teks *Bahasa Jepun Tingkatan 5* untuk mengetahui jenis-jenis pinjaman dan juga perubahan semantik yang berlaku pada kata pinjaman tersebut. Pada bab akhir ini, keseluruhan dapatan kajian akan disimpulkan untuk memudahkan pembacaan. Bab ini mengandungi tiga bahagian iaitu kesimpulan untuk keseluruhan kajian, impak kajian dan juga cadangan untuk kajian akan datang.

5.1 Kesimpulan dan Perbincangan Dapatan Kajian

Persoalan kajian yang berikut telah digunakan sebagai panduan untuk keseluruhan kajian ini.

- i) Apakah jenis-jenis kata pinjaman bahasa Inggeris dalam buku teks bahasa Jepun yang dikaji?
- ii) Apakah bentuk-bentuk perubahan makna yang diguna pakai kata pinjaman tersebut?

Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati buku teks *Bahasa Jepun Tingkatan 5* mempunyai kata pinjaman daripada pelbagai bahasa. Antaranya ialah bahasa Inggeris, bahasa Melayu, bahasa German, bahasa Arab, bahasa Portugis, bahasa Belanda dan juga bahasa Indonesia. Namun, kata pinjaman yang paling banyak sekali ditemui merupakan kata pinjaman daripada bahasa Inggeris. Kata pinjaman daripada golongan kata nama merupakan kata pinjaman yang tertinggi jumlahnya jika dibandingkan dengan kata kerja dan kata adjektif. Hal ini terbukti apabila 94% daripada keseluruhan kata pinjaman adalah

terdiri daripada golongan kata nama. Kecenderungan untuk meminjam kata nama masih menunjukkan trend yang sama seperti kajian yang lepas antaranya kajian oleh Oshima (2002) dan Pramvadee (2014). Kajian ini mendapati pinjaman teras merupakan kategori pinjaman yang paling tinggi. Hal ini menunjukkan bahawa bahasa Jepun cenderung menggunakan kata pinjaman walaupun perkataan tersebut mempunyai istilah-istilah yang tersendiri dalam bahasa Jepun. Kajian ini juga turut mendapati sejumlah 72 kata pinjaman tidak mengalami perubahan makna sementara 65 kata pinjaman mengalami perubahan makna (Senarai rujukan lengkap dapat dirujuk pada Lampiran 2 dan 3).

Daripada sejumlah 65 perkataan yang mengalami perubahan makna, 35 perkataan mengalami pengurangan makna, 25 perkataan memiliki makna baru dan 1 perkataan mengalami peluasan makna. Analisis data juga menunjukkan terdapat 4 kata pinjaman yang mengalami perubahan-perubahan lain iaitu perubahan makna secara menyeluruh, iaitu perkataan-perkataan ini mempunyai makna yang berlainan dalam bahasa asal. Contohnya, perkataan サラリー *sararī* (*salary*) dan perkataan マン *man* (*man*) berasal daripada perkataan bahasa Inggeris. Perkataan サラリーマン *sararīman* (*salaryman*) merupakan gabungan dua perkataan yang digunakan oleh masyarakat Jepun yang membawa makna pekerja kolar putih lelaki.

Secara keseluruhannya, kajian ini telah membuktikan bahawa jenis-jenis pinjaman yang telah dikenal pasti telah memberikan impak yang besar dalam mengenal pasti perubahan makna yang berlaku terhadap kata pinjaman. Hal ini dapat dilihat dalam jadual berikut:

Jadual 5.1 Jenis-Jenis Pinjaman dan Perubahan Makna

Jenis-jenis Pinjaman	Kata Pinjaman	
	Tidak Berubah Makna	Berubah Makna
Pinjaman Teras	30	42
Pinjaman Budaya	40	11
Pinjaman Teras/Barat	2	7
Pinjaman Teras/Budaya	0	5
Jumlah	72	65

Kajian ini juga telah mendapati kesemua perkataan pinjaman teras/budaya mengalami perubahan makna. 7 daripada 9 pinjaman teras/Barat atau 77.8% mengalami perubahan makna. Selain itu, pinjaman teras juga menunjukkan 42 daripada 72 kata pinjaman atau 58.3% mengalami perubahan makna. Perubahan makna yang paling kecil ialah daripada pinjaman budaya dengan hanya 11 daripada 51 kata pinjaman atau 21.6%. Dapatlah disimpulkan bahawa kata pinjaman teras/budaya menunjukkan perubahan makna yang paling tinggi kerana kata pinjaman ini mempunyai makna yang khusus apabila dipinjamkan ke dalam bahasa Jepun. Hal ini membuktikan bahawa perkataan-perkataan ini digunakan mengikut kesesuaian budaya dan penggunaannya dalam kalangan masyarakat Jepun yang secara tidak langsung diterapkan dalam buku teks bahasa Jepun di Malaysia. Perbincangan lanjut tentang kedua-dua persoalan kajian dijelaskan seperti di bawah:

5.1.1 Persoalan Kajian 1

Bagi persoalan pertama, kajian ini telah mengenal pasti empat jenis pinjaman iaitu pinjaman teras, pinjaman budaya, pinjaman teras/Barat dan pinjaman teras/budaya. Berdasarkan analisis yang dibuat, kajian telah mendapati jenis pinjaman yang terbanyak

ialah pinjaman teras, diikuti dengan pinjaman budaya, pinjaman teras/Barat dan pinjaman teras/budaya. Dapatan kajian ini turut disokong oleh kajian daripada Horikawa (2013) yang menyatakan bahawa pinjaman teras merupakan pinjaman terbanyak diikuti dengan pinjaman budaya, pinjaman teras/budaya dan pinjaman teras/Barat. Pinjaman teras merupakan kata yang dipinjam walaupun terdapat perkataan tersebut dalam bahasa Jepun. Antara perkataan yang telah dikenal pasti tergolong dalam pinjaman teras ialah perkataan クラス *kurasu* (*class*), ゲーム *gēmu* (*game*), エンジニア *enjinia* (*engineer*), スポーツ *supōtsu* (*sport*) dan コック *kokku* (*cook*). Ini menunjukkan bahawa bahasa Jepun cenderung menggunakan perkataan pinjaman walaupun terdapat perkataan asal yang sama makna dalam bahasa asalnya.

Pinjaman budaya merupakan pinjaman yang kedua tertinggi yang ditemui. Pinjaman jenis ini merupakan konsep atau istilah baru dalam bahasa Jepun. Kebanyakan kata pinjaman jenis ini dikenal pasti datang daripada konsep sosial, istilah sains dan teknologi, sukan dan lain-lain. Antara perkataan yang boleh digolongkan dalam jenis pinjaman budaya ialah perkataan dan ホームステイ *homusutei* (*homestay*), ロボット *robotto* (*robot*) dan バドミントン *badominton* (*badminton*).

Jenis pinjaman teras/Barat dan pinjaman teras/budaya hanya mewakili sejumlah yang kecil daripada keseluruhan kajian. Antara perkataan pinjaman teras/Barat yang dikenal pasti dalam kajian ini ialah ケーキ *kēki* (*cake*), パーティー *pātī* (*party*) dan ジュース *jūsu* (*juice*). Walaupun kata pinjaman ini mempunyai istilah tersendiri dalam bahasa Jepun, kata pinjaman perlu digunakan sebagai alternatif kepada bahasa natif supaya perkataan-perkataan ini dapat digunakan dalam konteks yang lebih tepat. Sebagai contoh, perkataan ケーキ *kēki* hanya digunakan untuk menunjukkan kek dan tidak mewakili

kuih-muih Jepun yang lain iaitu おかし *okashi* dalam bahasa Jepun. Ketiga-tiga perkataan yang dibincangkan membawa makna benda atau objek ala Barat.

Manakala contoh pinjaman teras/budaya yang didapati dalam kajian ialah ページ *pēji* (*page*), プログラム *puroguramu* (*programme*) dan カード *kādo* (*card*). Perkataan-perkataan ini pula menjurus kepada bentuk digital atau teknologi. Kata pinjaman ini digunakan untuk memberikan makna yang lebih tepat kerana ianya tidak terdapat dalam bahasa Jepun dan supaya ianya mudah difahami semua.

5.1.2 Persoalan Kajian 2

Berdasarkan analisis kata pinjaman yang dijalankan ke atas buku teks *Bahasa Jepun Tingkatan 5*, terdapat 137 kata pinjaman bahasa Inggeris yang digunakan dalam bahasa Jepun. Sejumlah 65 perkataan mengalami perubahan makna. Hasil daripada analisis yang dibuat pada keseluruhan kata pinjaman yang mengalami perubahan makna terdapat empat jenis perubahan semantik yang dapat diringkaskan seperti jadual berikut:

Jadual 5.2 Bilangan Kata Pinjaman dengan Perubahan Semantik

Perubahan semantik	Bilangan kata pinjaman
Pengurangan makna	35
Pemilikan makna baru	25
Peluasan makna	1
Perubahan-perubahan lain	4
Jumlah	65

Jadual di atas menunjukkan bahawa sejumlah besar iaitu 35 daripada 65 kata pinjaman telah mengalami pengurangan makna. Seterusnya, 25 kata pinjaman telah mengalami

pemilikan makna baru dan 1 kata pinjaman yang mengalami peluasan makna. Selain itu, analisis juga menunjukkan terdapat juga 4 perkataan yang mengalami perubahan-perubahan lain iaitu perubahan makna dengan mempunyai makna yang berbeza daripada kata asalnya yang dikenali sebagai *wasei-eigo* atau '*Japanese made English*'. Hasil daripada analisis terhadap keseluruhan kata pinjaman menunjukkan sebahagian besar kata pinjaman akan mengalami pengurangan makna dan pemilikan makna baru. Peluasan makna hanya melibatkan jumlah yang kecil. Perubahan ini memperlihatkan komponen semantik asal kata pinjaman dikekalkan dengan penambahan makna dalam bahasa Jepun. Dapatan kajian ini turut disokong oleh Nadiah Zubbir (2015), Shoji (2013), Hara (2011) Irwin (2011) dan Shibatani (1990) yang menyatakan bahawa pengurangan makna lebih kerap berlaku dibandingkan dengan pemilikan makna baru atau peluasan makna.

1. Pengurangan Makna

Pengurangan makna akan berlaku apabila hanya sebahagian komponen semantik daripada kata asal dikekalkan apabila dipinjamkan ke dalam bahasa Jepun. Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, 35 kata pinjaman mengalami pengurangan makna apabila diserapkan ke dalam bahasa Jepun. Hal ini diperkukuhkan lagi oleh Irwin (2011) iaitu semasa proses pinjaman, perubahan semantik yang paling banyak berlaku adalah pengurangan makna. Analisis keseluruhan kata pinjaman yang mengalami pengurangan makna dapat dilihat pada Bab 4, bahagian 4.5.1.

Contohnya, analisis yang dijalankan ke atas kata pinjaman レポート *repōto* mendapati perkataan ini telah mengalami pengurangan makna apabila disesuaikan ke dalam bahasa Jepun. Pada asalnya ia mempunyai komponen semantik huraian, laporan akhbar, laporan rasmi untuk sesuatu subjek, informasi tentang sesuatu yang sudah berlaku, kad pelaporan pelajar, seseorang yang bekerja untuk seseorang pengurus dan bunyi daripada letupan

atau tembakan. Setelah disesuaikan dalam bahasa Jepun perkataan レポート *repōto* tidak menyerap empat komponen semantik daripada kata asal dan hanya menyerap masuk tiga komponen semantik daripada kata asal iaitu huraian, laporan akhbar dan laporan rasmi untuk sesuatu subjek.

2. Pemilikan makna baru

Kajian menunjukkan kata pinjaman dengan pemilikan makna baru mewakili jumlah kedua terbesar daripada keseluruhan kajian. Analisis keseluruhan untuk kata pinjaman yang memiliki makna baru dapat dilihat pada Bab 4, bahagian 4.5.2. Kata pinjaman ini telah mengekalkan beberapa ciri makna perkataan asalnya iaitu daripada bahasa Inggeris dan tidak semata-mata memiliki makna baru sahaja. Kajian ini mendapati terdapat sejumlah 23 perkataan daripada 25 perkataan yang mengalami pengurangan makna dan pemilikan makna baru. Hal ini disokong oleh kajian oleh Nadiah Zubbir (2015) apabila pemilikan makna baru boleh berlaku pada kata pinjaman yang mengalami peluasan makna dan pengurangan makna.

Sebagai contoh, dalam analisis perkataan ダンス *dansu*, perkataan ini telah mengalami pengurangan makna dan juga pemilikan makna baru. Perkataan *dance* mempunyai komponen semantik set pergerakan menarik untuk muzik tertentu, acara sosial atau keramaian, perlakuan menari, muzik yang boleh ditarikan dan juga aktiviti seni tarian. Setelah dipinjamkan ke dalam bahasa Jepun perkataan ini mengalami pengurangan makna dengan hanya menyerap komponen makna muzik yang boleh ditarikan. Perkataan ini juga memiliki makna baru apabila mempunyai komponen semantik tarian Barat.

Analisis yang dijalankan juga menunjukkan bahawa terdapat kata yang hanya mengalami pemilikan makna baru tanpa mengalami pengurangan makna. Perkataan-perkataan ini

tidak mengambil makna daripada kata asalnya dan telah mendapat makna yang baru apabila diserap ke dalam bahasa Jepun. Shibatani (1990) menyatakan perubahan makna dalam kata pinjaman berlaku dalam kadar yang sederhana. Hal ini adalah bertepatan dengan kajian ini yang menunjukkan terdapat 2 daripada 25 perkataan kata pinjaman yang memiliki makna yang baru. Contohnya, perkataan メモ *memo* dalam kata asalnya mempunyai makna nota rasmi ringkas kepada orang lain di bawah syarikat yang sama. Walau bagaimanapun, apabila dipinjamkan ke dalam bahasa Jepun perkataan ini telah memiliki makna baru yang membawa makna nota ringkas ketika berucap.

Perkataan *hotel* juga turut memiliki makna baru apabila diadaptasikan ke dalam bahasa Jepun. Perkataan *hotel* dalam bahasa Inggeris mempunyai komponen semantik tempat untuk tinggal, tempat untuk minum dan tempat untuk makan. Namun, apabila diserap ke dalam bahasa Jepun perkataan ホテル *hoteru* ini tidak memiliki sebarang makna tersebut tetapi memiliki makna baru iaitu hotel ala Barat.

3. Peluasan Makna

Kajian ini mendapati hanya 1 daripada 65 perkataan yang mengalami peluasan makna. Dapatan kajian ini turut disokong oleh Shibatani (1990) yang menyatakan peluasan makna jarang berlaku jika dibandingkan dengan pengurangan makna. Perkataan ini telah mengekalkan makna daripada kata asal dan juga telah mempunyai makna baru dalam bahasa Jepun. Perkataan ini ternyata turut mempunyai komponen semantik yang berbeza daripada kata asal. Perkataan レストラン *resutoran* misalnya telah mengalami peluasan makna apabila perkataan ini mengekalkan makna daripada kata asalnya yang membawa makna tempat membeli dan menikmati makanan. Perkataan ini juga turut mempunyai komponen semantik restoran ala Barat apabila diadaptasikan ke dalam bahasa Jepun.

4. Perubahan-perubahan Lain

Terdapat 4 perkataan yang dijumpai dalam kajian ini yang boleh digolongkan dalam *wasei-eigo* iaitu キーホルダー *kīhorudā* (*key holder*), サラリーマン *sararīman* (*salaryman*), ワンピース *wanpīsu* (*one piece*) dan ワイシャツ *waishatsu* (*white shirt*).

Perkataan-perkataan ini merupakan perkataan yang wujud dalam bahasa Inggeris dengan makna yang tertentu, namun perkataan-perkataan ini telah membina makna yang baru apabila dipinjamkan ke dalam bahasa Jepun. Gabungan semantik dan morfologi yang istimewa telah menghasilkan perkataan yang dikategorikan sebagai *wasei-eigo* dalam tradisi Jepun. *Wasei-eigo* boleh terdiri daripada gabungan perkataan *gairaigo* yang dipinjam daripada bahasa Inggeris. Gabungan dua perkataan pinjaman ini akan menyebabkan makna perkataan akan berubah daripada bahasa asal. Irwin (2011) mengenali proses perubahan makna ini sebagai '*semantically remodelled*' kerana terdapat perubahan makna daripada kata asal.

Norman (2012) turut menyatakan bahawa perubahan semantik dalam *wasei-eigo*. Beliau menyatakan bahawa terdapat 5 jenis *wasei-eigo* iaitu: 1) perkataan yang dibentuk hasil daripada perkembangan semantik; 2) perkataan yang mempunyai makna berlainan dalam bahasa Jepun daripada bahasa Inggeris; 3) perkataan yang digabung dengan cara yang tidak terdapat dalam bahasa Inggeris; 4) perkataan yang digabung lebih daripada satu perkataan menjadi satu perkataan dalam bahasa Jepun; dan 5) perkataan-perkataan yang dipendekan kepada satu perkataan. Bertepatan dengan pengelasan oleh Norman (2012), kajian menunjukkan bahawa *keyholder*, *one piece* dan *white shirt* merupakan perkataan *wasei-eigo* yang ditemui terdiri daripada perkataan yang mempunyai makna berlainan dalam bahasa Jepun dan bahasa Inggeris. Perkataan *salaryman* pula merupakan perkataan yang terbentuk hasil daripada gabungan perkataan yang terdapat dalam bahasa Inggeris menjadi satu perkataan dalam bahasa Jepun.

5.2 Impak Kajian

Kajian ini yang berdasarkan buku teks *Bahasa Jepun Tingkatan 5* merupakan satu kajian skala kecil untuk melihat perubahan makna dalam kata pinjaman. Terdapat hanya 137 perkataan kata pinjaman dalam bahasa Inggeris yang dianalisis dalam kajian ini. Kajian ini mengkaji jenis-jenis pinjaman dan perubahan semantik dalam kata pinjaman bahasa Inggeris dalam bahasa Jepun untuk membantu pelajar memahami penggunaan kata asal dalam bahasa Jepun berbanding dengan kata pinjaman. Data menunjukkan 35 daripada 137 kata pinjaman mengalami pengurangan makna iaitu bentuk perubahan yang paling tinggi di antara empat perubahan yang telah dinyatakan.

Penemuan ini diharapkan dapat membantu guru dan menyedarkan pelajar terhadap perubahan makna yang berlaku ke atas perkataan bahasa Inggeris yang dipinjamkan ke dalam bahasa Jepun. Pelajar-pelajar di Malaysia lazimnya mempelajari bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua dan mereka sering beranggapan bahawa perkataan daripada bahasa Inggeris dengan bunyi yang hampir sama dalam bahasa Jepun akan mempunyai makna yang sama. Kajian menunjukkan makna kata yang dipinjam boleh berubah dalam pelbagai cara. Antaranya ialah pengurangan makna, pemilikan makna baru, peluasan makna dan perubahan-perubahan lain. Oleh itu, pelajar perlu berhati-hati menggunakan kata pinjaman bahasa Inggeris dalam bahasa Jepun walaupun mereka sudah mengetahui makna perkataan tersebut dalam bahasa Inggeris.

5.3 Cadangan

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, pengkaji melihat terdapat banyak cabang kajian yang boleh dijalankan terhadap kata pinjaman. Pengkaji menyarankan agar kajian mengenai kata pinjaman bahasa Inggeris dalam bahasa Jepun pada masa depan dapat memfokuskan kepada gabungan bidang morfologi dan semantik. Permasalahan ini dilihat

sangat signifikan kerana pada peringkat awal pengkaji berdepan dengan kesulitan dalam memilih dan menganalisis keseluruhan data disebabkan perkataan-perkataan kata pinjaman yang menggabungkan kedua-dua bahasa iaitu bahasa Inggeris dan bahasa Jepun.

Selain itu, pengkaji mencadangkan agar kajian mengenai kata pinjaman khususnya daripada segi perubahan semantik dapat diperbanyakkan. Kajian ini hanya mengkhususkan kepada buku teks *Bahasa Jepun Tingkatan 5*. Dapatan daripada kajian ini tidak boleh diandaikan kepada semua buku teks bahasa Jepun sekolah menengah yang ditulis di Malaysia. Kata pinjaman yang dianalisis memperlihatkan sejumlah besar kata pinjaman adalah terdiri daripada kata nama. Terlalu sedikit kata pinjaman yang terdiri daripada kata adjektif dan kata kerja. Oleh sebab itu, trend perubahan makna terhadap kata adjektif dan kata kerja tidak dapat dilihat dengan jelas. Pengkaji mencadangkan agar kajian yang akan datang melibatkan sejumlah data yang lebih luas dan tidak mengkhususkan kepada satu genre sahaja.

Kajian terhadap kata pinjaman juga perlu diteruskan pada masa akan datang kerana trend penggunaan kata pinjaman daripada bahasa Inggeris telah menunjukkan peningkatan yang ketara. Sebaliknya terdapat juga kata pinjaman yang tidak akan digunakan lagi pada masa akan datang. Justeru itu, wajarlah kajian terhadap kata pinjaman dilaksanakan untuk mengetahui sama ada makna perkataan yang dipinjam berubah mengikut peredaran masa dan budaya ataupun kekal iaitu tanpa perubahan makna.

BIBLIOGRAFI

- A dictionary of loanwords. (1998) (3 ed.). Tokyo: Shogakukan.
- Aitchison, J. (2003). *Linguistics*. London: Hodder & Stoughton Ltd.
- Akamatsu, N. (2006). Literacy acquisition in Japanese-English bilinguals. In R. Joshi & P. Aaron (Eds.), *Handbook of orthography and literacy*. New Jersey: Lawrence Erlbaum Associates.
- Al-Btoush, & Mohammed, A. (2014). English loanwords in colloquial Jordanian Arabic. *International Journal of Linguistics*, 6(2). doi: org/10.5296/ijl.v6i2.5086
- Al-Khatib, Mahmoud A, & Farghal, M. (1999). English borrowing in Jordanian Arabic: Distribution, functions, and attitudes. *Grazer Linguistische Studien*, 52, 1-18.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2004). *Sukatan bahasa Jepun*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Bakers, C., & Jones, S. P. (1998). *Encyclopedia of bilingualism and bilingual education*. Philadelphia, PA: Multilingual Matters.
- Blake, B. J. (2008). *All about languages*. New York: Oxford University Press.
- Bordilovskaya, A. (2012). A study of loan color terms collocation in modern Japanese. *Proceedings of the Annual Meeting of the Cognitive Science Society*, 34(34). Diperoleh daripada <https://escholarship.org/content/qt0xp53730/qt0xp53730.pdf>
- Cannon, G. H. (1996). *The Japanese contributions to the English language: An historical dictionary*. Wiesbaden: Harrossovitz Verlag.
- Carr, M. (1994). Yamato-damashii 'Japanese spirit' definitions. *International Journal of Lexicography*, 7(4), 279-306. doi: org/10.1093/ijl/7.4.279
- Carrol, T. (1997). *From script to speech: Language policy in Japan in the 1980s and 1990s*. Oxford: Nissan Occasional Paper Series No. 27.
- Champ, N. (2014). Gairaigo in Japanese foreign language learning: A tool for native English speakers? *New Voices*, 6, 117-143. doi: 10.21159/nv.06.05
- Chin Siew Siew, Mariana bt Najmudin, Hani Azita Ahmad, & Panel Penggubal Bahasa Jepun. (2010). *Nihongo daisuki Bahasa Jepun Tingkatan 1*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.

- Chipps, S. (2014). What causes loan words to displace native words for existing concepts? [Blog Post]. Diperoleh daripada <https://japanese.stackexchange.com/questions/16245/what-causes-loan-words-to-displace-native-words-for-existing-concepts>
- Daijirin. (2006) (3 ed.). Tokyo: Sanseido.
- Daijisen. (1998) (1 ed.). Tokyo: Shogakukan.
- Damberg, V. (2015). *Returning loanwords translation of western loanwords in Japanese to English*. (Tesis MA), Stockholms University, UK.
- Daulton, F. E. (2008). *Japan's built-in lexicon of English-based loanwords*. Clevedon & Philadelphia: Multilingual Matters.
- Daulton, F. E. (2009). A sociolinguist explanation of Japan's prolific borrowing of English. *The Ryukoku Journal of Humanities and Sciences*, 30(2), 29-36.
- Doi, S. (2013). *Japanese loanwords found in the Oxford English dictionary and Kaempfer's the history of Japan*. (Tesis PHD), Nagoya University, Nagoya.
- Gally, T. (2012). Kokugo dictionaries as tools for learners: Problems and potential. *Acta Linguistica Asiatica*, 2(2), 10-19.
- Halpern, J. (2002). Lexicon-based orthographic disambiguation in CJK intelligent information retrieval. *Proceedings of the 3rd Workshop on Asian Language Resources and International Standardization*, 1-7.
- Hara, Y. (2011). *The use of loanwords in English vocabulary learning*. (Tesis MA), Ball State University, Indiana.
- Harun, D. N. (2008). *Pelaksanaan program bahasa antarabangsa di sekolah menengah*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Haspelmath, M. (2009). Lexical borrowing: Concepts and issues. In Uri Tadmor & M. Haspelmath (Eds.), *Loanwords in the world's languages: A comparative handbook*. Berlin: De Gruyter Mouton.
- Haugen, E. (1950). The analysis of linguistic borrowing. *Language*, 26(2), 210 - 231. doi: 10.2307/410058
- Haugen, E., & Mithun, M. (2003). Borrowing: Overview. In W. J. Frawley (Ed.), *International encyclopedia of linguistics* (2nd ed., pp. 242-247). New York: Oxford University Press.

- Hoffer, L. B. (2005). Language borrowing and the indices of adaptability and receptivity. *Intercultural Communication Studies, XIV*(2).
- Hogan, J. (2003). The social significance of English usage in Japan. *Japanese Studies, 23*(1), 43-58.
- Holmes, J. (2001). *An introduction to sociolinguistics* (2nd ed.). Essex England: Longman.
- Horikawa, N. (2013). *English loan words in Japanese: Exploring comprehension and register*. Portland State University, Portland.
- Huynh, C. (2013). English loanwords in Japanese as a bridge to vocabulary acquisition. *Bulletin of Gakushuin Women's College, 15*, 1-17. Diperoleh daripada <https://jairo.nii.ac.jp/0205/00003250>
- Igarashi, Y. (2007). *The changing role of katakana in the Japanese writing system: Processing and pedagogical dimensions for native speakers and foreign learners*. (Tesis PHD), University of Victoria, Kanada.
- Irwin, M. (2005). Rendaku-based lexical hierarchies in Japanese: The behavior of Sino-Japanese mononyms in hybrid noun compounds. *Journal of East Asian Linguistics, 14*(2), 121-153.
- Irwin, M. (2011). *Loanwords in Japanese*. Amsterdam: John Benjamin Publishing Company.
- Jackson, H. (1996). *Words and their meaning*. New York: Addison Wesley Longman Inc.
- Jamila Mohd, Ooi Guan Lee, Lee Sau Lan, & Rie Kitade. (2014). *Bahasa Jepun Tingkatan 5*. Selangor: Awan Metro Sdn Bhd.
- Kai, M. (2013). *Let's learn Japanese with hiragana and katakana*. United Kingdom: Cambridge Scholars Publishing.
- Katamba, F. (2005). *English words structure, history and usage*. London: Routledge.
- Kay, G. (1995). English loanwords in Japanese. *World Englishes, 14*(1), 67-76. doi: 10.1111/j.1467-971X.1995.tb00340.x
- Kess, J. F., & Miyamoto, T. (1999). *The Japanese mental lexicon: Psycholinguistics studies of kana and kanji processing*. Philadelphia, PA: John Benjamins Publishing Company.
- Kōjien (2008) (6 ed.). Tokyo: Iwanami Shoten.
- Kowner, R., & Dalot-Bul, M. (2008). Japanese: The dialectic relationships between 'Westernness' and 'Japaneseness' as reflected in English loan words. In R. Kowner

- & J. Rosenhouse (Eds.), *Globally speaking: Motives for adopting English vocabulary in other languages* (pp. 250-275). Clevedon: Multilingual Matters.
- Kowner, R., & Rosenhouse, J. (2008). *Globally speaking: Motives for adopting English vocabulary in other languages*. Clevedon: Multilingual Matters.
- Kuang Chin Hei. (2009). Common loanwords identified in Japanese music magazines. *Polyglossia*, 17, 1-16. Diperoleh daripada https://umexpert.um.edu.my/file/publication/00004545_49885.pdf
- Kubozono, H. (1995). Perceptual evidence for the mora in Japanese. In B. Connell & A. Arvantiti (Eds.), *Phonology and phonetic evidence*. New York: Cambridge University Press.
- Kubozono, H. (2006). Where does loanword prosody come from? A case study of Japanese loanword accent. *Lingua*, 116(7), 1140-1170. doi: [org/10.1016/j.lingua.2005.06.010](https://doi.org/10.1016/j.lingua.2005.06.010)
- Lee Sau Lan, Ooi Guan Lee, & Masatoshi Soeda. (2013). *Bahasa Jepun Tingkatan 4*. Selangor: Awan Metro Sdn Bhd.
- Lee Sau Lan, Ooi Guan Lee, & Sugandaran a/l Kaivaliam. (2012). *Bahasa Jepun Tingkatan 3*. Selangor: Awan Metro Sdn Bhd.
- Leech, G. (1976). *Semantics*. Harmondsworth: Penguin Ltd.
- Longman dictionary of contemporary English. (2009). Essex, England: Pearson Longman.
- Loveday, L. J. (1996). *Language contact in Japan: A sociolinguistic history*. New York/ Tokyo: Clarendon Press.
- Lyons, J. (1981). *Language and linguistics : An introduction*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Miller, J. (2006). An investigation into the effect of English learners' dictionaries on international students' acquisition of the English article system. *International Education Journal*, 7(4), 435-445.
- Miura, A. (1979). *English loanwords in Japanese : A selection*. Rutland, Vermont: Charles E. Tuttle Company.
- Myers-Scotton, C. (2006). *Multiple voices: An introduction to bilingualism*. Maiden, USA: Blackwell Publishers.
- Nadiah Zubbir. (2015). *Kajian semantik kata nama pinjaman dalam Daichōhen Doraemon*. (Tesis MA), Perpustakaan UM, Kuala Lumpur.

- Nesi, H., & Haill, R. (2002). A study of dictionary use by international students at a British University. *International Journal of Lexicography*, 15(4), 277-305. doi:org/10.1093/ijl/15.4.277
- Nida, E. A. (1975). *Componential analysis of meaning : An introduction to semantics*. Belgium: Mouton.
- NINJAL (ed). (2005). *A vocabulary survey of modern magazine: 70 magazines published in 1994*. Tokyo: Kokoritsu Kokugo Kenkyujo.
- Nobuyuki, H. (1995). English in Japanese society : Language within language. *Journal of Multilingual and Multicultural Development*, 16(1-2), 45-62. doi: org/10.1080/01434632.1995.9994592
- Norizan Esa, Nordin Abd Razak, & Mohd Ali Samsudin. (2013). Analisis data kuantitatif. In Noraini Idris (Ed.), *Penyelidikan dalam pendidikan*. Shah Alam: Mc Graw Hill.
- Norman, J. (2012). Japanese university student awareness of waseieigo. *JALT 2011 Conference Proceedings*, 442-454. Diperoleh daripada <https://jalt2011-044.pdf>
- Nur Anisah Tan Abdullah, Hamir Habeed Mohd, Hani Azita Ahmad, & Nor Jihah Abd Aziz. (2011). *Nihongo daisuki Tingkatan 2*. Selangor: Percetakan Tabah Sdn Bhd.
- Oshima, K. (2002). Semantic and structural shift patterns of gairaigo in Japan. *Intercultural Communication Studies*, XI(4), 51-65.
- Oxford advanced learner's dictionary of current English. (2010) (8 ed.). Oxford: Oxford University Press.
- Payne, T. E. (2006). *Exploring language structures*. Cambridge, New York: Cambridge University Press.
- Pramvadee Na Nakornpanom. (2014). Japanese English in travel brochures. *International Journal of Social, Behavioral, Educational, Economic, Business and Industrial Engineering*, 8(8), 2501-2506. Diperoleh daripada <https://waset.org/publications/9999033/japanese-english-in-travel-brochures>
- Radford, A., Atkinson, M., Britain, D., Clahsen, H., & Spencer, A. (2009). *Linguistics: An introduction*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Rebuck, M. (2002). The function of English loanwords in Japanese. *NUCB Journal of Language, Culture and Communication*, 4(1), 53-64. Diperoleh daripada https://nucba.ac.jp/themes/s_cic@cic@nucba/pdf/njlcc041/06REBUCK.PDF
- Sanseido's concise dictionary of katakana words. (2010) (4 ed.). Tokyo: Sanseido.

- Sanseido. (Ed.) (1972) *Concise loanword dictionary*. Tokyo: Sanseido.
- Schmidt, & Christopher, K. (2009). Loanwords in Japanese. In Uri Tadmor & Martin Haspelmath (Eds.), *Loanwords in the world's languages: A comparative handbook*. Berlin: De Gruyter Mouton.
- Shalina Omar. (2015). *Being Japanese in English: The social and functional role of English loanwords in Japanese*. Pomona College, California.
- Shibatani, M. (1990). *The languages of Japan*. New York: Cambridge University Press.
- Shoji, M. (2013). *Collocation differences between adjectives in English and English adjective loanwords in Japanese*. University of Birmingham. United Kingdom.
- Snoeyjers, K. (2015). *Loanwords in Japan: Effects on Japanese language and society in the era of globalization*. Leiden University, Hague.
- Stanlaw, J. (2004). *Japanese English: Language and cultural contact*. Hong Kong: Hong Kong University Press.
- Stubbs, M. (2001). *Words and phrases: Corpus studies on lexical semantics*. Oxford: Blackwell Publishers.
- Takashi, K. (1992). Language and desired identity in contemporary Japan. *Journal of Asian Pacific Communication*, 3(133-144).
- Taylor, I. (1981). Writing system and reading. In G. E. Mackinnon & T. G. Wallers (Eds.), *Reading research: Advances in theory and practice* (Vol. 2, pp. 1-51). New York: Academic Press.
- Tsujimura, N. (1996). *An introduction to Japanese linguistics*. Victoria: Blackwell Publishers Ltd.
- Tyson, R. (1993). English loanwords in Korean: Patterns of borrowing and semantic change. *Arizona Working Papers in Second Languages Acquisition and Teaching*, 1(1), 29-36.
- Ui, H. (1980). 'Eigo ni okeru shakuyogo tsuite: Tokuni shakunyu no riyu kara eigo ni okeru shakuyogo tsuite' [On loan-words in English: With special reference to the reasons words in English]. *Bulletin of Daito Bunka, The Humanities*, 18, 1-17.
- Yamaguchi, T. (2007). *Japanese linguistics : An introduction*. New York: Continuum.
- Yamane, N. (2001). Issues in Japanese phonology and morphology. In J. M. v. d. Weijer & T. Nishihara (Eds.), *Clusters as complex segments: Evidence from the*

contrastive phonology of English and Japanese (pp. 357-387). Berlin: Walter de Gruyter.

University of Malaya